

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGKAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322



**Hadi Awang tidak hadir ke Parlimen lagi**

**MARANG PONTENG**

ISTIADAT PEMBUKAAN MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEENAM OLEH YANG DIPERTUAN AGONG

5 Mac 2018

→ ms2

**Husam guna laras bahasa Pas, bukan kempen cara mereka**

→ ms2



**Zahid boleh bersiap jadi PM**

→ ms8



# BAKAL PM, TPM TURUN JELAJAH

**DR MAHATHIR**

dikelilingi ribuan penyokong ketika berucap di atas lori pikap di Kamunting, Taiping hujung minggu lalu.

**SUNGGUH** terharu dan mengujakan. Begitulah yang dirasai oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail selepas disambut ribuan penyokong dalam jelajah mereka.

Calon perdana menteri dan timbalan perdana menteri Pakatan Harapan (PH) itu mula menemui pengundi sejak minggu lalu dengan bermula di Melaka, kemudian ke Felda Cini dalam kawasan Pekan di Pahang dan kawasan kem tahanan ISA, Kemunting, Taiping Sabtu lalu.

Di Taiping, Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah berceramah di Kemunting di atas sebuah lori pikap kecil sebagai pentas yang di kelilingi oleh ribuan penyokong.



→ Laporan penuh muka 2, 16, 17, 30 dan 31



*Natural Safe Effective*

**SABUN MANJAKANI**  
**KAPSUL MANJAKANI**

**OTHER PRODUCTS:**

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA
- SUPPLEMENTS

Contact Info:  
TEL: +6013 754 9335  
EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)



**DR. OLIVE**  
**BODY CARE**



# Tun M panjat lori pikap selepas polis halang guna pentas treler

**B**EKAS perdana menteri berusia 92 tahun, Tun Dr Mahathir Mohamad terpaksa memanjat lori pikap selepas polis tidak membenarkan Pakatan Harapan (PH) menggunakan treler yang dijadikan pentas ceramah pada program di Taiping, Perak 3 Mac lepas.

"Saya sudah jadi perdana menteri 22 tahun. Bukanlah niat saya nak jadi perdana menteri sekali lagi, dah cukup dah 22 tahun.

"Demikian juga dengan lain-lain pemimpin Pakatan Harapan, mereka memang pun ahli politik, tetapi mereka bukan bergantung dalam Pakatan Harapan kerana teringin nak jadi menteri," kata Dr Mahathir di hadapan kira-kira 5,000 penonton yang membanjiri program Jelajah PH di Taiping itu.

Pengerusi PH berkata, parti-parti dalam PH bergabung kerana

ia merupakan satu-satunya cara untuk menjatuhkan 'kerajaan kleptokrat' pimpinan Perdana Menteri Najib Razak.

"Itulah hasrat kita. Bukan untuk diri sendiri. Tetapi kerana kita berpendapat bahawa Najib sedang merosakkan negara.

"Kita ketepikan fahaman yang berbeza-beza, kita membuat Pakatan Harapan supaya dapatlah kita menggembelng tenaga untuk jatuhkan Najib," katanya disambut dengan sorakan gemuruh dari para hadirin.

Timbalan Presiden PH Mohamad Sabu pula menyelar pihak berkuasa kerana menghalang penganjur daripada menggunakan treler sebagai pentas ceramah.

"Kalaupun kapal Jho Low lintas Selat Melaka, polis Malaysia berani tangkap atau tidak? Soal Mohamad sambil disambut dengan jeritan



Mohamad Sabu turut berucap di atas pentas terbuka yang dibuat dari lori pikap selepas polis menghalang trak yang memuatkan pentas digunakan.

"tidak" daripada hadirin.

"Kerana bos mereka Najib Razak mengajar polis supaya tekan rakyat bukan lawan musuh negara," katanya.

Mohamad merujuk kepada

kapal mewah ahli perniagaan Low Taek Jho yang dirampas pihak berkuasa Indonesia di Bali, baru-baru ini.

Mohamad berkata, ketenteraman program PH 4 Mac lepas

diganggu pihak polis.

"Sepatutnya urus program dengan baik kalau tak di sini kita dah mintak di Lake Garden, tempat yang luas.

"Pengikut kami ramai! Kalau kami ambil alih pemerintahan nanti, kita akan hidupkan dan suburkan proses demokrasi di Malaysia," katanya.

Presiden PH Dr Wan Azizah Wan Ismail pula berkata, Najib dan Barisan Nasional (BN) langkuhi dan tidak merasai penderitaan rakyat di bawah.

"Sebab itulah mereka tekan rakyat dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Mereka (BN) tidak merasakan bebanan dan kesusahan rakyat di bawah, marilah kita tumbangkan mereka pada PRU14 kerana inilah peluang terbaik kita," kata ahli Parlimen Permatang Pauh itu.

## Husam guna laras bahasa Pas, bukan kempen cara mereka

**KONTROVERSI** ucapan Naib Presiden AMANAH, Husam Musa tentang haram undi Pas harus difahami dari sudut berbahasa dengan logik parti itu.

Demikian pendapat Ahli Jawatankuasa Pimpinan Nasional AMANAH, Dr. Muhaimin Sulam yang dimuatnaik di status Facebooknya.

Beliau memetik ucapan Husam Musa pada 3 Mac lalu yang disiarkan di laman portal Malaysiakini yang menyebut:

"PAS kata tak pangkah PAS haram sebab akan jatuh kerajaan Islam. Ambo (saya)



pula kata, kalau mengundi PAS yang menongkat (bantu) Umno yang habiskan duit rakyat, haram.

"Haram undi bulan. Ini ambo nak pegang. Nak tahu yang mana betul, kita berdebatlah," kata Husam.

Menurutnya dua perenggan ataupun ucapan tidak sampai dua minit itu seperti menjadi ketidaktentuan.

"Ada dalam kalangan penyokong AMANAH marah dengan kenyataan Husam.

"Bagi pihak sebelah lagi, inilah waktu memulangkan buah keras. Paku dulang, paku serpih. Katanya sohibul hikayat," katanya.

Teks dua perenggan itu katanya adalah teks yang menggunakan nada sindiran atau mengajuk.

"Itu bukan bahasa Husam.

"Tetapi Husam menggunakan laras bahasa biasa

yang difahami oleh penyokong Pas," katanya.

Beliau meminta supaya disemak pada ayat pertama di perenggan pertama.

"Husam menggunakan 'bahasa Pas' dahulu baru diikuti dengan ayat kedua yang memberi maksud jika analogi itu digunakan, maka Husam kata bahawa hukum undi Pas yang menongkat (bantu) Umno adalah haram," katanya.

Analogi itu sebenarnya amat mudah untuk difahami, ujar beliau.

"Melainkan kita hendak berkelahi tak henti-henti sampai mati," katanya.

## Hadi Awang tidak hadir ke Parlimen lagi

**AHLI** Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang memang dikenali sebagai kerap ponteng sidang Dewan Rakyat dikenal pasti tidak hadir lagi di semasa pembukaan Parlimen oleh Yang Dipertuan Agung 5 Mac lepas.

Gambar tempat duduknya yang kosong kemudiannya tular di media sosial berserta kecaman banyak pihak termasuk mempersoal elaun yang diterima Abdul Hadi.

Sebaliknya, foto sama menyaksikan kehadiran ahli parlimen Pas iaitu, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Pasir Mas), Datuk Takiyuddin Hassan (Kota Bharu) dan Nasruddin Hassan (Temerloh).


Untuk rekod, Abdul Hadi turut tidak hadir pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober tahun lalu kerana dikatakan masih dalam tempoh rehat susulan pembedahan mengganti injap jantung di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei 2017.

Sebelum itu, Takiyuddin yang juga Setiausaha Agung Pas memaklumkan pada pemberita di Parlimen, 26 Julai 2017 bahawa Abdul Hadi dinasihatkan oleh doktor supaya mengambil cuti panjang kira-kira dua bulan.

Walau bagaimanapun, Abdul Hadi juga tidak hadir di Dewan Rakyat untuk undian Bajet 2017 pada 7 November 2016 sekali gus mengundang kritikan banyak pihak tentang komitmennya sebagai ahli parlimen.

Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam Parlimen Ke-13 yang bermula hari ini menjadi tumpuan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) diadakan.

Difahamkan, rang undang-undang persempadanan semula kawasan pilihan raya akan dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat bagi diguna pakai pada PRU-14.



# 9 soalan 1MDB tak lekat di Parlimen

Oleh **ARIF ATAN**

**K**UALA LUMPUR: Penggal Keenam Majlis Parlimen yang ke-13, 5 Mac lalu menyaksikan sekurang-kurangnya sembilan soalan daripada wakil rakyat Pakatan Harapan (PH) berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditolak.

Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin memberitahu, empat daripada lima pertanyaan jawab lisan beliau berhubung skandal mega syarikat pelaburan negara sarat hutang itu ditolak.

Soalan-soalan tersebut ditujukan kepada Menteri Kewangan dan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Najib Razak serta kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, keempat-empat soalan tersebut ditolak mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Nombor 23, antaranya dengan alasan pertanyaan yang dibangkitkan sedang dalam proses mahkamah.

Empat soalan mengenai syarikat milik Kementerian Kewangan itu adalah seperti berikut:

1. Minta Menteri Kewangan menyatakan senarai secara terperinci hutang-hutang jangka pendek dan jangka panjang yang wajib dibayar oleh sama ada 1MDB sendiri atau pihak kerajaan

kerana menjadi penjamin kepada hutang-hutang tersebut.

2. Minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis untuk mengesan dan membawa balik Low Taek Jho ke negara ini untuk disoal siasat.

3. Minta Perdana Menteri menyatakan: a) adakah Perdana Menteri bercadang untuk memohon menjadi pencelah (intervener) di dalam kes saman fitnah yang difailkan oleh YB Marang ke atas Sarawak Report (SR) di mahkamah di London dalam keadaan nama Perdana Menteri disebut secara spesifik dalam pernyataan pembelaan yang difailkan oleh SR dan pihak kerajaan telah menghantar wakilnya hadir ke mahkamah di hari pengurusan kes di mahkamah, dan

b) adakah kerajaan sedar tindakan pihak polis menyiasat Datuk Ambiga hanya kerana nama beliau disebut dalam pernyataan pembelaan SR adalah satu bentuk intimidasi ke atas seorang epotential dan material witness, sekali gus boleh mengganggu proses perbicaraan di London itu.

4. Minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah dengan tiba-tiba pendirian kerajaan atau 1MDB bertukar dengan persetujuan untuk membayar kepada IPIC sedangkan sebelum penyelesaian prosiding timbangtara di Mahkamah London, Timbalan Menteri Kewangan Kedua pada 1 Ogos 2016 telah dilaporkan berkata yang 1MDB

akan melawan dan tidak akan membayar tuntutan IPIC (International Petroleum Investment Company) dan anak syarikatnya, Aabar Investment PJS sebanyak US\$6.5 bilion di London itu.

Selain itu, pertanyaan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad yang meminta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat menuntut harta-harta yang telah disita oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) yang dilaporkan bernilai lebih daripada RM14 bilion turut ditolak.

"Saya diberitahu oleh YB Petaling Jaya Utara (Tony Pua), 4 soalan beliau juga ditolak," tulis Hanipa di laman Facebook.

Hanipa yang juga Pengerusi Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH berharap Speaker akan mengkaji semula alasan penolakan isu pembayaran 1MDB kepada anak syarikat IPIC itu.

"MO1 (Malaysian Official 1) dalam Invest Malaysia kata 1MDB memang ada masalah. Betullah tu. Soalan tentang 1MDB memang ada masalah nak 'lekat' di Parlimen," tulisnya lagi.

Untuk rekod, Najib dalam jawapan bertulis yang diedarkan di Parlimen pada 30 Mac 2017 memberitahu 1MDB telah membayar kesemua hutangnya pada tahun 2015 dan 2016 berjumlah kira-kira RM3.84 bilion.

Sehubungan itu, Najib sehingga jawapan bertulis tersebut diedar, memberitahu 1MDB tidak lagi mempunyai se-

barang hutang bank atau hutang jangka masa pendek.

Siasatan lanjut berhubung penyelewengan dana 1MDB sebelum ini dilaporkan sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas mendapat arahan daripada Peguam Negara pada 24 Oktober 2017.

Walaupun banyak negara lain membuat siasatan tentang salah guna dana 1MDB tetapi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menutup siasatan tersebut seperti disahkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim pada November tahun lalu.

Pihak polis menyiasat 1MDB mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan atas kesalahan jenayah pecah amanah dan Seksyen 420 kanun sama kerana menipu.

Sebelum ini, siasatan kes 1MDB dilakukan pihak Bank Negara Malaysia, PDRM dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang terdiri daripada sembilan anggota parlimen BN dan lima dari pembangkang.

Bagaimanapun, laporan PAC yang dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2017 menyatakan Najib tidak terlibat secara langsung dalam isu 1MDB sekali gus tidak pernah melakukan sebarang salah laku.

Laporan itu juga menyifatkan 1MDB mempunyai struktur modal yang lemah dan terlalu bergantung kepada penggunaan hutang.w

## Lucu bila menteri BN bela Jho Low

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Tindakan menteri komunikasi dan multimedia Datuk Seri Salleh Said Keruak membidas pembangkang kerana menguar-uarkan tindakan polis Indonesia menyita kapal layar mewah milik ahli perniagaan kontroversi Low Taek Jho atau Jho Low dianggap sebagai 'melucukan'.

Apatah lagi apabila Salleh mendakwa pihak pembangkang menggunakan "dakwaan tidak disahkan dan terbukti" yang kapal layar mewah itu, Equanimity dimiliki Jho Low dan dibeli dengan dana 1MDB.

"Saya rasa amat lucu apabila membaca kenyataan seorang menteri Umno yang juga pimpinan tertinggi parti itu yang mendakwa tiada bukti kapal layar mewah yang disita dan dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia adalah milik Jho Low, kata ahli parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

"Jika nak bela seseorang

pun berpada-pada. Janganlah sampai jadi bahan lawak," ujarnya sinis.

Hanipa berkata, jikapun dakwaan Salleh itu betul, mengapa Jho Low enggan keluar dari persembunyian dan menafikan secara jelas yang kapal layar mewah berharga US\$250 juta dan dibeli dengan wang 1MDB itu bukan milik beliau?

"Kenapa YB (Salleh) pula yang sibuk nak jadi 'spokeperson' (juruucakap) Jho Low?" soal Hanipa.

Hanipa sebaliknya menyarankan Salleh agar menasihati Jho Low supaya keluar dari persembunyian dan menafikan kapal layar mewah itu adalah milik beliau seterusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang mengaitkan beliau dengan kapal layar mewah yang didaftarkan di Pulau Cayman itu.

Malah tambah Hanipa, kenyataan Salleh seolah-olah menganggap pihak yang merampas kapal Equanimity di Bali itu sebagai tidak tahu

apa-apa, sedangkan menurut Pengarah Jenayah Ekonomi dan Jenayah Khas Indonesia, Agung Setya, rampasan itu dibuat setelah mendapat perintah mahkamah negara itu.

Sehubungan itu Hanipa menyarankan Salleh agar menasihati kerajaan supaya mencabar dakwaan dalam saman DoJ di mahkamah Amerika Syarikat bagi membatalkan saman itu.

"Bila saman dibatalkan habislah cerita 1MDB di US itu. Itu caranya," kata Hanipa.

Beliau juga menasihati Salleh dan kerajaan BN agar mencontohi model Australia, Miranda Kerr yang pernah berhibur di atas kapal mewah itu dan dihadihkan barang kemas oleh Jho Low tetapi memulangkan kembali hadiah mewah tersebut apabila mendapat tahu ia dibeli dengan wang 1MDB yang diselewengkan.

1MDB sedang disiasat di sekurang-kurangnya 6 negara, termasuk AS, Switzerland dan Singapura atas dakwaan pen-



gubahan wang.

Sebanyak US\$4.5 bilion (RM17.6 bilion) diseleweng daripada 1MDB oleh pegawai berpangkat tinggi dana itu dan sekutu mereka, menurut saman sivil difailkan DoJ sejak 2 tahun lalu.

Reuters melaporkan polis Indonesia menyita Equanimity di Bali susulan surat daripada Biro Penyiasatan Persekutuan AS (FBI) yang diterima pada 21 Februari lalu.

Ogos lalu, DoJ meminta penangguhan saman sivilnya bagi merampas aset lebih US\$1.7

bilion yang didakwa dibeli dengan dana dicuri daripada 1MDB kerana sedang menjalankan siasatan jenayah ke atas 1MDB.

Antara aset dikehendaki adalah sebuah kapal layar mewah bernilai AS\$250 juta yang dibeli pembiaya Malaysia, Jho Low yang dinamakan sebagai orang penting dalam saman AS itu.

Menurut saman itu, Jho Low menggunakan wang diseleweng daripada 1MDB untuk membeli Equanimity, kapal layar sepanjang 91m yang didaftarkan di Kepulauan Cayman.



## Minda Pengarang

### PH perlu calon berkualiti, potensi menang

**SETELAH** selesai urusan pembahagian kerusi peringkat parlimen dan Dun seluruh negara, kecuali sedikit di peringkat negeri, Pakatan Harapan kini tentunya sedang menyediakan para calon yang berkualiti dan berpotensi untuk menang.

Maknanya, calon itu tidak saja berkualiti dengan kelulusan yang tinggi dan daya intelegnya tinggi, tetapi juga berpotensi untuk menang. Sudah tentulah diharapkan calon muda diambil kira.

Untuk menghimpunkan segala yang terbaik, yang perlu ada kepada calon Pakatan Harapan memanglah sukar, lebih-lebih lagi memikirkan bahawa manusia ini tidak ada yang sempurna, tetapi mendekati kesempurnaan itu memang wajar.

Ini kerana tuntutan rakyat yang demikian rupa disebabkan perubahan zaman dan keadaan, di mana penyebaran maklumat begitu luas sekali, melalui media on-line dan alternaif yang lain.

Di masa lalu, rakyat sangat bergantung maklumat melalui radio, tv dan akhbar. Maka calon yang popular melalui saluran tradisional itu sangat berguna dan menjadi popular dalam kalangan rakyat. Tetapi kini sudah berubah sama sekali, maka sistem nilai untuk para calon kini semakin sukar.

Namun begitu asas yang kukuh perlu ada dalam kalangan bakal para calon ialah ia sentiasa dilihat berada di tengah rakyat, bukan menjelang pilihan raya saja.

Ia tidak lagi boleh 'berlakon' apabila berada di tengah rakyat. Justeru wakil rakyat bukan pelakon, tetapi wakil yang mendukung aspirasi rakyat.

Bagi parti AMANAH, sudah menjadi



dasar perjuangannya – Peduli Rakyat – tidak kira bangsa dan agama dan di mana saja. Bukan saja menolong mangsa banjir, rumah runtuh dipukul ribut, ke-

miskinan, kekurangan makanan, keluarga yang uzur, kemalangan dan segalanya.

Maka itu calon wakil rakyat dari Pakatan Harapan mestilah sentiasa bersedia untuk berada di tengah rakyat. Inilah kriteria yang perlu ada kepada bakal calon Pakatan Harapan.

Mungkin suasana di bandar dan luar bandar berbeza, terutama keperluan rakyatnya, namun apa yang dikatakan rakyat tetapi memiliki cita rasa rakyat, keperluan sebagai rakyat.

Dalam masa yang sama bakal calon Pakatan Harapan itu perlulah memiliki daya fikir, atau inteleg yang tinggi, yang sanggup dan mampu berbahas dengan hujah yang menarik, terkini dan rasional. Maka itu Pakatan Harapan perlulah memikirkan secara serius hal ini. Adalah memalukan jika wakil rakyat mengenengahkan isu yang remeh temeh, yang sama sekali tidak menguntungkan rakyat.

Dalam keadaan rakyat berdepan dengan kenaikan harga barang, pengangguran belia semakin bertambah, rasuah semakin berskala besar, pembaziran, jurang miskin-kaya semakin luas maka inilah cabaran berat para calon wakil rakyat Pakatan Harapan.

Bagaimanapun, kita yakin PH mampu mengenengahkan calon berkualiti dan berpotensi menang seperti yang diharapkan yang akan menghadapi PRU14 dengan azam untuk membawa perubahan.

## Isu 'murtad' di Sarawak dimainkan

**D**i Sarawak, ada orang Kristian yang namanya macam nama orang Islam. Ada yang namanya ada kalimah bin atau binti.

Ada yang masuk Islam secara pukal. Maksudnya, ada NGO tertentu yang bawa mereka ke agensi agama, Islamkan mereka secara pukal dan tukar nama kepada nama Islam.

Ada yang masuk Islam semata-mata nak kahwin. Sepanjang kahwin tak pernah amalkan Islam. Apabila pasangan mati atau bercerai, balik semula kepada agama asal.

Ada yang Islam semenjak kecil, tetapi dipelihara oleh keluarga bukan Islam dan tak pernah kenal Islam. Tapi dalam kad pengenalan ada perkataan Islam.

Ada juga yang masuk Islam kerana pelbagai tujuan, seperti bantuan kewangan segera, terdesak, ikut ketua, ikut kawan, suka-suka, dan sebagainya.

Mereka yang masuk Islam dalam pelbagai versi itu direkodkan sebagai orang Islam secara pentadbiran oleh agensi agama di sana. Ada yang tukar nama kepada nama Islam dan direkod sebagai orang Islam dalam kad pengenalan.

Ada berpuluh-puluh versi masuk Islam di sana, dengan pelbagai kaedah dan bentuk. Ada pihak yang mengislamkan mereka kerana tujuan politik dan ingin mendapat nama mengislamkan ramai orang.

Orang Islam dalam versi tadi-lah yang memohon untuk "keluar



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER  
USBU'II**

**USTAZ ZOLKHARNAIN ABDIN**  
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

Islam". Hakikatnya, mereka hanya masuk Islam tanpa kesedaran, tanpa kerelaan, tanpa persetujuan atau tanpa pengetahuan.

Jangankan mereka belajar tentang Islam, bahkan ada yang tak tahu pun bahawa Islam adalah agama dan masuk Islam bermaksud menukar agama.

Apabila berdepan dengan situasi tertentu dan mereka mahu "keluar Islam", apa prosedur standard yang perlu mereka ikuti?

Apabila mereka ke mahkamah syariah, mahkamah syariah kata ia tiada bidang kuasa. Mereka pergi ke mahkamah sivil, mahkamah sivil kata bidang kuasa itu ada pada mahkamah syariah.

Apabila mereka pergi Jabatan Pendaftaran untuk minta tukar nama, atau buang perkataan Islam, Jabatan Pendaftaran kata, mereka perlu dapat perintah mahkamah syariah.

Ada yang disuruh ikuti sesi kaunseling, lima atau enam kali. Apa fungsi kaunseling supaya jangan "keluar Islam" kalau pemohon memang tak pernah

"masuk Islam" dalam maksud yang sebenar.

Hakikatnya, mereka yang memohon "keluar Islam" itu, bukanlah orang Islam dalam makna yang sebenar kerana keislaman mereka berasaskan situasi dan tujuan yang disebutkan sebelum ini.

Apabila hal ini timbul, tentulah suatu prosedur standard diperlukan. Itulah yang dipohon oleh Pakatan Harapan Sarawak dalam isu SOP seperti yang dihebohkan itu.

Kononnya Pakatan Harapan setuju, rela, sokong supaya orang Islam murtad dan murtad dipermudahkan. Hanya orang yang saraf otaknya berbelit saja akan anggap begitu.

Pentaksub Pas tahu hal ini, tetapi sengaja diperbesarkan untuk mendapat laba politik. Bagi mereka, jika agama ini tidak digunakan untuk mendapat laba politik, maka tidak sempurnalah "perjuangan Islam" versi mereka.

**Apabila berdepan dengan situasi tertentu dan mereka mahu "keluar Islam", apa prosedur standard yang perlu mereka ikuti?**

**Apabila mereka ke mahkamah syariah, mahkamah syariah kata ia tiada bidang kuasa. Mereka pergi ke mahkamah sivil, mahkamah sivil kata bidang kuasa itu ada pada mahkamah syariah.**





# Robert Kuok, Nazri dan MCA

**E**NTAH siapa dalam Barisan Nasional yang tercicir skripnya, isu Robert Kuok berkembang sehingga hilang kawalan. Barangsiapa yang fasih dengan politik Malaysia, ini plot untuk memainkan sentimen perkauman menjelang PRU14. Robert Kuok sebagai ikon yang distereotaipkan, kapitalis Cina yang kaya – menaja pembangkang DAP - Cina untuk menumbangkan kerajaan Melayu pimpinan Umno. Justeru itu, Melayu diseru untuk bersatu di bawah payung Umno.

Tetapi ia memang tidak masuk akal, seandainya dibaca dalam konteks percaturan strategi BN secara keseluruhannya. Jika ditinjau suasana masyarakat Cina sekarang, keghairahannya untuk perubahan mungkin tidak sekencang PRU13, tetapi ramai akan bersetuju bahawa momentum yang ada pada PRU12 masih dikekalkan.

Apa bezanya momentum antara PRU12 dengan PRU13? PRU12 menyaksikan ketidakpuasan komuniti Cina golongan menengah di bandar terhadap BN. Mungkin lebih mudah jikalau kita bertanya, Cina mana yang tidak menyokong pembangkang dalam PRU12? Usahawan yang berkecimpung dalam dunia korporat, di samping generasi tua di kampung baru yang masih tebal sentimen perkaumannya. Ini kerana ahli korporat tidak sanggup mengambil risiko, di samping generasi tua berasa terhutang budi kepada parti pemerintah, yang ketika itu MCA.

Apa yang berlaku dalam PRU13?



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

Bacaan dunia korporat mendapati kemungkinan BN ditumbangkan itu tinggi, lebih-lebih lagi penguasaan ekonomi kerajaan BN yang jelas tidak meyakinkan. Kemudian generasi tua diyakinkan anak mereka bahawa MCA akan tumbang. Maka mereka sanggup memberi undi kepada Pakatan Rakyat sebagai pelaburan masa depan cucu-cicit mereka.

Justeru itu, lompong sokongan Cina terhadap pembangkang di antara PRU13 dengan PRU12 adalah golongan korporat dan generasi tua. Menjelang PRU14, kedua-dua golongan ini dijangka akan kembali menyokong BN. Ini kerana peluang pertukaran kerajaan persekutuan nampaknya "samar-samar", dan MCA dijangka akan kekal sebagai parti komponen dalam kerajaan.

Tiba-tiba isu Robert Kuok meletus, setelah diserang bertubi-tubi oleh Raja Petra Kamaruddin. Menteri Umno, Nazri Aziz yang pernah mengulas memoir Robert Kuok sebagai "komen yang adil" pada tahun lalu, menukar nadanya dengan menyifatkan Robert Kuok sebagai "anjing yang menggigit tuannya", "pengecut" dan "pondan".

Maka bermulalah tikam lidah antara Nazri Aziz, dengan pemimpin MCA yang menonjolkan dirinya sebagai pembela (kapitalis) Cina.

Masalahnya, sebarang kontroversi yang dikendalikan MCA di bawah pimpinan presidennya, Liow Tiong Lai, akan berakhir sebagai lawak yang membina-sakan. Mereka mula menyerang Nazri Aziz, menuntut agar Nazri memohon maaf, malah dipecat. Bermula dengan kenyataan media, disusuli pula dengan "demonstrasi" di depan ibu pejabat MCA. Ya, berhimpun di depan ibu pejabat MCA untuk memprotes kenyataan seorang pemimpin Umno. Kelakar, bukan?

Namun Nazri Aziz terkenal dengan sikapnya yang keras dan berterus-terang. Beliau tidak mengendahkan protes dan tuntutan MCA, malah terus berperang dengan MCA. Umno mungkin telah merasai bahang isu Robert Kuok, lantas pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan sebagai cubaan untuk meredakan kontroversi ini. Nazri Aziz yang mengangap dirinya berperanan untuk

mempertahankan kerajaan Najib, sungguhpun dilihat berniat untuk menghentikan serangan terhadap Robert Kuok, bagaimanapun enggan memohon maaf.

Perang mulut yang dimulakan gagal ditamatkan, malah beralih kepada pertelingkahan antara MCA dengan Nazri. Nazri sudah tentu enggan tunduk kepada pemimpin MCA, yang dianggapnya bodoh. MCA yang gagal melakukan apa-apa terhadap Nazri, memohon campur tangan PM Najib Razak untuk menyelesaikan pertikaian ini. Langkah ini tanpa perlu disindir Nazri, akan diketawakan komuniti Cina.

Jadi, apa seterusnya? Isu Robert Kuok telah mencungkil semula kemarahan golongan korporat Cina terhadap kerajaan BN. Sedikit sebanyak mereka merasai nasib mereka sama seperti Robert Kuok, walaupun tidak sekaya Kuok. Mereka merupakan kroni BN, menyumbang dana untuk menaja BN, tetapi disasarkan sebagai kambing hitam untuk memenuhi keperluan politik perkauman Umno.

Untuk generasi tua pula, MCA

terbukti sekali lagi sebagai parti yang gagal membela masyarakat Cina. Kali ini, sebuah parti yang mendakwa dirinya mewakili masyarakat Cina, ditewaskan hanya seorang menteri Umno bernama Nazri Aziz, tanpa perlu Nazri menjulang kerisnya. Malah, jangan terperanjat jikalau ada di kalangan generasi tua yang membaca isu ini sebagai penghinaan kerajaan Umno terhadap usahawan Cina. Bukankah ia menguntungkan pembangkang, pada saat-saat ini?

Hakikatnya, Robert Kuok adalah usahawan, jutawan yang mewakili kepentingan golongan atasan. Sudah tentu beliau menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara, tetapi pada masa yang sama, beliau juga antara pemain utama dalam sistem yang menyaksikan komplot antara kapitalis dengan penguasa di tanah air.

Topik perbincangan sebenarnya di sebalik isu Robert Kuok adalah bagaimana dana politik diuruskan. Tetapi politik perkauman membungkus wacana untuk menganjurkan Robert Kuok sebagai wakil masyarakat Cina, sungguhpun kebanyakan Cina padahal tidak berkongsi kepentingan yang sama dengan Kuok.

Wayang kulit ini mungkin membawa mesej tersirat sebagai amaran agar jutawan tidak menghulurkan wang kertas kepada pembangkang. Tapi ia berakhir dengan menghulurkan kertas undi Cina kepada pembangkang. Barangkali ini angpow MCA kepada Pakatan Harapan?



## PRU14: Memang ganjil jika tiada perubahan

**M**emang benar seperti kata Presiden AMANAH, Mohamad Sabu bahawa sungguh pelik jika tiada sebarang perubahan selepas PRU14 ini. Sedangkan pelbagai isu melingkari, yang dibangkitkan oleh rakyat begitu banyak sekali.

Isu ini, khususnya mengenai kebejatan ekonomi, pengangguran bertambah, perkauman dan pelbagai lagi sangat mencengkam sifatnya.

Oleh itu jika tiada perubahan juga selepas PRU14 ini, maka ia dilihat sungguh ganjil, tidak tahu apa yang hendak dikatakan lagi. Namun melihat dari situasi dalam masyarakat yang sedang berkembang, sangat mendorong untuk rakyat mengadakan perubahan.

Kata Mohamad Sabu, dalam satu ceramah di utara, bahawa rakyat Malaysia akan menjadi rakyat yang pelik sekiranya dalam PRU14 ini tidak menukar kerajaan yang kini menghadapi pelbagai krisis,

kepada kerajaan baru yang mahu mengatasi krisis yang parah ini. Segalanya menunggu keputusan PRU14 itu.

Isu yang menimbun sekarang ini, terutamanya harga barangan yang terus naik, yang sangat menekan kehidupan rakyat, dituruti harga minyak yang tidak menentu, malah dilihat lebih banyak naik dari turun, dari minggu keminggu, hambatan GST, pengangguran terus bertambah, semakin banyak syarikat yang tutup, isu rasuah yang bersekala besar, pembaziran, ketirisan dan pelbagai masalah yang mencengkam negara. Semuanya tidak terselesaikan.

Oleh itu, memang sangat ganjil jika tiada perubahan, justru ia memberi gambaran seolah-olah rakyat menerima keadaan yang ada.



Kata Mohamad Sabu: "Takkanlah rakyat daripada pelbagai bangsa dan agama yang dihimpit kesusahan, seolah-olah enggan menerima perubahan. Ini memang pelik."

Bagaimanapun rakyat kini sedang menyaksikan usaha gigih Pakatan Harapan untuk membuat persiapan menghadapi PRU14 akan datang, di tengah-tengah pelbagai cabaran dan hambatan – isu logo, persempadanan semula. Selain isu yang ada sejak lama – isu perkauman dan sebagainya.

Sementara itu isu pengagihan kerusi peringkat parlimen dalam kalangan PH sudahpun selesai dan kini hanya tinggal sedikit saja isu pembahagian kerusi Dun di beberapa negeri. Insya-Allah, dalam beberapa hari lagi, semuanya akan selesai.

Manifesto Pakatan Harapan pula akan

diumumkan tidak lama lagi, bukan menjanjikan gunung emas untuk dibahagikan kepada rakyat, tetapi ia suatu program yang sangat munasabah untuk mengeluarkan rakyat dari kemelut yang ada sekarang. Memanglah rakyat sedang menunggu-nunggu manifesto itu. Bersabarlah sedikit.

Pakatan Harapan bukan membawa 'lampu ajaib' yang begitu mudah sifatnya, tetapi betapapun sukarnya, namun PH berjanji mengeluarkan rakyat dari kemelut yang ada jika menang PRU14 nanti. Maka itu yang diharapkan oleh Pakatan Harapan ialah sokongan rakyat melalui peti undi dalam PRU14 akan datang.

Sebab itu, seperti kata Mohamad Sabu, dalam keadaan yang begini rupa, adalah pelik jika rakyat enggan melakukan perubahan, sedangkan perubahan itu untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.



Nafi individu dalam rakaman audio kerjasama Pas-Umno

## Hanipa saran Nik Abdul kemuka saman

**KUALA LUMPUR:** Ahli jawatankuasa Pas Pusat Nik Abdul Nik Abdul Aziz disaran menyaman pihak yang menyebarkan audio rakaman percakapannya yang mengakui dirinya dan beberapa pemimpin Pas menerima dana daripada Umno dan sememang wujud kerjasama antara Pas dan Umno.

Malah ahli parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin yang membuat saranan itu sanggup untuk menjadi peguambela kepada individu yang bakal disaman Nik Abdul bagi menyoal balas ahli parlimen Pasir Mas itu di mahkamah.

"Saya tak pasti adakah individu yang suaranya wujud dalam rakaman audio mengenai kerjasama Pas dengan Umno, yang sebut terima wang dari Umno, akan memfailkan saman ke atas pihak yang mendedahkan rakaman audio itu," katanya.

Menurut Hanipa, jika individu yang suaranya wujud dalam rakaman audio itu berhasrat untuk mengambil tindakan mahkamah mahupun individu yang namanya disebut dalam rakaman itu mahu mengambil langkah yang serupa, beliau sedia menawarkan diri sebagai peguam defendan (orang yang disaman) dan gembira untuk menyoal balas plaintif di mahkamah.

"Saya adalah pengalaman sikit-sikit soal balas saksi ni. Tapi kes rakaman ini, jikalau berakhir di mahkamah dan diandaikan saya berpeluang soal balas rasanya ini kes yang paling lejen (legend)lah," katanya di Facebook.

Nik Abdul baru-baru ini menafikan audio rakaman berdurasi 18 saat yang didakwa mengandungi ucapannya mengenai penyaluran wang dari Umno kepada Pas.

Dalam satu kenyataan di facebooknya 28

Feb lalu, beliau menganggap penyebaran audio yang tular itu sebagai 'sampah' di kalangan pemfitnah.

"Dakwaan rakaman ucapan saya itu adalah karut, mengarut dan fitnah ke atas diri saya, malah juga secara langsung dan sengaja ke atas parti Pas yang sejahtera daripada terlibat dalam perkara yang diharamkan oleh Islam termasuk memakan rasuah politik Umno atau membuntut di ekor DAP.

"Ia hanya sampah yang tidak layak dimakan kecuali oleh pelahap fitnah seperti Pan (AMANAH) dan sekutunya.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya, berdoa semoga Allah menimpakan balasan segera ke atas para pelakunya kecuali mereka segera bertaubat kepada-Nya," ujar Nik Abdul.

Rakaman audio yang ditularkan itu mengandungi pengakuan individu yang dida-

kwa Nik Abdul mengaku menerima wang berjumlah RM2 juta daripada Umno bagi tujuan 'menjatuhkan DAP' dalam pilihan raya negeri (PRN) Sarawak.

Sebelum itu, Naib Presiden AMANAH Husam Musa dalam siri ceramahnya juga menyebut mempunyai bukti audio pemimpin Pas yang mengakui menerima wang daripada Umno.

Manakala Naib Ketua Pemuda AMANAH Kelantan Hazmi Hassan pula memuat naik dua audio yang didakwa mengandungi ucapan Nik Abdul itu di dalam facebooknya.

Pada tahun lalu, Pas dihambat kontroversi apabila laman portal Sarawak Report mendakwa parti itu menerima RM90 juta sumbangan wang daripada Umno.

Ekoran daripada itu, Pas mengambil tindakan undang-undang terhadap Sarawak Report di mahkamah London.

## Kit Siang lapor SKMM difitnah blogger pro-BN

**PUTRAJAYA:** Kesal dijadikan bahan fitnah tidak berkesudahan di laman sosial, Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang bertindak membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Tokoh veteran DAP itu hadir ke ibu pejabat SKMM 1 Mac lalu bagi membuat laporan terhadap blog The Third Force ekoran fitnah terbaru terhadapnya yang mendakwa beliau menerima dana daripada jutawan Tan Sri Robert Kuok.

Menurut Kit Siang, tulisan bertajuk "Stop Lying, Kit Siang. You Got Paid By Robert Kuok" oleh penulis bernama Raggie Jessy menyenarakan beberapa dakwaan palsu terhadapnya.

"Bahawa saya telah menerima pembiayaan daripada Robert Kuok. Bahawa pembiayaan selepas

pilihan raya itu adalah berjumlah RM100 juta, yang disumbangkan sepanjang tempoh empat tahun.

Kit Siang menyerahkan aduan kepada pegawai SKMM dengan diiringi beberapa pemimpin DAP.

"Bahawa saya adalah seorang 'evangelis' yang bertanggungjawab ke atas aktiviti sekumpulan 'evangelis' radikal, yang merencanakannya bagi mencetuskan perbalahan di antara orang Cina dan orang Islam.

"Bahawa saya, oleh kerana itu ialah seorang yang anti-Muslim, anti-Islam dan merancang mewujudkan pemerintahan de facto Cina di Malaysia," ujar Kit Siang membaca teks laporannya.

Menurut ahli parlimen Gelang Patah itu, laporan yang dibuat olehnya bersesuaian dengan peruntukan Seksyen 233 Akta Ko-

munikasi dan Multimedia tentang penyebaran berita palsu.

Turut sama mengiringi Kit Siang ialah Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng, Adun Kampung Tunku Lau Weng San, dan Ahli Majlis MPKJ Young Syefura Othman.

Kit Siang menegaskan, berita palsu adalah ancaman terbesar kepada keamanan, perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia kerana ia digunakan untuk melanjutkannya kepentingan politik parti kerajaan.

Dalam forum sehari sebelumnya, Kit Siang memberitahu hadirin tentang dakwaan jahat blog terbabit.

"Mungkin saya sahaja dalam dunia ini yang boleh menjadi seorang evangelis, tanpa menganut agama Kristian," ujarnya disambut ketawa hadirin.



Kit Siang menyerahkan laporan kepada SKMM dengan diiringi beberapa pemimpin DAP.

## Kerajaan BN bakal hilangkan berbilion aset 1MDB

**KUALA LUMPUR:** Tindakan beberapa negara merampas dana dan aset membabitkan syarikat pelaburan kerajaan, 1MDB sepatutnya membuka mata pihak berkuasa Malaysia dengan sekurang-kurangnya menuntut kembali dana dan aset yang diselewengkan itu.

Namun sikap membisu kerajaan BN terhadap perkembangan memalukan itu menimbulkan persoalan apatah lagi nilai rampasan berjumlah berbilion ringgit itu besar kemungkinan 'hilang' kerana keengganan kerajaan membuat tuntutan.

Ahli parlimen Petaling Jaya Utara Tony

Pua berkata, media antarabangsa The Swiss sebagai contoh melaporkan sebanyak RM400 juta wang berkaitan 1MDB yang dirampas pihak berkuasa negara itu pada Nov tahun lalu mungkin akan diserap kerajaan Switzerland kerana tiada pihak yang menuntutnya.

"Soalan terbesar untuk (perdana menteri) Datuk Seri Najib Razak jawab ialah kenapa kerajaan Malaysia masih belum mengambil sebarang langkah untuk mendapatkan semula wang yang dirampas tersebut?"

"Atau sekurang-kurangnya, adakah

Perdana Menteri cuba untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak berkuasa Swiss untuk mengesahkan bahawa rampasan RM400 juta itu merupakan wang yang dicuri daripada dana 1MDB? soal Tony.

Menurut beliau, segala persoalan ini perlu dijawab memandangkan rampasan itu melibatkan aset yang dicuri atau diubah dari 1MDB.

Terkini, pihak berkuasa Indonesia berjaya merampas kapal layar Equanimity milik Jho Low bernilai US\$260 juta (RM1 bilion) yang didakwa diperolehi menggunakan dana terkait 1MDB oleh Jabatan

Kehakiman Amerika (DoJ).

Kapal layar ini adalah salah satu daripada aset berjumlah US\$1.7 bilion yang mahu disita oleh DoJ menerusi Kleptocracy Asset Recovery Initiative membabitkan 1MDB.

"Adakah kita akan membiarkan Amerika Syarikat meneruskan rampasan aset-aset ini yang bernilai hampir RM7 bilion tanpa berbuat apa-apa?"

"Atau adakah Perdana Menteri berasa sangat malu kerana telah banyak wang yang dicuri dan diubah dari 1MDB sehingga beliau tidak berani meminta dana ini dipulangkan?" soal beliau.





# ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX JEMAAH 1 FREE**  
\*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH MUSIM BIASA

**HARGA DARI RM4,900 (11h/09m)**

CUTI SEKOLAH

**HARGA DARI RM5,190 (11h/09m)**

[www.alfajrtraveltours.com](http://www.alfajrtraveltours.com)

## PAKEJ CUTI SEKOLAH 2018

### AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-23  
(BULAN MAC)  
KAWASAN SELANGOR  
\*TARIKH & TEMPAT AKAN DI BERITAHU KEMUDIAN

**YURAN RM200**

SILA HUBUNGI :  
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines  
نسمالطيران

**PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH**

### HARGA TIKET NESMA DARI

**LOW SEASON** RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)  
**PEAK SEASON** RM3,250 (KUL/JED/JED/KUL)



### MAC (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
22 MAC	KUL/JED/JED/KUL	5,090

### APRIL (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 APR	KUL/JED/JED/KUL	4,900
10 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,000
19 APR	KUL/JED/JED/KUL	4,900
28 APR	KUL/JED/JED/KUL	4,900

### MEI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
07 MEI	KUL/JED/JED/KUL	4,900
16 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,490
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,490
29 MEI	KUL/JED/JED/KUL	7,900

### OKTOBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
10 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,990
17 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,990

24 OKT	KUL/JED/JED/KUL	5,090
29 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,990

### NOVEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
06 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,190
10 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
11 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
12 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
14 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
15 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,290
18 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,190
19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
20 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
24 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890
26 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
28 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890

### DISEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,890
03 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
06 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,890
08 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,990
10 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
11 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
12 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,990
15 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,990
17 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
18 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
20 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,990
22 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,890
24 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,190
26 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,190
27 DIS	KUL/JED/JED/KUL	4,990
29 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,190

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795

EMAIL : [alfajr\\_travelsb@yahoo.com.my](mailto:alfajr_travelsb@yahoo.com.my)

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

(768307-X)(KPL/LN 5056/1)



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

<b>KEDAH</b> UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709 011-4066 0800 / 013-741 0321	<b>MELAKA</b> HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	<b>PERAK</b> EN FAIZUL 012-568 1150	<b>PAHANG</b> HJ YUSOF 016-987 5115	<b>NEGERI SEMBILAN</b> HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	<b>SABAH</b> HJ AWANG ADI 013-559 8889
	<b>SELANGOR</b> HJ NORSHAM 011-3231 4248	<b>KELANTAN</b> CIKGU NASIR 013-906 5903	<b>P.PINANG</b> UST LATIF 019-510 0255	<b>JOHOR</b> HJ KAMAR 019-776 3300	<b>SERAWAK</b> HJ IBRAHIM 013-823 5841

### SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN  
AMPANG MOHD ROZARIZAL  
AMPANG HJ CONNIE  
AMPANG HJ ROSNANI  
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR  
KLANG HAJAH FADILAH  
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE  
BATANG KALI USTAZ ANAS  
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT  
KLANG HJ MUSTAFAR  
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA  
BANGI HJ MOHD JAOLLI  
SHAH ALAM HJ HASSAN  
HULU KELANG HJ ROZALI  
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL  
BANGI HJ NORBAH  
HULU SELANGOR NORAISHAH  
SERENDAH RADZIAH MD ISA

### PAHANG

BENTONG HJH ROHANI  
JENGA HJH RABIAH  
KUALTAN HJH MARZIANI  
PEKAN HJ YUSUF AWANG  
TEMERLOH HJ JOHARI  
KUALTAN HJH NORMAH  
BENTONG HJ ABD MANAN  
RAUB NAIM ASHAARI  
FELDA BUKIT GOH HJH SHARIFAH

### SARAWAK

SG.LADA,SG MIRI ASLI

### Wakil Daerah

012-640 3144  
013-364 6452  
017-681 2727  
019-256 0478  
013-607 7722  
011-3550 0615  
019-277 7070  
019-225 0189  
019-332 6002  
012-350 5437  
012-235 8640  
019-359 6423  
010-221 2962  
019-250 1210  
019-214 0246  
019-234 1922  
012-222 8958  
019-567 2254

### Wakil Daerah

019-383 4586  
013-704 6646  
013-908 5969  
019-958 4003  
012-964 9730  
016-987 5115  
019-383 4586  
012-243 7490  
013-950 2565

### Wakil Daerah

013-885 1234

### SABAH

SABAH HAJI RAMLI  
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH  
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE  
WP LABUAN EN ZULKIFLI  
KINABATANGAN MOHD JEFRI  
KUNAK ENCIK KASMAN  
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN  
SANDAKAN ENCIK SAHAR  
KUNDAT ARAHIM BIN LAJAKAYA  
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH  
ZAN BELURAN AWANG DAMIT  
TUARAN & KB MIASIN BIN MION  
BALONG HJH ROSNAH

### PERAK

BOTA HJH AZIZAH  
TAIPING HJ ABDUL RAHIM  
IPOH MOHD ANI  
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG  
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD  
BAGAN DATO HAJI HAMZAH

### K. LUMPUR

SEMARAK KASHPUL ANUAR  
SEGAMBAT HJH ROHANI  
DAMANSARA HAJI ROSLEE  
KEPONG MEGAT NAJIB

### MELAKA

BANDAR MELAKA HJH MASTURA  
ALOR GAJAH M.NAZEERY  
JASIN PN ROHANI HARUN

### Wakil Daerah

019-589 3194  
019-883 4852  
013-556 9894  
014-504 1963  
011-5166 5530  
014-885 5963  
017-647 1594  
019-803 0104  
013-893 6806  
019-823 1419  
013-286 8839  
010-510 7871  
019-808 3885

### Wakil Daerah

016-774 8965  
016-562 8140  
012-589 8965  
017-523 9308  
014-254 5221  
019-347 1575

### Wakil Daerah

016-656 5803  
019-248 3420  
012-327 6401  
012-315 8613

### Wakil Daerah

017-347 7612  
017-698 1474  
012-651 6003

### KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN  
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI  
BACHOK CIKGU NURI  
NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI  
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID  
PASIR MAS HAJI ALIAS

### N.SEMBILAN

BAHAU UST ZUBIR  
NILAI YAHYA OTHMAN  
GEMAS RIZAL KEMIS  
TELOK KEMANG ABD RAHMAN  
RASAH AZMAL  
SEREMBAN UBAIDAH  
JELEBU HJ MAZIN

### PERLIS

KANGAR MOHD SOLEHIN

### KEDAH

BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ

### JOHOR

AIR HITAMUTHM HJ. BAHARUDDIN  
PARIT RAJA HJ. YAHYA  
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN  
SRI GADING HJ. ABD. JALIL  
PARIT SULONG HJ. REDZUAN  
YONG PENG HJ. A. RAZAK  
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM  
SRI MEDAN HJ. RAMLI

### Wakil Daerah

019-980 8538  
013-972 9304  
019-989 9028  
017-237 2387  
012-951 8172  
019-915 5656

### Wakil Daerah

012-380 6140  
011-1096 6342  
019-604 6315  
017-365 4399  
016-585 4141  
013-361 2875  
011-1064 1046

### Wakil Daerah

019-460 6016

### Wakil Daerah

019-474 3732

### Wakil Daerah

011-1053 0254  
013-753 3090  
017-729 2402  
011-1875 7710  
011-1519 2400  
013-770 3346  
017-716 6499  
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD  
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI  
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH  
RENGIT HJH JUNINAH  
TKG. PECAH HJH. ARFAH  
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN  
SRI GADING HJH. ZAHARAH  
SKUDAI EN. ABD. JALIL  
NUSA JAYA HJ. RUHAIZAT  
SENAI EN. ZAINUDIN  
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL  
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH  
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH  
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI  
PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM  
PARIT RAJA EN. MAIROP  
KULAI/LULU TIRAM PN. ROPINAH  
SIMPANG RENGAM AZREEN  
KULANG HJ. SHAMSUDDIN  
BANDAR TENGKARA MOHD ARIEFF  
MUAR HJ. WAGIMAN  
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM  
SIMPANG RENGAM ABD WAHAB MAH  
ULU TIRAM HJ. MARJONI  
MAJIDEE HJH SUKARTINI  
PLENTONG MUHAMMED ALI  
BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTI'AH  
SETIA INDAH HASNIZAN  
PASIR RAJA EN. SULAIMAN  
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN  
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD  
PARIT RAJA MOHD ZAINOL  
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI  
TAMAN PUTERI USTAZ NORAMAHAINI  
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477  
012-722 8004  
013-956 2524  
017-752 2803  
017-268 9029  
019-700 0440  
013-777 7044  
019-779 9787  
019-661 3068  
012-798 4776  
018-577 8898  
019-776 3345  
013-749 4432  
019-797 2464  
013-750 1889  
017-712 3656  
013-770 2810  
019-777 0075  
018-715 1764  
019-792 6047  
013-700 0454  
019-720 0536  
016-717 9098  
013-754 6044  
013-716 4114  
019-709 1148  
019-313 2274  
016-707 2307  
011-1273 7991  
016-751 6565  
013-722 4568  
019-778 4487  
019-728 2233  
019-728 3783  
019-374 4393

\*\*HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).  
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.



# Kalau saya boleh kenapa kerajaan tidak, soal Rafidah

**B**ekas menteri kabinet Tan Sri Rafidah Aziz mendakwa beliau telah berjaya mengesan dan merakam kedudukan kapal pesiar mewah Equanimity di perairan Phuket, Thailand pada tahun lalu.

Di laman Facebook beliau pada Ahad 4 Mac, Rafidah memuat naik beberapa gambar dan video yang diambilnya dipercayainya sebagai kapal layar, yang dikaitkan dengan skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Satu gambar menunjukkan anggota kru Equanimity, sementara yang lain mempunyai kapal layar kecil (bot yang lebih kecil digunakan untuk mengangkut penumpang dan bekalan antara kapal ke pantai) yang berlabuh di marina di Phuket pada waktu malam dengan dua orang berdiri di sebelahnya.

Dua keping foto dalam sisi berbeza dipercayai menunjukkan kapal Equanimity yang dirakamkan oleh Rafidah Aziz ketika beliau berada di pulau peranginan Phuket pada tahun lalu.

Rafidah berkata beliau berjaya menentukan lokasi sebenar Equanimity dengan menggunakan sistem pengenalan automatik (Automatic Identification System-AIS) semasa



dalam perjalanan untuk menyelam setahun yang lalu di pulau peranginan tersebut.

"Saya sendiri meninjau kedudukan bot berkenaan bersama jurupandu bot pengajar ketika Equanimity berada di laut.

"Saya sendiri mengambil gambar dan video Equanimity pada jarak yang sangat dekat, termasuk sebuah bot kecil ultra mewah di marina di Phuket pada malam itu,"katanya.

Menurut bekas menteri perdagangan antarabangsa dan industri ini lagi, beliau telah diberitahu oleh beberapa orang di marina bahawa Equanimity telah berlabuh di luar pesisir dan pemilik adalah tetamu di pantai itu, tambahnya.

Dia berkata dia diberitahu bahawa kapal itu telah berlabuh di Phuket malam itu kerana pemiliknya sedang merayakan Hari Valentine di pantai bersama tetamunya.

Beliau menambah bahawa carian Internet mudah dapat mendedahkan pemilik yacht dan memetik laman web 'SuperYatchFan', yang menamakan Jho Taek low dan dana pelaburannya yang beraskan Hong Kong, Jynwel Capital sebagai pemilik kapal itu, bernilai AS\$250juta (RM974.5juta).

Pada Khamis lalu, Menteri Multimedia dan Komunikasi, Datuk Seri Salleh Said Keruak mengeluarkan kenyataan bahawa tidak ada bukti sahih bahawa Equanimity dimiliki oleh Low, atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

Kenyataan Salleh Said datang selepas Reuters melaporkan bahawa Indonesia telah merampas Equanimity di Bali.

Ia mengatakan bahawa kapal layar itu sedang dicari oleh Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat sebagai sebahagian daripada penyiasatan rasuah berjuta-juta dolar AS yang dikaitkan dengan 1MDB.

Ia juga menyebut terdapat 34 anak kapal di atas kapal mewah itu.



Rafidah memuat naik gambar Equanimity, kapal mewah milik Jho Low dalam facebooknya. Gambar itu diambil setahun lalu, kata Rafidah.

## Jalan mudah nafikan saja, kata Mahfuz

**B**AGI ahli parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar, menafikan penglibatan Jho Low dalam rampasan kapal layar mewah Equanimity di Bali, Indonesia adalah jalan paling mudah untuk mencuci tangan.

Katanya, seperti yang diduga, cepat benar panglima Umno berpencah silat menafikan penglibatan Jho Low dalam rampasan kapal layar mewah The Equanimity di Bali, Indonesia itu.

Menteri Multimedia dan Komunikasi Datuk Seri Salleh Said Keruak tampil menafikan berita itu dengan menyatakan "tiada bukti yang menunjukkan ahli perniagaan Low Taek Jho adalah pemilik kapal tersebut" dengan menganggap ia adalah berita palsu.

Katanya, tidak ada masalah bagi Datuk Seri Salleh Said Keruak ke depan bagi menjawab tohmahan terhadap Perdana Menteri.

Sebagai hulubalang besar, katanya, dalam saat getir menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14 amat penting bagi seorang pemimpin setia berdiri sebelah dengan ketua bagi menangkis segala

serangan yang ditujukan kepada pemimpinnya.

"Tanggungjawab beliau berusaha mengkambus segala lubang dalam yang digali dengan apa cara sekalipun, asalkan bau bangkai yang terhidu dapat ditutup, walau hanya seketika,"katanya.

Ironinya, kata Mahfuz, Salleh membela Jho Low kali ini.

"Mekanisme beliau itu adalah supaya apa sahaja kaitan dengan PM termasuk Jho Low mesti dibersihkan atau dijauhkan dari tohmahan liar. Nampak beriya-nya benar beliau mahu mensucikan insan istimewa ini," kata Mahfuz.

"Apa istimewanya Jho Low di hati PM, UMNO dan Datuk Seri Salleh Keruak?" soal bekas naib presiden Pas itu.

Beliau mempersoalkan, mengapa Jho Low begitu sangat dibela umpama seorang negarawan ulung negara ini?

"Apakah serangan terhadap Jho Low bererti serangan terhadap negara?" soal Mahfuz yang kini ahli parlimen bebas itu.

Isunya, kata Mahfuz, adalah kapal mewah Equanimity telah



dirampas di Bali, Indonesia oleh pasukan berkuasa Indonesia dengan bantuan Biro Siasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI).

Equanimity adalah suspek utama aset milik 1MDB yang diselewengkan dan dibeli dan diselenggarakan dengan harga AS\$250 juta (kira-kira RM1 bilion).

"Soal siapa pemilik kapal tersebut sedang dalam siasatan pihak berkuasa AS dan Indonesia. Tetapi AS dan Indonesia pastinya telah melakukan perancangan rapi sebelum merampas kapal terbabit.

"Jho Low atau pemilik kapal sebenar boleh menyaman Indonesia atau AS jika terbukti mereka memburukkan imejnya manakala kapal tersebut bebas dan bersih

dari skandal terbabit,"katanya.

Tetapi, soalnya, mengapa bersungguh Datuk Seri Salleh mahu membela dan melindungi Jho Low?

"Bukankah lebih baik beliau membela negara daripada membela seorang individu seperti Jho Low,"katanya.

Bagi Mahfuz, Said patut bersikap profesional dengan tidak melulu menyerang balik semua yang mengkritik PM.

"Lebih baik beliau serahkan kepada pihak berkuasa Indonesia dan AS membuat siasatan.

"Jika betul itu milik Jho Low, maka biarkan dia ditangkap dan didakwa oleh AS dan jika terbukti tidak betul, sila bersihkan nama Malaysia dari diburukkan oleh skandal melalui 1MDB itu.

"Melulu dalam membela Jho Low dalam istilah politik menandakan ada sesuatu yang tidak kena sedang berlaku atau ibaratnya perangkap sedang mengena mangsa,"katanya.

Bagi beliau, Salleh mungkin sudah faham bahawa skandal 1MDB telah hampir sampai ke kemuncaknya.

## Equanimity belum diserahkan kepada AS

**KAPAL** pesiar mewah Equanimity yang ditahan polis Indonesia minggu lalu yang disiasat berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) masih belum diserahkan kepada pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS), lapor agensi berita Antara.

Kapal yang dikaitkan dengan ahli perniagaan Low Taek Jho itu masih dalam siasatan, yang dikendalikan jabatan siasatan jenayah ibu pejabat polis Indonesia ke atas sejumlah anak kapal dan kaptennya, kata Ketua Polis Daerah Bali Inspektor Jeneral Petrus R Golose.

"Kes kapal asing ini masih dalam proses siasatan dan belum ada penyerahan kapal kepada peguam negara AS, kerana masih disiasat," kata Petrus, seperti dipetik Antara.

Beliau menjelaskan siasatan itu melibatkan pelbagai negara dan akan mengambil sedikit masa.

Agensi berita itu juga melaporkan kapal tersebut masih berada di pelabuhan Benoa sejak ditahan pada 28 Februari lepas.



# Penyelesaian isu keluar Islam di Sarawak

**B**aru-baru ini heboh bahawa AMANAH Sarawak telah menyokong orang Islam untuk keluar Islam. Ini adalah kerana AMANAH Sarawak bersama-sama dengan rakan Pakatan Harapan (PH) yang lain iaitu DAP dan PKR telah menandatangani satu kenyataan akhbar yang bertajuk 'Clear Laws and Guidelines Needed For Converts' (2/3/2018).

Kenyataan akhbar itu telah dibuat berikutan Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah di Sarawak mempunyai bidang kuasa tersirat untuk memutuskan kes-kes berkaitan permohonan keluar Islam.

Sebelum itu, masyarakat di Sarawak mempunyai masalah kerana Mahkamah Syariah enggan untuk mendengar kes-kes berkaitan permohonan keluar Islam kerana tiada undang-undang yang jelas berkaitan dengan perkara tersebut khasnya dalam Ordinan Mahkamah Syariah 2001 dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.

Akhirnya, permohonan sedemikian hanya diputuskan oleh Majlis Islam Sarawak yang memutuskan hal tersebut secara administratif. Memutuskan sesuatu perkara secara administratif memerlukan satu garis panduan yang jelas supaya tidak berlaku sebarang penyalahgunaan kuasa oleh pihak eksekutif.

Jika dibandingkan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, bidang kuasa itu jelas dinyatakan dalam Seksyen 61 iaitu "Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah



dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam".

Selepas kenyataan akhbar itu dibuat, Pejabat Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan mengkaji kedua-dua ordinan yang dinyatakan di atas bagi menyelaraskan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan.

KANUN percaya bahawa antara kajian yang dibuat adalah untuk memasukkan peruntukan seperti yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes berhubung perisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.

Negeri Sembilan antara negeri yang mempunyai tatacara khusus berkaitan perisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam. Ini dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Peruntukan tersebut telah menyatakan dengan jelas mengenai proses istitabah yang menjadi aspek penting sebelum seseorang itu diisytiharkan sebagai bukan Islam. Dengan

adanya peruntukan yang jelas begini seseorang pemohon itu tidak akan tertanya-tanya mengenai tatacara dan proses perisytiharan itu.

Proses istitabah ini adalah proses untuk memastikan bahawa pemohon yang ingin keluar Islam itu memahami sebab mengapa beliau ingin keluar Islam dan bukannya dipengaruhi oleh sesiapa. Menurut seksyen tersebut Hakim akan menasihati pemohon untuk bertaubat dan jika pemohon menerima nasihat tersebut kes akan ditutup.

Walau bagaimanapun jika pemohon enggan bertaubat, pemohon akan menjalani sesi kaunseling selama 90 hari bersama dengan Pegawai Perunding Cara Aqidah. Jika selepas sesi kaunseling itu gagal, Hakim boleh memerintahkan pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan yang tidak melebihi tempoh satu tahun.

Jika sesi runding cara dan bimbingan itu juga gagal maka baharulah Mahkamah akan membuat keputusan berkaitan perisytiharan keluar Islam itu.

Dalam satu kajian oleh Universiti Malaya bertajuk "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah (Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail) menyatakan terdapat juga kes yang difailkan dengan alasan mereka bukan beragama Islam dari awal, pemohon masuk Islam beramai-ramai tanpa mengetahui erti syahadah yang diucapkan atau pemohon telah salah didaftarkan sebagai Islam oleh pihak

Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai Dalam kajian mereka pada tahun 2015, didapati bahawa permohonan keluar agama di mahkamah syariah bukan berpunca daripada tindakan seseorang Islam itu untuk murtad tetapi kebanyakan kes difailkan kerana pemohon ingin membetulkan status agama dalam kad pengenalan akibat kesilapan teknikal yang berlaku semasa pendaftaran nama di Jabatan Pendaftaran Negara.

Dalam satu kajian lain oleh Universiti Malaya bertajuk "Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan (Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail) menyatakan bahawa permohonan terbanyak untuk perisytiharan bukan Islam di Negeri Sembilan adalah dibuat oleh saudara baru (muallaf) dan oleh orang yang Ibu dan bapanya atau salah seorang beragama Islam tetapi dibesarkan oleh orang bukan Islam.

Jelas sekali bahawa amat jarang berlaku kes yang mana orang itu asalnya Islam atau lahir sebagai orang Islam tetapi memohon untuk diisytiharkan sebagai orang bukan Islam. Ini menunjukkan bahawa tidak berlaku secara berleluasa cubaan untuk memurtadkan orang Islam. Banyak juga yang dilaporkan bahawa masalah permohonan keluar Islam ini berlaku kerana berlaku krisis rumah tangga antara pasangan yang memeluk Islam. Dalam hal ini, Majlis Agama Islam patut lebih pro-aktif dalam aktiviti dakwah untuk mencegah hal ini supaya

tidak berlaku.

Berbalik kepada isu asal dalam kenyataan akhbar PH Sarawak, nampaknya PAS cuba mengeruhkan keadaan. Dalam Kenyataan Media Penerangan 176/47, Ketua Penerangan PAS Pusat, Nasrudin bin Hassan menyatakan PAS menyatakan bantahan tegas terhadap kenyataan akhbar PH Sarawak. Baginya, cadangan tersebut seolah-olah menggalakkan lagi pihak keluar daripada Islam dan seolah-olah sudah tiada prinsip Islam dalam politik parti AMANAH.

Anehnya, beliau sendiri gagal mengemukakan apakah cadangan yang beliau lontarkan bagi menyelesaikan isu ini. Beliau hanya menyatakan bahawa isu tersebut harus dirujuk kepada agamawan dan mufti semata-mata. Jelas nampaknya PAS tidak berupaya untuk menangani isu negara jika hanya itulah cadangannya. PAS sendiri nampaknya tidak melakukan sebarang kajian tentang hal ini dan hanya membuat kenyataan akhbar berdasarkan laporan yang dilaporkan dalam portal semata-mata tanpa turun ke padang.

Justeru, sebagai sebuah parti politik kita harus mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh rakyat. Masalah yang ada perlu diselesaikan dengan rasional dan bukan dengan emosi. Kenyataan akhbar Pakatan Harapan Sarawak itu tidak sewajarnya dilihat dalam konteks untuk memudahkan orang murtad tetapi untuk menyelesaikan masalah yang wujud di kalangan masyarakat Sarawak.

## SPRM mulakan siasatan kes pengarah JSJ

**SURUHANJAYA** Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan terhadap Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Wan Ahmad Najmuddin Mohd berhubung wang yang dimasukkan ke dalam akaun banknya di Australia.

TheSun melaporkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (operasi) SPRM Azam Baki berkata suruhanjaya itu membuka fail siasatan selepas seorang pemberi maklumat membuat laporan 5 Mac lepas.

Beliau berkata pengadu berkenaan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, maka identiti individu berkenaan tidak boleh didedahkan.

"Pada mulanya kami dengar kes itu daripada sumber terbuka, dan kami tidak boleh terus bertindak. Seperti yang kami katakan sebelum ini, kami menghormati siasatan dalaman oleh polis dan kenyataan dibuat timbalan perdana menteri.

"Kami akan mempertimbangkan

semua itu, dan dengan maklumat baru diterima daripada pemberi maklumat semalam, kami akan memulakan siasatan secepat mungkin," katanya dipetik sebagai berkata.

Azam berkata pegawai penyiasat SPRM akan ke ibu pejabat polis Bukit Aman dan bekerjasama dengan polis Australia bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kes itu.

"Kes berlaku di Australia pada 2016. Maka, kami perlu mendapatkan maklumat berkaitan daripada pihak berkuasa dan polis."

Semalam, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Paul Low berkata penyiasat badan anti rasuah itu perlu menyalut Wan Ahmad, bukannya menunggu laporan dibuat.

Polis Malaysia mempertahankan Wan Ahmad dengan Ketua Polis Negara Mohamad Fuzi Harun berkata pengarah JSJ itu menerima wang berkenaan hasil penjualan rumahnya di Shah Alam bernilai RM700,000 dan meminta rakannya memasukkan wang tunai ke akaun banknya di

Australia.

Fuzi berkata Wan Ahmad memberikan justifikasi mencukupi bagi keperluan mendapatkan akaun di luar negara, bagi tujuan membiayai pendidikan anaknya.

Katanya, polis tahu berkenaan akaun Wan Ahmad pada 2016 dan siasatan dalaman mengenai hal itu dijalankan oleh Jabatan Pematuhan Standard dan Integriti.

Wan Ahmad, yang dinaikkan pang-

kat ke jawatan pengarah JSJ pada April tahun lalu dilaporkan berkata beliau membuka akaun di Australia pada 2011 untuk menyalurkan dana bagi tujuan membayar pengajian ijazah sarjana anak perempuannya.

**DR. OLIVE BODY CARE**  
NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

**SERUM**  
CONTENT:  
OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

**-20% Sale DISCOUNT**

Serum 5ml RM 31.90  
Serum 20ml RM 127.70

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal  
SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DÉODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+60 13 754 9335  
drolivebodycare@gmail.com  
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare



# Laporan Unicef bukti miskin kota terpinggir

Oleh HUSIN MAHAT

**KUALA LUMPUR:** Laporan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unicef) menjadi bukti terbaru kegagalan kerajaan BN untuk merangka dan melaksana dasar-dasar yang mampu mengangkat martabat rakyat termiskin, khususnya kanak-kanak yang dibesarkan di kawasan projek perumahan rakyat (PPR).

Laporan bertajuk "Children without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur" yang diterbitkan awal minggu ini membongkar keperitan dan kepayahan hidup warga miskin kota, serta kesan kemiskinan terhadap tahap pendidikan dan perkembangan kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana tersebut, kata Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil.

Menurut Fahmi, antara lain Unicef mendedahkan bahawa 99.7% kanak-kanak di flat kos rendah adalah dari keluarga miskin manakala 7% dari keluarga miskin tegar; manakala 10% kanak-kanak di PPR menikmati kurang dari tiga

hidangan sehari.

Kajian Unicef juga mendapati 15% kanak-kanak di bawah umur 5 tahun di flat kos rendah kurang berat badan manakala 22% mengalami pertumbuhan terbantut dengan 23% kanak-kanak mempunyai berat badan berlebihan.

Lebih mengejutkan, hanya 50% kanak-kanak 5 dan 6 tahun pergi ke prasekolah, berbanding 92% di peringkat kebangsaan pada 2015; manakala sepertiga keluarga yang dikaji tiada bahan bacaan untuk kanak-kanak di bawah umur 18, dan 40% keluarga tiada alat permainan untuk kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.

"Fakta-fakta ini amat memanjatkan. Ia bermakna jika benar ekonomi negara sihat seperti yang didakwa Umno-BN, maka nikmat ekonomi ini tidak dirasai semua lapisan masyarakat terutama warga miskin kota.

"Nampaknya laporan ini mengukuhkan persepsi bahawa yang kaya bertambah kaya manakala yang miskin terus merana," ujar Fahmi.

Mengulas lanjut inti laporan tersebut, Fahmi menerima baik

syor-syor laporan tersebut termasuk pengenalan elaun penjagaan kanak-kanak, meningkatkan tempoh cuti bersalin, dan mengkaji semula pendapatan garis kemiskinan (PLI) untuk mengambil kira pelbagai faktor termasuk saiz dan tahap kesihatan isi rumah.

"Saya juga percaya bahawa rekabentuk dan senibina projek PPR perlu dikaji semula untuk mengambil kira aspek keselamatan terutama bagi kanak-kanak dan warga emas, serta untuk mengatasi isu-isu yang sering dihadapi warga PPR seperti lif rosak, kekurangan akses ke pengangkutan awam serta masalah sampah dan kebersihan persekitaran," kata beliau.

Fahmi bagaimanapun kesal kerana sehingga kini tiada sebarang respon rasmi dari Putrajaya berkenaan laporan Unicef tersebut.

Sehubungan itu, beliau menggesa menteri-menteri terabit termasuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri Kesihatan, Menteri Pendidikan, Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat dan Menteri Wilayah Persekutuan segera memberi penjelasan



bagaimana masalah-masalah yang dilapor Unicef boleh terjadi kepada keluarga-keluarga termiskin ini.

"Kanak-kanak adalah harapan dan masa depan negara kita. Jika kerajaan yang ada sekarang gagal untuk melaksana reformasi yang diperlukan untuk memperbaiki

keadaan terutama buat golongan termiskin di kota, maka rakyat perlu memilih parti yang mampu memberi harapan untuk membina masa depan yang lebih baik dan lebih adil untuk semua," tegas beliau yang juga Ketua AMK Lembah Pantai.

## RoS tidak boleh langgar perlembagaan parti termasuk Umno

**PETALING JAYA:** Jabatan Pendaftar Pertubuhan (RoS) perlu menjelaskan sama ada benar ia melanjutkan tempoh pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi, Bahagian dan Cawangan Umno sehingga melebihi 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan pada 19 April 2018.

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sekiranya benar RoS memberi kebenaran mesyuarat setiap peringkat Umno boleh diadakan sehingga tarikh tersebut, ia telah melanggar perlembagaan Umno.

"Jika sampai April depan (19 April 2018) tidak ada apa-apa pemilihan dibuat oleh Umno, apakah status ahli Umno yang memegang jawatan dalam tempoh sebelum ini dan bagaimana status pertubuhan Umno itu sendiri.

"Ini bermakna 21,000 cawangan, 191 bahagian dan semua Ahli Majlis Tertinggi Umno sudah melanggar Fasal 10.16 Perlembagaan Umno yang hanya memberikan penangguhan tidak boleh melebihi 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan," ujarnya pada sidang media di ibu pejabat PPBM, dekat sini, 1 Mac lalu.

Pada sidang media yang sama, bekas Ketua Pegawai Eksekutif Ideas Wan Saiful Wan Jan mengumumkan menyertai PPBM.

Muhyiddin yang juga ahli parlimen Pagoh menambah, Umno telahpun menangguhkan pemilihannya selama 18 bulan yang berakhir pada 19 April ini dan RoS tidak mempunyai kuasa melanjutkan tempoh melebihi apa yang termaktub dalam fasal 10.16 perlembagaan Umno.

"Adakah RoS mempunyai kuasa melanjutkan tempoh setahun lagi? Setahu saya RoS yang bertanggungjawab menguruskan pertubuhan tidak boleh melangkaui perlembagaan sesebuah parti.

"Jika benar Setiausaha Umno Agung kata sudah mendapat kebenaran RoS (bagi melanjutkan tempoh pemilihan parti) atau secara rasmi RoS telah membenarkannya sehingga 19 April 2019, RoS perlu jawab," ujarnya merujuk kenyataan Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Mansor.

Tengku Adnan pada 27 Feb mendakwa penangguhan pemilihan Umno yang telah diputuskan sebelum ini akan dijalankan selewat-lewatnya pada 19 April 2019.

Kelulusan penangguhan pemilihan tersebut, katanya merujuk kepada Seksyen 13A(4) Akta Pertubuhan 1966 yang memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk melanjutkan tarikh/waktu pemilihan pertubuhan berdaftar dengan syarat suatu permohonan bertulis telah dibuat.

Bagaimanapun Muhyiddin berkata, tindakan RoS itu bertentangan dengan Fasal 10.16 Perlembagaan Umno yang memperuntukkan Majlis Tertinggi Umno berhak menangguhkan pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi, Bahagian dan Cawangan tidak melebihi 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan.

Muhyiddin yang juga bekas timbalan presiden Umno berkata, persoalan mengenai pemilihan parti itu berbangkit semasa beliau masih berada dalam Majlis Tertinggi Umno.

"Saya ketika itu ada dalam Umno lagi. Ini kerana masa yang ada hanya pada bulan Nov 2016 sepatutnya semua peringkat pemilihan sudah bersidang.

"Tetapi dengan alasan untuk memberi fokus kepada pilihan raya, pemilihan parti ditangguhkan.

"Sepatutnya pilihan raya diadakan pada 2017 sekarang dah masuk 2018 dan saya nak tanya sah lagi ke semua jawatan ahli dalam parti yang ada sekarang?" soalnya sambil menunjukkan buku Perlembagaan Umno.

Menurut Muhyiddin lagi, RoS tidak berlaku adil dalam menangani isu berkaitan perlembagaan parti seperti yang dihadapi PPBM dan DAP.

"Kita nak pulangkan 'batu buah keras' kepada Umno dan RoS. Ketika di awal dulu

nak selesaikan PPBM kita terima arahan RoS kena ikut perlembagaan, mesti ada mesyuarat agung tahunan. Itu yang kita buat.

"Padahal kami tidak sama dengan Umno. Kami parti baru tubuh dan tidak minta (tangguh) 18 bulan, hanya minta lanjut sedikit masa kerana di peringkat bahagian PPBM masih belum cukup tempoh setahun penubuhannya dan cawangan-cawangan masih belum ditubuhkan," jelas Muhyiddin.

Namun tambah beliau, dalam surat bertarikh 28 Jul 2017, RoS menolak permohonan PPBM dan menasihatkan parti itu supaya melaksanakan mesyuarat agung tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh perlembagaan.

"Ini bermakna walaupun struktur PPBM masih belum lengkap sepenuhnya, PPBM digesa melaksanakan Perhimpunan Agung Tahunan pada 2017 lalu," ujarnya.

Sehubungan itu PPBM, jelas beliau telah mengadakan mesyuarat agung pertamanya pada 30 Dis 2017 namun RoS kemudiannya membuat ugutan kononnya parti telah melanggar perlembagaan kerana tidak mengadakan persidangan bahagian dan cawangan dan pendaftaran PPBM boleh dibatalkan.

"Kenapa ada layanan yang dilihat berbeza dalam pertubuhan politik seperti Umno dan PPBM oleh RoS?" soal beliau.



TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI  
DESTINASI  
MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
<del>NOVEMBER</del> 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
<b>APRIL</b> 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
<b>FEB</b> 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
<del>NOVEMBER</del> 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
<b>WINTER</b> 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
<b>SPRING</b> 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
<b>SUMMER</b> 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
<b>AUTUMN</b> OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ JUMRAH**

**PAKEJ  
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
<del>NOVEMBER</del> 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	<b>MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M</b>	<b>MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M</b>
<del>FEBRUARI</del> 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
<b>MAC</b> 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

**PAKEJ  
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
<del>DISEMBER</del> 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>	<b>MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M</b>	<b>MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M</b>
<del>JANUARI</del> 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
<del>FEBRUARI</del> 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
<b>MAC</b> 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
<b>APRIL</b> 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

**PAKEJ  
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
<del>DISEMBER</del> 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	<b>MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M</b>	<b>MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M</b>
<b>APRIL</b> 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		



## Jika 'halal' kenapa Pengarah CID Bukit Aman tak tuntutan wang di Australia?

**SEBELUM** ini kita baca laporan akhbar di Australia, Sydney Morning Herald yang polis Australia melucutkan lebih RM971,800-00 dana Pengarah CID (Jabatan Siasatan Jenayah) Bukit Aman kerana disyaki wang itu mungkin wang haram hasil dari skandal pengubahan wang haram (money laundering).

Akhbar itu juga melaporkan, pegawai polis itu juga tidak menuntut semula dana berkenaan.

Ketua Polis Negara (IGP) pula dilaporkan oleh media menyatakan yang pegawai polis tersebut telah membuktikan sumber wang dalam akaun miliknya di



Australia adalah hasil jualan rumahnya di Shah Alam.

Saya kasihan dengan IGP ini. Nampak sangat naifnya macam naifnya ramai pemimpin parti suci (Pas).

Diandaikanlah benar dakwaan polis tersebut, dana RM971,800 tersebut kononnya dari 'bukti' wang penjualan rumahnya di

Shah Alam dan diandaikan wang dalam akaun di Australia itu memang wang 'halal' dari 'bukti halal', isunya kenapa pengarah CID itu tak mahu tuntutan 'wang halal' yang begitu banyak itu di Australia dengan melantik peguam di sana dan kemukakan 'bukti' itu di sana? Itulah kaedahnya tuan IGP.

Bila anda kata ada 'bukti' wang itu bersumber dari sumber yang halal dan selepas itu tidak mahu pula menuntut kembali wang yang dilucutkan itu, ianya suatu yang pelik. Ianya samalah seperti orang yang membela kapal layar Equanimity bukan milik Jho Low tapi Jho Low pula kata tindakan rampas Equanimity itu keterlaluan.

Kalau bukan milik Jho Low kenapakah Jho Low perlu bersuara?

Akhirnya tuan IGP sekadar tunjuk bukti tak cukup. Bukti itu "must be duly tested" di Australia melalui permohonan di Mahkamah di sana bagi tuntutan semula wang RM971,800 itu.

Baru munasabah pembelaan anda itu tuan IGP. Lagi satu, jangan ingat kita sahaja ada bukti, polis Australia juga mungkin ada lagi banyak bukti!

■ **Penulis ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Nasional.**

## Kapal layar mewah Jho Low beri kesan berantai pada rakyat

**BERITA** Indonesia merampas kapal mewah hartawan kontroversi Jho Low yang didakwa diperoleh menggunakan wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Bali baru-baru ini memenuhi dada berita portal alternatif tetapi tidak di media arus perdana.

Kata bekas pengarang kumpulan New Straits Times (NST) Mustapha Kamil Mohd Janor, "kita masyhur di serata dunia oleh sebab Jho Low ini, hinggaklah akhbar Chiang Rai Times di kawasan bukit-bukau sempadan Thailand dengan Laos sana pun siarkan berita kapal Jho Low itu".

Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat (AS) percaya sekurang-kurangnya AS\$4.5 bilion wang 1MDB disalahgunakan dan mereka sedang berusaha mendapatkan kembali aset AS\$1.7 bilion yang dikaitkan dengan skandal itu.

Kapal Equanimity bernilai AS\$260 juta atau hampir RM1 bilion itu sebahagian daripadanya dan dijejak DoJ, dalam siasatan mereka untuk menyita aset yang dikaitkan dengan pengubahan wang haram melibatkan 1MDB. Jho Low yang gagal dikesan hingga kini didakwa membeli Equanimity menggunakan wang dicuri daripada dana 1MDB yang didaftarkan di Kepulauan Cayman.

Mengapa media arus perdana malu-malu kucing melaporkannya? Adakah kerana ia tiada nilai berita atau kerana setiap berita mengenai skandal 1MDB umpama selumbar kepada parti pemerintah dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak?

Jawapannya adalah ya kepada keduanya. Ia dianggap tiada nilai berita terutama bagi media arus perdana yang lebih ramai penonton dan pembacanya di kalangan rakyat luar bandar. Dan isu 1MDB jelas termasyhur sebagai skandal rompakan dana rakyat terbesar dunia dan membawa imej buruk kepada Datuk Seri Najib. Ringkasnya, lagi baik tiada berita berkenannya. Itu kehendak Umno-BN.

Meskipun pihak pembangkang telah dan sedang melaksanakan penerangan berkaitan 1MDB namun isu berkenaan masih kurang difahami rakyat luar bandar berban-

ding isu kos sara hidup meningkat, cukai GST dan harga barang naik. Reaksi bekas-bekas Menteri seperti Tan Sri Rais Yatim dan Tan Sri Rafidah Aziz terhadap isu 1MDB juga mungkin tidak kesampaian ke kampung-kampung.

Tun Dr Mahathir umpamanya menjelaskan bahawa Jho Low adalah sahabat karib Datuk Seri Najib dan Datin Seri Rosmah.

"Datuk Seri Najib ialah Penasihat berkuasa penuh syarikat milik Kerajaan 1MDB. Tidak ada keputusan boleh dibuat oleh 1MDB tanpa persetujuan Najib," tambah Tun Dr Mahathir.

Ini bermakna Najib perlu tahu dan bertanggungjawab akan apa terjadi kepada wang 1MDB sebanyak RM1 bilion yang digunakan oleh Jho Low untuk bina/beli kapal layar Equanimity," ujarnya lagi.

Peguam Gobind Singh Deo dan Hanipa Maidin, masing-masing Ahli Parlimen daripada DAP dan Parti Amanah Negara menyanggah pandangan Peguam Negara yang kerajaan tidak akan menuntut kapal mewah tersebut.

Kata mereka, walaupun kapal itu bukan milik kerajaan dan bukan atas nama kerajaan, namun saman DoJ ke atas 1MDB juga mempunyai kaitan dengan kerajaan malah ada kaitan yang rapat antara Jho Low dengan 1MDB dan MO1 (Malaysian Official 1) dengan kerajaan.

Persoalannya, apa kaitannya isu 1MDB dan kapal mewah ini dengan masalah rakyat?

Ia berkaitan kerana wang 1MDB iaitu wang syarikat milik kerajaan hilang dan dijoli begitu sahaja sedangkan rakyat dibeban melalui cukai GST, harga barang yang naik dan penghapusan subsidi.

Putrajaya sebelum ini telah menegaskan bahawa dana 1MDB tidak hilang atau dicuri. Ini disandarkan kepada laporan Jawatankuasa Audit Negara. Datuk Seri Najib juga pernah berkata dana 1MDB tidak hilang tetapi ialah hutang yang boleh dilunaskan oleh aset yang lebih daripada hutang.

Masalahnya hutang itu diambil dari mana dan benarkah aset cukup untuk bayar hutang? Berapa lama pula tempoh hutang akan selesai? Dengarnya hanya pada tahun 2039 menurut Pelan Rasionalisasi.

Di samping itu, bukankah Datuk Seri Najib pernah mengaku 1MDB mengalami masalah tadbir urus dan mengarahkan satu siasatan menyeluruh. Apa sudah jadi?

1MDB berhutang dengan beberapa dana rakyat. Antaranya ialah daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera (melalui kontrak kepada Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perkeso.

Hutang 1MDB yang berlipat kali ganda dan kadar faedah yang tinggi telah menggugat dana rakyat namun apabila terselewang dan dicari ganti daripada tabung-tabung rakyat maka sudah tentu ada kesannya. Kegagalan 1MDB membayar hutang ini boleh menjejaskan pelaburan wang rakyat dalam dana-dana berkenaan.

Kerajaan kata wang itu tidak hilang tetapi kes berkait 1MDB di merata dunia membuktikan sebaliknya. Lebih malang aset dan wang rampasan berlaku di luar negara namun tidak diendahkan malah diabaikan sebarang tindakan oleh parti pemerintah.

Bukankah wang bernilai RM1,000 juta boleh digunakan sebahagiannya untuk membina sekolah, jalan raya, jambatan, hospital dan pelbagai keperluan asas rakyat? Malah mungkin menurunkan harga minyak.

Justeru, isu 1MDB dan kapal mewah ini penting dan berkait dengan masalah rakyat. Ia mengesani kesejahteraan kehidupan rakyat akibat pengurusan dan tatakelola yang pincang lagi menyeleweng. Ia berkait dengan maruah, sistem keadilan dan kedaulatan negara.

Hakikatnya, kutipan GST terpaksa dilakukan kerana duit telah hilang. Wang negara dibazirkan, dicuri, ditiriskan dan dibawa lari oleh orang-orang seperti Jho Low sedangkan rakyat menderita. Mereka seorang joli kapal mewah RM1,000 juta namun rakyat



dapat BR1M RM1,200 setahun, itu pun bukan semua yang dapat.

Dengan penghapusan pelbagai jenis subsidi barangan ruji rakyat sejak 2010 maka kenaikan harga barang tidak lagi dalam kawalan kerajaan. Menjelang 2015, subsidi minyak juga terhapus. Apabila subsidi barangan ruji seperti tepung, minyak masak, beras dan gula dipotong, bukan sahaja harga barangan itu naik tetapi harga barangan lain juga naik.

Ditambah pula dengan dengan kadar mata wang ringgit yang lemah akibat krisis keyakinan masyarakat antarabangsa dan pelabur asing serta skandal 1MDB, maka harga barangan import meningkat naik. Memandangkan kita mengimport 80 peratus barang makanan seperti cili, bawang, beras, gandum, kambing, lembu dan sayur maka kesan kenaikan harga barang amat terasa.

Tambah derita rakyat setelah subsidi dihapuskan dan mata wang yang rendah, parti pemerintah kutip cukai GST 6% di atas setiap satu ringgit harga barang.

Benar, mungkin kalau masuk kampung rakyat mungkin tidak kenal Jho Low, Equanimity atau 1MDB tetapi rakyat tetap akan marah dengan Datuk Seri Najib dan Umno BN kerana harga barang yang naik, kos sara hidup yang tinggi dan cukai GST yang membebankan akibat tempas skandal 1MDB.

■ **Syed Ibrahim Syed Noh ialah Ketua Penerangan Keadilan.**



# Mahkamah benar permohonan saman PH terhadap RoS

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 1 Mac lalu membenarkan permohonan semakan kehakiman yang dikemukakan Pakatan Harapan (PH) terhadap Pendaftar Pertubuhan (RoS) agar menjawab permohonan pendaftaran gabungan itu.

Hakim Azizah Nawawi turut mengarahkan RoS menjawab permohonan PH dan seterusnya mendaftarkan PH berdasarkan permohonan yang diserahkan pada 28 Jul 2017 lalu.

Timbalan Setiausaha Agung AMANAH

Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus, salah seorang daripada empat pemohon dalam semakan kehakiman itu berkata, pihak RoS sepatutnya bertindak segera dan profesional dalam menguruskan pendaftaran mana-mana pertubuhan khususnya PH.

"RoS tak perlu tunggu sehingga tujuh bulan untuk menjawab permohonan atau surat daripada PH. Ikutlah SOP (Prosedur Operasi Standard).

"Kenapa tiada sebarang jawapan kepada kami sepanjang tempoh itu,"

soal beliau.

Mahkamah menetapkan 15 Mac depan sebagai tarikh pengurusan kes.

PH menamakan Setiausaha Jawatan-kuasa Penaja PH Datuk Saifuddin Abdullah, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Abang Ahmad Kerdee dan Setiausaha Agung PPBM Datuk Dr Shahrudin Md Salleh sebagai pemohon manakala ROS sebagai responden.

## Robert Kuok seorang patriotik, ujar adik PM

**KUALA LUMPUR:** Tidak seperti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan beberapa menteri kabinet yang mengecam keras ahli perniagaan Tan Sri Robert Kuok kerana didakwa kononnya membiayai DAP, tokoh perbankan yang juga adik perdana menteri, Datuk Seri Nazir Razak menyifatkan aikun perniagaan itu sebagai "seorang patriotik dan ikon perniagaan Malaysia".

Malah Nazir yang juga Pengerusi CIMB Group Holding Bhd itu telah memuat naik sekeping gambar beliau bersama Kuok yang diambil setahun lalu di Instagram.

Nazir berkata, dirinya cukup bertuah kerana berpeluang bersama Kuok selama bertahun-tahun dan juga membaca bukunya.

"Saya mungkin tidak bersetuju dengan semua pandangannya tetapi dia seorang patriot, ikon perniagaan Malaysia dan seorang lelaki kelas pertama," kata Nazir.

Baru-baru ini, blogger pelarian Raja Petra Kamarudin menyiarkan tiga artikel yang mendakwa Kuok membiayai parti politik pembangkang untuk menggulingkan Kerajaan.

Kuok, 94, bagaimanapun menafikan dakwaan itu dan bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap portal *Free Malaysia Today* kendalian Raja Petra.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad pula berkata, kejayaan Kuok adalah inspirasi kepada usahawan lain untuk berjaya.

## PH sasar 20 kerusi Parlimen di kawasan Felda

**PEKAN:** Pakatan Harapan (PH) mensasarkan 20 kerusi Parlimen dalam kawasan Felda untuk dimenangi gabungan parti itu pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, kata Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman.

Kini terdapat 54 kawasan parlimen membabitkan kawasan penempatan peneroka Felda di seluruh negara.

"Kalau 35 peratus orang Melayu Felda berubah arah, insya Allah Bera, Temerloh erantut, Cameron Highland, Lipis dan Pekan kita boleh kalahkan BN.

"Di Johor kita punyai potensi di Kulai, Pagoh, Tebrau, Sekijang, Labis dan Segamat, ertinya dua negeri ini insya Allah kita akan dapat 13 kerusi.

"Campur Tanjong Malim, Kubang Pasu, Padang Terap, Baling, Jempol dan Tampin, insya Allah kita ada 20 kerusi parlimen di Felda," ujarnya ketika berucap pada siri Ceramah Selamatkan Malaysia di Felda Chini 2, dekat sini, baru-baru ini.

Mazlan yang juga AJK AMANAH Nasional berkata, sekiranya PH menang pilihan raya dan dapat menerajui negara, beliau mahu mencadangkan kepada calon perdana menteri PH Tun Mahathir Mohamad agar melaksanakan perubahan terutama membabitkan beban



Mazlan sedang berucap di pentas ceramah PH di Felda Chini, Pekan.

hutang setiap peneroka yang kini berjumlah RM100,000.

"Jika kita (PH) bersetuju lupuskan sekurang-nya 50% hutang peneroka disusuli menyemak semula potongan tidak munasabah, dan interest yang dikenakan sebanyak 6.2 peratus selama ini dapat dimansuhkan.

"Jika ini dapat dilaksanakan, hutang peneroka boleh dikurangkan sehingga RM30,000 dan tak sampai 10 tahun hutang peneroka Felda boleh dilupuskan," jelas beliau.

Daripada 14 kawasan parlimen mem-

babitkan peneroka Felda di Pahang, empat kini diwakili PH iaitu Indera Mahkota, Temerloh, Raub dan Kuantan.

Turut berucap Pengerusi PPBM Tun Mahathir Mohamad, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan AJK Pusat DAP Ronnie Liew.

Ceramah Selamatkan Malaysia adalah sebahagian daripada siri lawatan Tun Dr Mahathir dan PH ke Parlimen Pekan.

Para pemimpin PH turut berkunjung ke perkampungan Orang Asli di Kampung Gumun.

## Perlembagaan halang Mahkamah Sivil langkai Mahkamah Syariah

**PUTRAJAYA:** Isu murtad di kalangan umat Islam tidak perlu dihujahkan kerana peruntukan di bawah Artikel 121(1A) jelas menghalang Mahkamah Sivil mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah, kata Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang.

Ahmad berkata, keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa terdapat peruntukan dalam Ordinan Majlis Agama Islam Sarawak berhubung bidang kuasa Mahkamah Syariah Sarawak untuk mengendalikan kes murtad, jelas menunjukkan kuasa sebenar Mahkamah Syariah.

"Mahkamah Sivil tidak boleh melangkai Mahkamah Syariah jika membabitkan hal ehwal umat Islam di negara ini. Ia sudah jelas dalam Artikel 121 (1A).

"Mengapa perlu ia dibincangkan lagi di mana-mana Mahkamah Sivil oleh pihak perayu," ujarnya kepada *Malaysia Dateline*.

Ahmad diminta mengulas keputusan panel Mahkamah Rayuan diketuai Presidennya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinuddin yang menolak rayuan empat orang dari Sarawak bagi membolehkan Mahkamah Sivil mendengar kes murtad.

Dalam penghakiman itu, Mahkamah Rayuan memutuskan Mahkamah Sivil tiada merit mendengar kes murtad kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Seksyen 68 dan 69 Ordinan Majlis Agama Islam Sarawak membolehkan Mahkamah Syariah Sarawak untuk mendengar perkara berhubung isu murtad.

Perayu Syarifah Nooraffyyza Wan Hosen meninggalkan Islam secara sukarela dan menganut Kristian sementara Tiong Choo Ting @ Mohd Syafiq Abdullah, keturunan Bidayuh Kristian yang memeluk Islam untuk berkahwin dengan wanita Islam, kemudian me-

mutuskan untuk kembali menganut Kristian selepas isterinya meninggal dunia.

Dua orang lagi Salina Jau Abdullah keturunan Kayan/Kenyah Kristian yang memeluk Islam untuk berkahwin dengan lelaki Melayu Islam, kemudian menganut Kristian semula selepas bercerai, dan Jenny Peter @ Nur Muzdhalifah pula, seorang Melanau Kristian yang memeluk Islam untuk berkahwin dengan seorang lelaki Islam juga memutuskan untuk kembali menganut Kristian selepas bercerai.



# PH akan tuntutan wang RM400 juta 1MDB di Switzerland

**KUANTAN:** Pakatan Harapan (PH) akan berusaha mendapatkan semula wang berjumlah RM400 juta yang dibekukan di Switzerland susulan siasatan pihak berkuasa negara itu berhubung skandal kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) jika menerajui Putrajaya.

Pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mempunyai hak ke atas wang tersebut dan boleh menuntutnya.

"Bila kita mengetuai kerajaan, kita akan menuntut semula wang itu. Kerajaan Switzerland tidak akan curi duit itu. Mereka tahu duit itu telah dicuri, kita ada hak menuntut duit (yang dirampas) oleh Switzerland, Australia,

Singapura dan Amerika Syarikat.

"Ia wang kita. Mereka (Switzerland) tidak akan pulangkan wang itu kepada kerajaan sekarang tapi akan pulangkan kepada kita selepas bentuk kerajaan baru.

"Jika mereka (rakyat) mahu duit (yang diselewengkan daripada dana 1MDB) undi kita," ujar beliau dalam sidang media, dekat sini, 28 Feb lalu.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai kenyataan Pengerusi 1MDB Tan Sri Irwan Serigar Abdullah bahawa syarikat pelaburan kedua kerajaan itu akan ditutup selepas menyelesaikan segala hutangnya.

"Dia nak bayar hutang RM42 bilion macamana? Bagi tahu kita dari punca mana

kerajaan nak bayar hutang. Kerajaan tidak ada duit sekarang, dia transfer hutang kepada menteri kewangan. Kementerian Kewangan nak bagi pada menteri pun takda duit," ujarnya.

Menjawab pertanyaan media, Tun Mahathir yang juga pengerusi PPBM menjelaskan kehadirannya di Pekan bukan untuk membalas lawatan Perdana Menteri Najib Razak ke Langkawi.

"Saya nak pergi seluruh negara. Najib bagi tumpuan di Langkawi, saya bukan nak bertanding di sana. Mungkin saya bertanding di Kubang Pasu atau Putrajaya," ujarnya.

Ditanya mengapa beliau tidak bertanding

di Pekan, kawasan yang diwakili perdana menteri, beliau mempersoalkan mengapa Najib tidak bertanding di Langkawi.

"Saya dapati Umno mencipta pelbagai alasan. Saya fikir mereka takut dan saya bukan bawa senjata, kalau bacul tak usah lawanlah," ujarnya lagi.

Perdana Menteri pada 17 Feb lalu, telah mengumumkan dana sejumlah RM1.3 bilion melalui lima projek yang sedang dan akan dirancang di Langkawi.

Dalam siri lawatannya di Pahang, Tun Mahathir melawat perkampungan Orang Asli di Kampung Gumun dan berucap pada ceramah PH di Felda Chini yang berada dalam daerah Pekan.

## SPR burukkan tanggapan umum dengan undi pos

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak wajar menambah kategori pasukan beruniform dan kakitangan awam yang layak mengundi pos dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang kerana ia tambah memburuk imej pengendali pilihan raya itu di mata umum.

Bekas pengerusi SPR Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman berkata, empat kategori yang layak mengundi pos sebelum ini sudah memadai berbanding kategori baru yang diumumkan Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah.

"Peraturan dan sistem yang lama sudah cukup baik. (Kategori pasukan beruniform dan kakitangan awam) yang disenaraikan oleh SPR hari ini tidak terbahit secara lansung pada hari pembuangan undi.

"Saya tidak nampak justifikasi apa yang menyebabkan SPR berbuat demikian," ujar Abdul Rashid yang juga naib presiden PPBM.

Beliau diminta mengulas kenyataan Mohd Hashim bahawa sembilan 9 lagi kategori penjawat awam layak memohon sebagai pengundi pos.

Kategori itu termasuk anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, anggota dan petugas hospital serta klinik kerajaan, sukarelawan polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Jabatan Pendaftaran Negara yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Menurut Mohd Hashim, kategori itu telah diputuskan SPR dalam mesyuarat pada 28 Nov 2017.

Sebelum ini kategori pengundi dalam negara yang boleh memohon untuk menjadi pengundi pos ialah anggota tentera dan pasangan, anggota polis dan

pasangan yang tidak dapat hadir semasa Hari Pengundian Awal, petugas media dan petugas pilihan raya yang terpaksa mengundi di luar pusat mengundi.

Ditanya motif sebenar SPR berbuat demikian, Abdul Rashid yang pernah menandatangani jawatan pengerusi SPR pada 2000-2008 tidak menafikan wujudnya, usaha untuk membantu Umno-BN pada PRU14.

"SPR mempunyai kuasa untuk membuat perkara ini (tambah kategori). Tapi SPR perlu berbincang dulu dengan semua parti politik jika nak ubah sedikit peraturan sedia ada.

"Mereka (parti politik) adalah pelanggan SPR. Kalau tak ada pelanggan tutuplah SPR kerana takda kerja.

"Kalau SPR nak tipu macam-macam boleh buat. Saya boleh list satu sampai 100 jika dulu saya nak tipulah (ketika berkhidmat)," ujar beliau.

Sehubungan itu, Abdul Rashid menasihati SPR supaya tidak memburukkan lagi imej kerajaan kleptokrasi yang sudah ada hari ini.

"Saya tidak nampak sebab lain, cukup-cukuplah," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Bersih 2.0 turut mempertikaikan penambahan 9 kategori pengundi pos dan menuduh pihak berkuasaewartakan kategori-kategori itu secara sulit tahun lalu tanpa mewajarkan mengapa kumpulan itu layak mengundi secara pos.

Bersih 2.0 menyifatkan keputusan SPR itu sebagai langkah ke belakang dari sasaran memansuhkan undi pos dan menggantikannya dengan sistem pengundian awal.

Kumpulan pemantau pilihan raya itu juga berpendapat, membesarkan kategori pengundi pos adalah bermasalah dan melanggar prinsip hak mengundi, keselamatan undi, integriti pilihan raya dan proses demokrasi.

## MCA bergantung pada undi Melayu, kata DAP

**SEKINCHAN:** DAP telah mempamerkan kecemerlangan khususnya di Pulau Pinang dan Selangor apabila mewujudkan beberapa dasar yang baik bagi membantu meringankan beban rakyat.

Setiausaha Publisiti DAP Selangor Ng Suee Lim berkata, antara dasar dan inisiatif yang diambil DAP adalah menyediakan peruntukan bagi sekolah pelbagai aliran di Selangor termasuk Sekolah Rendah Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina.

"Bagi sekolah-sekolah ini, kita salurkan bantuan berbentuk geran tahunan sebanyak RM500,000 setahun bagi empat sekolah terlibat.

"Ini tidak pernah dilakukan oleh MCA sejak 50 tahun lalu dan ia secara jelas menunjukkan bahawa DAP menunjukkan kecemerlangannya sejak dua penggal lalu lagi melalui Pakatan Harapan (PH)," katanya.

Sebelum ini, Presiden MCA Datuk Seri Liong Tiow Lai berkata, parti itu yakin dapat meraih sokongan pengundi Cina pada PRU14 berdasarkan sambutan memberangsangkan yang diberikan oleh masyarakat itu di kawasan bandar.

Beliau berkata, gelombang itu jelas kelihatan selepas masyarakat Cina sedar tiada keberhasilan serta perkembangan ditunjuk-

kan sepanjang dua penggal menyokong DAP.

Mengulas lanjut, Suee Lim yang juga Adun Sekinchan berkata, pengundi lebih bijak membuat penilaian sebelum memilih mana-mana parti dalam pilihan raya umum (PRU).

"Jadi kita biarkan MCA terus bermimpi dan pengundi akan menentukan nasib mereka pada PRU nanti," katanya.

Dalam pada itu, Suee Lim turut menyifatkan MCA kini semakin khuatir dan berada dalam dilema memandangkan kebanyakan kawasan dimenangi parti itu sebelum ini adalah kawasan majoriti pengundi Melayu.

Malah Suee Lim berkata, kewujudan PPBM sekali gus membimbangkan MCA berikutan sokongan Melayu terhadap mereka semakin terhakis.

"Kalau kita lihat, kawasan dimenangi MCA seperti Bentong dan Alor Gajah terdiri daripada 50 peratus pengundi Melayu.

"Dengan wujudnya gelombang tsunami Melayu secara senyap selepas kehadiran PPBM, ini menjejaskan peluang mereka untuk kekal menang di kerusi-kerusi tersebut," katanya.

Menurut beliau, berdasarkan prestasi dan khidmat cemerlang yang ditunjukkan DAP melalui PH, ia akan memberi peluang cerah buat parti itu untuk terus meraih undi daripada pengundi Cina dalam PRU14 nanti.



### TERUSKAN RAYUAN...

Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Ustaz Mohd Fakh-rulraza Mohd Mokhtar (tiga dari kiri) mendengar penjelasan peguam Ariff Hazami Hussin selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman atas dakwaan menghasut di hadapan Kompleks Sogo, di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada 4.30 petang, 21 Feb 2015. Berita lanjut di muka 15. Foto WAN ZAHARI SALLEH



# Makan quinoa umpama makan madu dan vitamin, kata PM

## Kuda kawan saya makan karot murah, jelas Tun M

**KUALA LUMPUR:** Menjawab bidasan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tentang makanan kuda yang didakwa lebih mahal dari quinoa, sejenis makan dari Peru yang kini menjadi diet beliau, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mempunyai kuda di Argentina seperti didakwa presiden Umno itu.

"Najib kata, saya belanja duit banyak bagi makan kuda. Saya tiada kuda di Argentina. Kawan saya ada.

"Saya naik kuda orang lain punya. Saya tidak pernah beli kuda. Nasib baik orang bagi pinjam kuda," jelas beliau.

Beliau menambah, kuda yang ditunggangnya itu diberi makan karot murah dan bukannya quinoa

yang menjadi makanan ruji Najib atau nasi vanggey.

"Kuda itu tinggal di Argentina dan biasanya setahun sekali saya pergi tengok, tapi sudah dua tahun saya tidak pergi ke sana.

"Ini kerana (saya sibuk) nak jatuhkan Najib. Tak naik kuda dan tak bagi makan karot kepada kuda itu lagi," ujarnya dalam sidang media di ibu pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), 27 Feb lalu.

Pengakuan Najib bahawa beliau makan quinoa berbanding beras dikritik hebat ketika rakyat menghadapi masalah kenaikan sara hidup dan terpaksa berjimat ekoran kenaikan harga barangan keperluan termasuk beras.

Tun Mahathir turut menyindir pengakuan diet mahal Najib itu



*Diet quinoa Najib mencuri perhatian umum.*

dengan berkata beliau hanya makan nasi beras tempatan sahaja.

Isu tersebut turut mendapat liputan antarabangsa menyebabkan Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan balas.

Pejabat Perdana Menteri menjelaskan Najib mengambil bijiran itu di atas nasihat doktor sebagai sebahagian daripada diet sihat yang diamalkan beliau.

Kesal dengan kritikan bertali

arus pemimpin pembangkang dan netizen di media sosial, Najib menjelaskan bahawa quinoa adalah umpama 'ubat' seperti madu dan vitamin, malah beliau masih makan nasi lemak dan nasi vanggey.

"Tapi adakah Dr Mahathir fikir pasal makanan kudanya yang lebih mahal?

"Beri makan kuda lebih mahal dari beri makan manusia. Saya ingat sebulan beri makan kuda, tiga tahun saya boleh makan quinoa. Beri makan kuda lebih mahal dari makan quinoa. Berapa ekor dia (Dr Mahathir) ada, tanya dia.

"Lepas itu dia bercuti di Argentina pula main kuda. Apa yang mahal sangat quinoa tu, apalah nak jadi isu," kata Najib dilapor media.

## Paksa rakyat beratur panjang dapatkan BR1M

**KUALA LUMPUR:** Pemimpin BN tidak harus menyampaikan baucar mahupun wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada rakyat memandangkan peruntukan itu bukannya datang daripada duit BN, tegas Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke Siew Fook.

Setiausaha Organisasi DAP Kebangsaan berkenaan berkata, BR1M adalah hasil negara dan tidak sepatutnya disampaikan oleh pemimpin BN.

"Kerajaan sepatutnya menggunakan kaedah memasukkan terus melalui perbankan, bukan melalui majlis dianjurkan pemimpin BN.

"Kita tidak pertikaikan pemberian bantuan ini, sebaliknya cara penyampaian itu yang kita pertikaikan dan persoalkan," kata Loke dipetik Sinar Harian.

Beliau yang juga Pengerusi DAP Negeri Sembilan berkata, masih terdapat kawasan yang menganjurkan majlis untuk penyampaian BR1M kepada penerima walaupun pemberian terus melalui akaun telah dilaksanakan.

Mengulas lanjut kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini bahawa BR1M bukan bersifat kepartian dan tidak bermotif politik, Loke berpendapat kerajaan BN sengaja mengelirukan rakyat.

Penyampaian agihan BR1M oleh pemimpin BN juga, jelasnya hanya memancing undi sehingga menyebabkan golongan warga emas terpaksa beratur panjang

semata-mata untuk mendapatkan BR1M.

"Padahal kerajaan boleh sahaja memasukkannya terus ke akaun penerima, tidak perlu mereka beratur panjang seperti yang berlaku di Pekan, Pahang.

"Cara penyampaian yang salah itu hanya untuk kepentingan politik mereka (BN) sahaja," tambahnya lagi.

Najib yang juga Pengerusi BN baru-baru ini melancarkan BR1M peringkat kebangsaan dan memberikan agihan pertama BR1M 2018 ini kepada 2,000 penerima di Pekan, kawasan parlimen yang diwakilinya.

Najib yang juga Menteri Kewangan dalam kenyataan di blog rasminya menuduh pembangkang sebagai berfikiran cetek dan mengamalkan politik kebenaran apabila menganggap BR1M sebagai membeli undi.

"Kalaulah, misalnya BR1M ini kerajaan laksanakan untuk beli undi, sepatutnya kita hanya bagi kepada puak-puak kita sahaja," kata Najib lagi.

Seramai 7.2 juta rakyat Malaysia menerima agihan BR1M 2018 melibatkan peruntukan sebanyak RM6.3 bilion bermula 26 Feb.

Agihan BR1M bagi tahun ini dilakukan menerusi tiga fasa dengan selepas ini dibuat pada Jun dan Ogos depan.

Bermula dengan bantuan sebanyak RM500 kepada 4.1 juta penerima pada 2012, jumlah BR1M dinaikkan kepada RM1,000 pada 2016 diikuti RM1,200 pada tahun lalu.

## Naib Ketua Pemuda AMANAH ditangguh penjara lapan bulan

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 227 Feb lalu membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara lapan bulan ke atas Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Ustaz Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar berhubung kes protes #KitaLawan di ibu negara pada 2015.

Hakim Datuk Paduka Azman Abdullah mengekalkan keputusan serta jaminan sebanyak RM5,000 yang diputuskan Mahkamah Sesyen pada 2016.

Peguam bela Ariff Hazami Hussin ketika ditemui media memberitahu pihaknya masih mempunyai peluang untuk memfailkan rayuan bagi memuktamadkan keputusan akhir selepas ini.

"Pihak kami menerima keputusan yang dibuat Hakim Mahkamah Tinggi dan kita masih ada satu lagi 'level' di peringkat Mahkamah Rayuan.

"Kita percaya apa yang diucapkan oleh Ustaz Fakhurulrazi ini tidaklah mengandungi apa-apa kecenderungan menghasut dan masih dalam ruang lingkup yang dibenarkan undang-undang.

"Apapun, kita menghormati keputusan yang diberikan oleh mahkamah hari ini," jelasnya.

Kumpulan peguam Fakhurulrazi adalah



*Ustaz Mohd Fakhurulrazi*

daripada Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) dan Pertubuhan Pengamal Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Malaysia (Pro-Guam).

Terdahulu, Hakim menolak rayuan daripada pihak peguam bela terhadap sabitan dan hukuman serta rayuan pihak pendakwa raya untuk meningkatkan hukuman.

Mengikut pertuduhan,

Fakhurulrazi didakwa menyebarkan kata-kata menghasut di hadapan Kompleks Sogo, di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada 4.30 petang, 21 Februari 2015.

Beliau dikenakan tuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Antara yang hadir memberi sokongan kepada Ustaz Fakhurulrazi ialah Penolong Setiausaha AMANAH Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus, Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim dan Pengarah Biro Strategi Keadilan Sim Tze Tzin.

Turut hadir bersolidariti Ketua AMANAH Batu Cikgu Ishak Surin serta Pengerusi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) Maria Chin Abdullah.



# Tun Mahathir rob



Dalam usia mencecah 93 tahun, Tun Mahathir masih gagah berucap.

**PEKAN:** Kehadiran bekas perdar...  
 Pakatan Harapan (PH) Mahathir Mohamad...  
 dekat sini 28 Feb lalu telah...  
 Presiden Umno Datuk Seri...  
 Kehadiran bekas perdar...  
 memberi impak besar kepa...  
 gan masyarakat Felda terh...  
 Selama ini undi penerok...  
 gap sebagai 'simpanan teta...  
 menjadikan calon BN di ka...  
 tan Felda berada dalam ke...  
 Presiden Persatuan Anak P...  
 Kebangsaan (Anak) Mazlan...  
 Mazlan ditemui pada ma...  
 di Felda Chini 2, 3 Mac lalu.  
 Kehadiran ribuan warga...  
 ramah PH menunjukkan m...  
 kini telah berubah dan ber...  
 sokongan kepada pemban...



Bersila santai mendengar ucapan pemimpin PH.



Mazlan menjelaskan isu-isu yang melingkari Felda sambil didengar teliti Tun Mahathir.



Rombongan Tun Mahathir singgah minum petang di rumah seorang peneroka.



Ketibaan Tun Mahathir disambut Datuk Abdul kadir Jasim dan para peneroka Felda Chini 2.



# Melek kubu BN di Pekan

Oleh AKMAL HAZIQ|Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

liran Pengerusi PH), Tun Dr d di Felda Chini, merobek kubu Najib Razak. na menteri itu ada tahap sokon- adap PH. na Felda diang- ap' kepada BN wasan penempa- adaan selesa, ujar eneroka Felda n Aliman. ajlis ceramah PH

Felda di majlis- nasayarakat Felda ani menyatakan ngkang biarpun di

tempat perdana menteri sendiri.

Keadaan ini, katanya seiring dengan perubahan sikap warga Felda di tempat-tempat lain terutama di bahagian pantai barat Semenanjung terutama di Johor dan Negeri Sembilan.

Mazlan yang turut berceramah pada majlis tersebut dan membangkitkan isu-isu berkaitan Felda berpuas hati dengan sambutan yang diberikan warga Felda Chini terhadap kedatangan rombongan PH khususnya Tun Mahathir.

Pada malam ceramah PH berlangsung, BN turut mengadakan program di lokasi berhampiran.

Bagi memastikan keadaan terkawal, pihak polis meletakkan ramai anggota di majlis PH serta di persimpangan jalan menuju ke lokasi program.

Ini kerana terdapat usaha segelintir

pihak yang menggembar-gemburkan kehadiran Tun Mahathir di Pekan bakal mengundang perbalahan kerana ada pihak yang tidak bersetuju beliau berkunjung ke situ.


Para pemimpin PH yang berucap menekankan tentang pentingnya kerajaan BN digantikan dengan kerajaan baharu yang lebih bertanggungjawab.

Warga Felda diseru supaya membuat perubahan dan memberikan sokongan kepada PH pada pilihan raya umum akan datang bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi negara.

Selain Tun Mahathir, turut berucap pada program itu ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Ahli Jawatankuasa DAP Pusat Ronnie Liu dan wakil pimpinan PH Pahang.



Rancak bersembang dengan tuan rumah di Felda Chini 2.



Mohamad memanaskan pentas ceramah dengan isu-isu mutakhir.



Pelbagai aksi hadirin sempat dirakam.



Mengambil kesempatan kesempatan merakam majlis.



Hadirin sanggup duduk di atas jalan raya bagi mengikuti ceramah PH.



Sebahagian daripada ribuan peneroka yang hadir.



# Zaman Najib gaji graduan merudum

Oleh FAIZ FADZIL

**P**ahit untuk ditelan, apabila trend pendapatan bulanan graduan universiti bagi peringkat ijazah pertama pada 2017 semakin parah.

Ia mencatatkan kejatuhan ketara sebanyak 84.89 peratus bagi graduan berpendapatan RM3,000 dan ke atas.

Graduan yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah telah menguasai lebih separuh (55 peratus) kelas pendapatan bulanan graduan bagi ijazah pertama.

Menurut Laporan Kajian Pengesanan Graduan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, trend pendapatan bulanan



graduan Malaysia pada tahun 2017 adalah lebih parah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Ia juga paling teruk dalam tempoh 10 tahun. Senario yang berlaku ini bukan sahaja parah pada segmen lepasan ijazah pertama, malah berlaku pada segmen lepasan doktor falsafah (PhD).

Peratusan mereka yang

berpendapatan RM3,000 dan ke atas telah jatuh dengan signifikan daripada 88.9 peratus kepada 43 peratus.

Bertentangan dengan itu, semakin ramai pula lepasan PhD yang berpendapatan RM1,500 dan ke bawah sebanyak 19.7 peratus berbanding 2.7 peratus pada tahun 2016 dan 0.5 peratus pada tahun 2008.

Bagi segmen lepasan sijil dan diploma, trend bagi dua segmen ini juga semakin parah apabila semakin ramai yang berpendapatan RM1,500 dan ke bawah, dan semakin besar mereka yang berpendapatan RM2,500 dan ke atas semakin mengecil.

Ironinya, tahun lepas Datuk Seri Najib Razak berbangga dengan pengumuman 1.9 juta

pekerjaan telah dicipta sejak 2010 sehingga 2016 di bawah Program Transformasi Nasional.

Malangnya, pengumuman tersebut dinafikan oleh Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 yang menunjukkan bahawa pengangguran anak muda adalah tertinggi dalam sejarah (10.7 peratus) lebih tiga kali ganda kadar purata pengangguran nasional (3.1 peratus).

Malah laporan Bank Negara Malaysia juga menyatakan bahawa lebih separuh (61 peratus) pengangguran adalah di kalangan anak muda.

Jadi apa cerita ini tuan per-

dana menteri?

Cukup-cukuplah bersandiwara di mata rakyat dengan nombor penyedap telinga yang jauh tersasar pada realiti yang dihadapi rakyat.

Mungkin perdana menteri Malaysia tidak perasan, sebab makanan ruji beliau pun jauh lebih mahal dari rakyat jelata.

Cukup-cukuplah dengan berita yang mengusarkan rakyat apabila kerajaan Malaysia terus berdiam diri dengan kleptokrat yang bermaharajalela dengan kapal mewah berbillion ringgit, Equanimity yang didakwa dibeli menggunakan wang rakyat.

Akhirnya terpaksa juga, pihak berkuasa Indonesia dan FBI yang bertindak, di mana pihak berkuasa kita?

Generasi muda hari ini bukan sahaja akan terus tersepit dalam dilema format ekonomi buatan Najib Razak (Najibnomics), malah generasi muda terus dilema akan kelesuan pihak berkuasa untuk menangkap perompak wang rakyat terbesar yang kini terus bermaharajalela.

• Penulis merupakan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional merangkap Naib Ketua Pemuda Harapan.



Dari Kuala Kangsar berkelana ke Parit Buntar, Bermukim pula di Titi Serong, Wahai anak muda dan rakyat Malaysia janganlah gentar, BERSATULah, Tegakkan KeAdilan, AMANAH DEMOKRASI kita junjung.

Hasnul Zulkarnain  
Ketua Pemuda Pakatan Harapan Perak



**PEDULI RAKYAT...** Ketua Pemuda Pakatan Harapan Kedah, Asmirul Anuar Aris menziarahi mangsa rumah terbakar baru-baru ini di Kg Sg Mati, Teluk Chengai, Kuala Kedah bersama rakan-rakan dari AMANAH, Bersatu dan PKR. PH Kedah menyampaikan sumbangan kepada mangsa Sham sekeluarga dengan lapan anak yang tinggal sehelai sepinggang.

## Pas Kelantan gagal jawab deretan isu

**S**ekurang-kurangnya terdapat lapan isu yang disebut Naib Presiden AMANAH, Husam Musa yang juga Pengerusi AMANAH Kelantan selain daripada soal berdosa undi Pas.

Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan berkata, pimpinan dan penyokong Pas sepatutnya peduli dengan isu-isu membabitkan kepentingan rakyat negeri itu bukan sekadar menyentuh hal berkaitan parti mereka sahaja.

"Hal-hal yang berkaitan rakyat atau salah laku dalam kerajaan juga sepatutnya mendapat perhatian dan diberi jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan YB Haji Husam Musa," tegasnya.

Beliau berkata, pandangan Husam tentang undi AMANAH atau Pakatan Harapan boleh mendapat pahala sebaliknya undi



Pas sekarang adalah berdosa adalah maklum balas Adun Salor itu ketika berceramah di Kuala Krai, 4 Mac lalu.

"Marahnya pimpinan dan penyokong Pas apabila YB Haji

Husam Musa menjawab isu 'tidak undi Pas itu haram dan jatuhkan kerajaan Pas hukumnya haram'.

"Itu pandangan YB Haji Husam Musa dan beliau bersedia untuk berdebat atas pandangan beliau itu. Maklum balas YB Haji Husam itu sekadar menjawab siri-siri ceramah Pas dan ianya bukan agenda utama YB Haji Husam Musa dan inilah kali pertama perkara ini disebut dalam ceramah," jelasnya.

Sehubungan itu, Hazmi berpendapat adalah pelik apabila hanya isu itu sahaja diberi perhatian oleh Pas sedangkan banyak lagi perkara lain dibangkitkan Husam.

Antaranya, isu geran tanah rakyat Kuala Krai, guru-guru agama dari Al Azhar dibekukan pengambilan baru serta kedudukan guru-guru pencen yang tidak mampu menampung kos

sara hidup apabila wang pencen masih RM600 sebulan.

Turut dibangkitkan isu rasuah dan salah guna kuasa dalam syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dan pembelian stesen minyak Petronas bernilai RM3.5 juta menggunakan Koperasi Ladang Rakyat dan kini terpaksa membayar RM12,000 sebulan.

Selain itu, isu berkaitan jumlah hutang kerajaan negeri Kelantan yang kini mencecah RM1 bilion; isu RUU 355 apabila Pas pada masa ini terus berdiam diri dan tidak lagi berceramah atas tajuk RUU 355.

"YB Ustaz Nik Abdul terima duit Umno dan ada bukti rakaman audio. Dulu minta bukti, bila keluar audio suara YB Ustaz Nik Abdul kenapa senyap?"

"Kenapa Pas terus menafikan perkara ini tanpa dibuat siasatan terhadap audio itu?"

"Dan banyak lagi yang disentuh termasuk isu-isu KPK, Kijang Kuari dan syarikat lebuhraya, namun langsung tidak disentuh oleh pimpinan dan penyokong Pas," bidasnya.

Sehubungan itu, Hazmi mengingatkan agar orang ramai khususnya penyokong Pas menonton kembali rakaman ulasan penuh Husam berkenaan deretan isu terbabit yang disiarkan melalui laman rasmi Facebook Pemuda Amanah Kelantan.

"Ianya bukan audio yang mempunyai episod-episod tertentu atau sukar dicari.

"Anda juga seorang yang simplistik dan mudah menghukum sesuatu jika hanya membaca tajuk portal berita dan terus membuat andaian mengikut apa yang ada faham atau mengikut apa yang anda mahu faham tanpa disiplin tabayyun," tambahnya lagi.



# 'Adik-adik' bertepuk kerana gembira?

Oleh **ARIF ATAN**

**A**da satu tabiat yang ketara menonjol dilakukan graduan semasa Perdana Menteri sedang berucap dalam Program Temuduga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) 2018 Peringkat Zon Tengah di Selangor, 24 Februari lalu.

Mereka kerap bertepuk tangan tidak pasti sama ada bosan mendengar retorik Najib Razak atau tidak sabar menantikan pengumuman elaun pelatih SL1M dinaikkan kepada RM2,000 sebulan.

Lensa kamera yang ligat merakam reaksi rata-rata graduan menyaksikan mereka entah berfikir atau tidak apa yang diperkatakan Najib yang membahaskan mereka sebagai 'adik-adik' pula.

Panggilan yang dilihat tidak tahu berbahasa kerana apa yang lebih tepat adalah 'anak-anak' jika mahu suasana santai sekalipun, mahasiswa tidak harus mengulang tabiat itu pada sesi sama tahun akan datang.

Bukan sekali dua bertepuk, belum lengkap Najib menghabiskan satu ayat bunyi tepukan bergema. Antara petikan ucapan Presiden Umno dan Pengerusi BN itu beserta catatan graduan memberi tepukan.

"Dan saya ada hubungan dengan



pemimpin-pemimpin utama di dunia. Semuanya itu pada


kesudahannya untuk membuka peluang mencipta peluang untuk warga muda kita untuk mendapat peluang pekerjaan masa depan (tepuk).

"Bila kita menguruskan ekonomi negara, ekonomi berkembang (tepuk)... usaha melakukan transformasi untuk apa? Untuk mengembangkan ekonomi negara kita (tepuk).

"Bila kita buat manifesto lima tahun lalu bahawa kita mewujudkan peluang pekerjaan (tepuk), dan kita tidak biarkan pasaran tentukan, kalau kita katakahn biar pasaran tentukan, maka tiadalah SL1M (tepuk)," kata Najib.

Persoalannya, sejauh mana graduan terbabit sedar bahawa walaupun kerajaan kononnya menunaikan komitmen menyediakan peluang pekerjaan seperti didakwa Najib tetapi trend pendapatan bulanan graduan terus merudum?

Laporan Kajian Pengesanan Graduan seperti yang boleh diakses di laman web Kementerian Pengajian Tinggi mendedahkan realiti graduan yang mendapat pendapatan bulanan RM3,001 dan ke atas



**Walaupun Najib bertempik mahu mencapai status negara berpendapatan tinggi, jumlah graduan mendapat gaji RM3,000 ke atas semakin berkurang.**

semakin berkurang.

Pada masa sama, peratusan graduan ijazah pertama yang memperoleh gaji RM1,500 dan ke bawah didapati meningkat daripada 26.7 peratus pada 2016 kepada 35.2 peratus tahun lalu.

Najib semasa berucap di depan ribuan anak muda yang dahagakan peluang pekerjaan mendakwa lebih 15,000 peluang kerja menanti graduan dan pencari kerja.

Tepukan graduan yang tidak putus-putus ketika Najib berucap itu mungkinkah lahir daripada rasa bosan atau gembira percaya dengan gula-gula pilihan raya yang ditaburkan?

"Kerajaan untuk masa depan anak muda kita. Adik-adik setuju atau tidak? Setuju?" soal Najib seperti mengacarakan program TV khas untuk kanak-kanak.

## Permohonan ke aliran sains merosot

**BILANGAN** pelajar aliran sains di sekolah yang jauh lebih rendah antara faktor penyumbang penurunan permohonan ke aliran itu di peringkat pengajian tinggi.

Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2017 pada 6 Mac lalu menyaksikan jurang besar jumlah pelajar aliran sains iaitu hanya 13 peratus atau 5,571 daripada jumlah keseluruhan 43,042 pelajar.

Nisbah 1:7 antara pelajar sains

dan sains sosial itu kemudian dilihat menyebabkan trend kejatuhan permohonan aliran sains ke universiti awam (UA).

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akhir tahun lalu telah mendedahkan jumlah permohonan lepasan STPM merosot 10 peratus sejak 2013.

Pada tahun lalu, hanya 26,000 pemohon lepasan STPM diterima untuk menyambung pengajian dalam bidang sains berbeza dengan 29,000 permo-

honan pada 2013.

Bahkan, KPT kekurangan 1,200 pelajar pada tahun lalu untuk mengisi program ijazah sarjana muda dalam bidang sains yang ditawarkan di 20 UA bagi lepasan STPM.

Malaysia dibimbangi mengalami kerugian sekali gus merencatkan hasrat Transformasi Nasional 2050 (TN50) jika penurunan minat pelajar untuk menuntut di aliran sains pada masa ini gagal ditangani.

## Intelektual lawan pandir

**Intelektual** Masyarakat Membangun sebenarnya bacaan wajib bagi mahasiswa ketika berdepan

dengan pelbagai proses pembodohan penguasa menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

Bahkan, pengarangnya Prof Syed Hussein Alatas (1928-2007) dalam Bab 4 secara terbuka mengkritik kepincangan penguasaan dana kerajaan.

Contohnya, beliau memetik laporan audit tahun 1963 tentang pembelian barangan bagi mahasiswa di Kaherah yang jauh lebih mahal apabila dibeli di



Kuala Lumpur.

Bagi profesor bidang sosiologi yang pernah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) ini, "goresan pena orang pandir" menyebabkan kerajaan rugi membayar lebih kos pengangkutan.


Lebih keras, beliau mengingatkan kabinet tidak mungkin berfungsi sebagai organisasi yang berkesan apabila dikuasai oleh orang pandir.

Hinggakan fungsi kelompok intelektual terhalang lantaran

besarnya kekuatan orang pandir dalam masyarakat membangun yang boleh ditemui dalam pelbagai lapis pemerintahan.

Beliau juga telah awal menyebut tentang langkah kerajaan mempercepat pembangunan kapitalisme dalam kalangan masyarakat Melayu.

Oleh sebab itu, Syed Hussein mengingatkan negara akan terus bereksperimen secara cuba-cuba jika golongan intelektual tidak melibatkan diri dalam proses pembuatan keputusan.



## Sepintas

### Tercapaikah bandar mampan?

**Bekas** Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Datuk Salleh Buang menyoal sejauh mana bandar di negara ini menjadikan penghuninya sejahtera.

Menurutnya, Malaysia mempunyai lebih 280 bandar di seluruh tanah air mengikut portal *PLAN-Malaysia*.

"Mampukah semua bandar ini menjadi bandar mampan yang memberi kesejahteraan rakyat?" dipetik daripada artikel beliau baru-baru ini. Mengulas tentang Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9), beliau berkata, negara perlu melihat semula beberapa dasar berubung isu perbandaran sedia ada seperti Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) 2016-2025.

Jelasnya, pindaan terhadap polisi berkaitan perlu dilakukan bagi membolehkan dan memudahkan pencapaian matlamat Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Bandar 2030 yang memperakui satu kerangka pelaksanaan Agenda Perbandaran Baru (NUA).

### Proses tidak matang

**Kempen** #UndiRosak yang tular di media sosial tidak membawa kepada suasana politik yang positif dan matang, tegas Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Maszlee Malik.

Beliau berpendapat generasi muda harus lebih proaktif dan menjadi advokasi politik dan perlu memilih wakil kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun).

Menganggap tiada parti yang sempurna, beliau berkata, sama ada parti kerajaan dan pembangkang masing-masing mempunyai tawaran terbaik untuk pilihan raya akan datang.

"Jadi, tidak adil jika kita memberi kesimpulan buruk secara sama rata (terhadap parti bertanding)," kata Dr Maszlee lagi.

Sehubungan itu, beliau menyeru golongan muda tampil memberi idea bagi membangunkan negara bukannya sekadar menjadi pejuang di laman sosial.



# Dua TDMP di Pertemuan Seniman di Batam

**P**ADA 2-4 Mac lalu saya menyertai rombongan ZK Malaysia ke Batam, kerana menghadiri "Pertemuan Seniman, Ziarah Kesenian Nusantara" yang diadakan di Pantai Marina; anjuran ZK Batam, pimpinan Rahmanidar Shafie Putri.

Sekitar 80 orang seniman dari tiga negara hadir. Dari Malaysia seramai 18 orang, dari Singapura lima orang, dan selebihnya dari pelbagai daerah di Indonesia termasuk Padang, Bengkulu, Jakarta, Medan, Pekanbaru, Rokan Hulu dan Bekasi.

Paling istimewa bagi saya dalam pertemuan ini ialah hadirnya dua pementasan yang mengangkat naskah teater saya "Tamudari Medan Perang". Satu oleh kumpulan Besurek Universitas Bengkulu pimpinan Amrizal Dt Bijayo, dan satu lagi kumpulan Teater Lenggok Media dari Rokanhulu, Riau pimpinan Hermawan An.

Pertama kali naskah teater saya dipentaskan oleh kumpulan teater di Indonesia dan ia terjadi serentak dua versi pementasan dari naskah yang sama, diangkat oleh dua kumpulan dari dua daerah berbeza, dan dipentaskan pada malam yang sama di pentas yang sama, satu selepas satu.

Terima kasih kepada Amrizal Dt Bijayo dan Hermawan An yang mengusahakan pementasan berkenaan, dan terima kasih Rahmanidar Shafie Putri yang mengaturkan dua pementasan itu dihidangkan dalam program Ziarah Kesenian Nusantara di Batam.

Seperti saya catat dalam fesbuk 6 Mac: "Saya mengalami semacam kejutan menonton sebuah persembahan teater dari naskah saya sendiri, yang tak pernah terfikir oleh saya akan melihat penampilan sedemikian. Tahniah Emong Soewandi, tahniah Fitria Dewanti. Saya terpukau dengan hampir setiap gerak

yang dipersembahkan!"

Itu adalah pernyataan ikhlas dari keterujaan saya menonton teater Besurek arahan Emong Soewandi dan lakonan Fitria Dewanti. Ada pelakon lain lagi, kerana watak utama ada dua – Queen dan Sultan, dan ada beberapa watak sampingan. Tetapi saya lebih fokus kepada watak Queen lakonan Fitria Dewanti.

Keterujaan saya sebenarnya bermula beberapa hari sebelum itu apabila melihat gambar latihan mereka yang dihangtar ke fesbuk, lengkap dengan kostium Queen yang agak unik – kain hitam besar melingkari tubuh dan melimpah jauh ke lantai. Ia cantik dan menarik kalau untuk fotografi dan bertujuan untuk promosi.

Tetapi apakah itu kostiumnya dalam lakonan? Bagaimanakah pelakon itu akan bergerak? Kenapa begitu? Apakah itu interpretasi mereka untuk wanita Arab-Islam yang berpakaian menutup aurat? Tidakkah itu berlebihan-lebih? Apakah ia membawa fahaman Islam yang konservatif begitu sekali?

Itu pertanyaan-pertanyaan yang saya bawa dari Kuala Lumpur untuk didapatkan jawapannya dalam persembahan dari Bengkulu itu. Maka sebaik sahaja persembahannya bermula, tumpuan saya adalah ke situ. Ya, memang itulah kostiumnya Queen.

Tetapi kain hitam besar itu bukannya baju yang dipakai Queen menutup tubuhnya. Ia adalah sehelai kain hitam besar yang tidak dijahit bersambung hujungnya. Ia bukan kain yang biasa dipakai sebagai pakaian di negara-negara Arab atau di mana-mana pun.

Ia adalah kain hitam teatrikal yang dibawa watak Queen untuk menghasilkan gerakan-gerakan yang cantik, kelihatan hebat dan indah – umpama tarian dalam lakonan. Mata saya mengikutinya hampir tiap ketika kerana Fitria Dewanti yang

membawanya ternyata begitu cekap membuat olahan-olahan bentuk yang menarik dan memukau, terutama ketika dia melibas kain itu dengan gerakan yang pantas dan tajam.

Di situ sahaja pun sudah mencukupi untuk sebuah persembahan teater yang memukau. Apatah lagi apabila dia mengucapkan dialog-dialog menghujahi Sultan dengan gaya pengucapan yang bukan meniru realiti, tetapi yang bergaya sesuai dengan penampilannya dalam gerak tari bersama kain hitam teatrikal itu.

Di sini saya sebenarnya tidak menulis laporan mengenai pementasan yang ditampilkan oleh Amrizal Dt Bijayo bersama Emong Soewandi. Saya sebenarnya menyatakan kesan dan pengalaman keterujaan saya menonton persembahan Fitria Dewanti yang membawa kelainan kepada perwatakan Queen ciptaan saya dalam TDMP itu, yang saya sendiri pernah dua kali mengarahnya tetapi tidak pernah terbayangkan Queen seperti dilakonan Fitria Dewanti.

Keterujaan ini menyebabkan saya hampir kelu tak dapat menjawab sebaiknya kepada pertanyaan Rahmanidar yang mengambil peranan pengacara majlis malam itu apabila dia menarik saya ke atas pentas sebaik usai persembahan kedua oleh kumpulan dari Rokanhulu di bawah arahan Hermawan An, dan meminta pandangan saya.

Bagaimana saya harus menjawab? Dua pementasan yang berbeza pendekatan, berbeza aliran, walaupun naskah yang sama, dan saya sedang teruja dengan penampilan seorang pelakon dan pengarah yang membawa kelainan dan kejutan dalam pementasan sebelumnya – maka saya hampir kelu.

Memang saya tak dapat berlaku adil dalam menyatakan pandangan terhadap



dua pementasan itu. Saya mohon maaf kepada kawan-kawan dari tim Rokanhulu dan Hermawan, kalau saya kelihatan lebih tertarik dan memberi penilaian tinggi kepada kumpulan Bengkulu.

Ini sebenarnya soal keterujaan, bukan penilaian. Saya lebih teruja dengan penampilan Besurek arahan Emong Soewandi dan penataan artistik Denis Kurniawan, kerana saya kebetulan memang penggemar teater absurd dan surealis sejak dari mula.

Pengalaman keterujaan menonton TDMP Emong Soewandi ini (walaupun pementasannya tidak sepenuhnya) mengingatkan saya kepada pengalaman keterujaan saya menonton teater Noordin Hassan "Tiang Seri Tegak Berlima" pada tahun 70-an dulu. Selepas keterujaan menonton TSTB puluhan tahun dulu itu, inilah pula kali kedua saya mengalami keterujaan sedemikian.

Bukan sahaja saya jadi kurang tertarik dengan TDMP Hermawan, bahkan dengan hal-hal lain dalam persembahan Besurek sekalipun saya kurang memberi perhatian. Saya perlu menontonnya lagi untuk membolehkan saya menulis ulasan atau kritikan yang adil dan menyeluruh terhadap hasil arahan Emong Soewandi.

Memang banyak hal-hal lain lagi dalam pementasan itu yang tidak kurang menariknya dan perlu saya beri perhatian dan ulas dalam tulisan; tetapi tak dapat saya lakukan sekarang kerana kurangnya tumpuan saya kepada hal-hal tersebut. Insya Allah saya akan menontonnya lagi.



Dinsman bersama sutradara Emong Soewandi.



Bersama pelakon, pengarah dan penata artistik kumpulan teater Besurek Universitas Bengkulu.



# 'Apa bendanya perubahan ini?'

**H**AMPIR kesemua kita yang berada di 'belah sini' ini berjuang untuk sebuah perubahan besar buat negara yang kita diami bersama ini. Baik yang menganggotai parti-parti politik, badan masyarakat sivil, mahupun individu persendirian yang berjuang dalam ruang dan batas sendiri. Kesemua kita mahukan sebuah negara yang lebih baik untuk kita dan masyarakat sekeliling.

Apabila bercakap tentang perubahan, ia adalah hal yang agak memeningkan untuk dihurai. Untuk orang-orang yang terlibat politik kepartian sendiri pun, kata perubahan itu masih kadang-kadang samar ertinya, apa lagi buat masyarakat awam yang hanya mendengar jeritan perubahan itu dihala ke atas mereka.

Dalam kalangan kutu-kutu politik termasuklah diri saya juga, ada yang menganggap perubahan itu adalah kejayaan membentuk kerajaan dan Perdana Menteri baharu, atau menumbangkan rejim yang sedang masih berkuasa. Ada yang lebih cermat, melihat perubahan itu sebagai detik apabila dasar-dasar yang diperjuangkan mereka dapat dilaksanakan, tanpa begitu berkira tentang individu atau badan mana yang membawanya.

Dalam kalangan kutu-kutu politik ini juga, ada yang lebih bersentimental, keras dan cecal dengan romantika perjuangan dan ideologi. Perubahan bukan lah perkara yang nyata dan zahir, sebaliknya lebih abstrak dan tinggi tingkat falsafahnya.

Mungkin perubahan itu adalah apabila ideologi (atau mungkin retorik) yang dibawa masing-masing akhirnya berjaya diterima dan diangkat tinggi mengalahkan ideologi lawan. Mengubah kerajaan tanpa ada perubahan ideologi yang membayangkan sistem tidak boleh dianggap

dianggap sebagai perubahan.

Gerakan masyarakat sivil arus perdana, yang lazimnya berkampung di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Damansara, George Town

dan beberapa bandar besar yang lain karakternya agak mirip dengan kutu politik yang terakhir disebut tadi. Keras, teguh, dan tidak ada kompromi. Ada pandangan perubahan yang rasional dan wajar diterima – hak pendidikan, makanan, pendapatan, perumahan dan sebagainya. Namun tidak kurang juga yang agak sewel sebenarnya.

Yang sewel ini menganggap kesemua nilai yang sedia terbentuk oleh masyarakat kita hari ini adalah salah dan harus diubah secara total tanpa mengambil kira latar masyarakat tersebut sendiri. Nilai bahasa, budaya dan agama, nilai ekonomi dan sosial; kesemuanya salah dan bermasalah mengikut neraca mereka. Bukan memperkecilkan agenda yang dibawa; apatah lagi agenda mereka itu diiktiraf oleh selebriti terkenal yang menjadi duta badan-badan masyarakat sivil lain dari kota London dan New York, namun bagaimana rasionalnya dipernilaian?

Apabila berhadapan dengan masalah petani dan penoreh getah yang dipotong subsidi baja dan harga timbangan hasil mereka sehingga beras sekilo pun berhutang dengan peruncit kampung, rasionalkah untuk agenda seperti kebebasan berseksualiti dan penafsiran



**Malaysia mesti diselamatkan daripada kehancuran dengan menukar kerajaan persekutuan dalam PRU 14.**

semula gender dipertimbangkan sebagai perubahan yang lebih penting untuk terus menerus disuap kepada wacana masyarakat terbanyak? Ia mungkin perubahan yang maha penting untuk anak-anak orang kaya yang rimas hidup dalam masyarakat yang kolot ini, namun tidak akan sama sekali mengisi perut orang miskin kampung pedalaman di daerah Sik sana.

Atas masalah memahami kata perubahan tersebutlah, saya kira perubahan pun tidak mahu dan tidak akan kunjung tiba. Kita gagal menafsirkan perubahan agar ia diterima oleh semua. Kita gagal menguraikan maksud sebenar perubahan yang kita tuntut itu. Dalam mengurai maksudnya, tidak ada yang benar atau salah, tidak ada betul atau silap.

Menafsirkan kata perubahan itu hanya perlu kena dengan cita-cita dan orang yang ingin kita bawa mengikut perubahan tersebut. Tidak wajar kalau perubahan itu terlalu cetek pengertiannya, dan tidaklah wajar pula jika terlalu dalam sehingga tidak mampu dihadam.

Perubahan yang ingin kita bawa ini biarlah sesuai dengan apa yang bukan sahaja diperlukan, malah dikehendaki juga oleh masyarakat terbanyak akhirnya. Kita mungkin berakal luas, berfalsafah tinggi; namun kadang kala merendahkan diri itu tidak salah. Siapa tahu perubahan yang masyarakat ingin itu mungkin akhirnya cuma harga beras yang lebih murah agar tidak lagi perlu berhutang dengan kedai runcit untuk menyara perut anak bini.

## Agenda Islam tidak boleh bersifat partisan

Oleh **JAMZURI ARDANI**

**ADA** kawan bertanya, kalau betul DAP bukan anti-Islam kenapa DAP menentang RUU355 yang bertujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah dan hanya melibatkan rakyat beragama Islam?

Jawapan saya mudah. DAP menolak RUU355 yang diusulkan oleh Pas di Parlimen bukan kerana parti itu anti-Islam, tetapi kerana kalau dia tidak tolak RUU-355 maka parti itu akan hilang undi dan akan kalah dalam pilihan raya. Tidak ada parti politik yang sengaja mahu menempah maut dalam politik demokrasi, maka begitulah juga DAP.

Hakikatnya, bukan hanya DAP, malah hampir semua parti-parti politik lain seperti MCA, MIC, Gerakan, PPP dan semua parti-parti politik yang mewakili peribumi di Sabah dan Sarawak menolak RUU355. Malah Umno sendiri sebagai sebuah parti pemerintah tidak berani membentangkan RUU355 itu kerana bimbang kehilangan undi dari segmen pengundi yang agak besar.

Soalnya, kenapa hampir semua parti politik tidak berani menyokong RUU-355? Adakah kerana mereka semua anti-Islam? Adakah kerana mereka benci Islam seperti yang didakwa oleh Pas? Dan, yang lebih aneh, kenapa Pas seolah-olah memfokuskan serangannya hanya

kepada DAP?

Bagi saya, antara malapetaka besar ke atas agama Islam di negara ini ialah apabila Islam itu dipersembahkan kepada rakyat dalam bentuk yang sangat partisan. Pas pula adalah parti yang paling banyak melakukan jenayah politik "mempartiskan" ajaran agama sehingga sebahagian rakyat menjadi keliru dan sangsi terhadap agama Islam yang sebegini indah.

Akta 355 diperundangkan dan dipinda beberapa kali sebelum ini dengan sokongan pelbagai parti tanpa mengira parti itu diwakili oleh Muslim atau non-Muslim tanpa ada sebarang polemik. Ini berlaku kerana ia ditampilkan tanpa wajah

partisan yang hodoh dan angkuh.

Tetapi, apabila RUU355 ditampilkan dengan mempartiskan sentimen agama, ia menjadi polemik yang sukar diselesaikan. Inilah kesannya apabila agama dipartiskan. Ia secara langsung atau tidak langsung menghambat kelangsungan perjuangan untuk memartabatkan Islam.

Usaha memartabatkan Mahkamah Syariah melalui Usul RUU355 gagal bukan kerana DAP menentangnya. Bukan juga kerana parti-parti politik yang lain adalah anti-Islam seperti yang didakwa. Sebenarnya, RUU355 gagal kerana ia telah dipartiskan secara cuai dan angkuh oleh Pas.



# Beri kuasa jelas Mahkamah Syariah bicara kes murtad

**P**ARTI Amanah Negara (AMANA) menyokong keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa bidang kuasa perlu diberikan secara jelas kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan dan membuat pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang Islam.

Sehubungan itu AMANA bersetuju dengan kenyataan media yang dibuat oleh PH Sarawak supaya Kerajaan Negeri Sarawak, dan negeri-negeri lain di Malaysia, di mana bidang kuasa ini tidak dinyatakan sebagai bidang kuasa Mahkamah Syariah secara jelas, hendaklah membuat pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Ini adalah supaya polemik seperti yang berlaku di Sarawak ini dapat dielak di masa akan datang.

Keperluan di atas timbul ekoran dari keputusan Mahkamah Persekutuan pada 27 Februari lalu yang dibuat oleh panel lima Hakim yang diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin. Keputusan ini telah menetapkan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan mengenai kes-kes berhubungan dengan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.

Dalam kes yang difailkan oleh Syarifah Noorffyyza bt Wan Hosen dan empat orang yang lain selaku perayu terhadap Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan tiga pihak yang lain, Mahkamah Persekutuan tersebut telah turut menetapkan bahawa hanya Mahkamah Syariah sahaja mempunyai bidang kuasa atau yurisdiksi bagi menentu-



**PENDAPAT**  
MOHAMAD SABU

kan seseorang itu Islam atau bukan Islam.

Keputusan ini telah menerima liputan meluas dan mengundang banyak pandangan sama ada dari parti-parti politik, NGO dan orang persaarangan. Pihak perayu dalam kes ini berhujah bahawa ia terpaksa dibawa ke Mahkamah Sivil

kerana Mahkamah Syariah Negeri Sarawak tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengarnya.

## BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah Persekutuan bersetuju bahawa peruntukan ini tidak dinyatakan dengan jelas, namun Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 menyatakan bahawa Mahkamah Syariah Negeri Sarawak mempunyai kuasa mengenai kemasukan seseorang bukan Islam kepada Islam. Oleh itu secara tersiratnya bidang kuasa untuk mendengar permohonan mengenai status Islam atau bukan Islamnya seseorang itu adalah terletak juga dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Meneliti reaksi yang dibuat oleh semua pihak, sama ada parti-parti politik, NGO Islam dan individu-individu Islam, secara tersirat yang mereka mahukan ialah supaya Mahkamah Sivil tidak campur tangan di dalam perkara atau urusan agama Islam. Mereka mahu supaya isu mengenai orang Islam hanya diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Keputusan Mahkamah Persekutuan itu melalui kes ini juga telah menghantar satu

isyarat jelas bahawa Mahkamah Sivil tidak berminat untuk campur tangan di dalam urusan mengenai agama Islam atau di dalam perkara di mana Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk menyelesaikannya sejajar dengan peruntukan di dalam Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Ia mesti diselesaikan di Mahkamah Syariah sendiri.

Jangan pula nanti ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa peruntukan ini akan memudahkan orang-orang Islam untuk murtad atau keluar dari agama Islam kerana yang akan menentukan sama ada seseorang itu beragama Islam atau bukan ialah hakim-hakim Mahkamah Syariah sendiri yang semestinya faqih di dalam hukum-hukum Islam. Adakah pihak-pihak yang membuat tuduhan liar ini tidak yakin dengan kemahiran hakim-hakim Mahkamah Syariah? Dan adakah mereka ingin persoalan ini diselesaikan di tempat selain dari Mahkamah Syariah?

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM

Perlu diingat bahawa bidang kuasa untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi Islam sudahpun diberikan kepada hampir setiap Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Semenanjung termasuk Kelantan dan Terengganu, melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing, kecuali Pahang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Semua pihak hendaklah berlapang dada dalam menghadapi isu ini. Dalam kebanyakan kes, di mana permohonan seperti ini dibawa ke mahkamah adalah melibatkan

individu-individu yang membesar bukan sebagai seorang Islam walaupun mempunyai nama dan eberbin' atau 'berbintif seorang Islam. Misalnya dari kecil dia dibesarkan sebagai seorang Hindu kerana diserahkan kepada keluarga ibunya yang beragama Hindu selepas kematian ibunya. Malah selain mempunyai nama Islam seperti yang tertera di dalam kad pengenalan, dia juga mempunyai nama atau lebih dikenali dengan nama Hindunya.

Terdapat juga kes-kes di mana individu itu memeluk Islam untuk berkahwin tetapi tidak pernah diajar atau mengamalkan Islam dengan sebenar selepas berkahwin dan ingin kembali kepada agama asal mereka semula kerana kecewa selepas bercerai atau kematian pasangan mereka. Inilah yang terjadi terhadap empat orang lain perayu di dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan tersebut.

Isu ini adalah isu perundangan. Maka ia mesti diselesaikan melalui proses perundangan. Proses perundangan hanya boleh diselesaikan di Mahkamah. Untuk membolehkan Mahkamah berfungsi dengan berkesan ia mesti diberikan bidang kuasa yang jelas.

Pada masa yang sama, semestinya ditentukan SOP dan kaedah yang jelas oleh Mahkamah Syariah bagi membicarakan kes-kes sebegini. Perkara ini perlu diselesaikan melalui badan legislatif di negeri-negeri yang berkenaan. Ini adalah kerana jika ianya tidak ditangani dengan baik dan berkesan, maka ia akan melibatkan isu-isu lain yang lebih rumit di masa yang akan datang seperti nasab dan perwarisan.

**Mohamad Sabu ialah Presiden Parti Amanah Negara.**

## Soalnya kapal layar Equanimity dibeli dengan duit curi

**SAMA ADA** kapal layar Equanimity milik Malaysia atau tidak bukan soalnya. Yang menjadi masalah adalah kapal ini dimiliki oleh Low Taek Jho atau Jho Low dengan menggunakan duit 1MDB. Pembelian ini adalah satu cara untuk bersihkan wang 1MDB yang Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dakwa diselewengkan (curi) oleh Jho Low.

Jho Low ialah sahabat karib Najib dan Rosmah. Najib adalah penasihat berkuasa penuh syarikat milik kerajaan 1MDB. Tidak ada keputusan boleh dibuat oleh 1MDB tanpa persetujuan Najib.

Ini bermakna Najib perlu tahu dan bertanggungjawab akan apa terjadi kepada wang 1MDB sebanyak RM1 bilion yang digunakan oleh Jho Low untuk bina/beli



**PENDAPAT**  
TUN MAHATHIR MOHAMAD

kapal layar Equanimity.

Sepatutnya Najib mengaku duit ini diberi kepada Jho Low untuk beli kapal. Jika tidak diberi oleh Najib, sebagai orang yang bertanggungjawab dalam 1MDB, Najib perlu lapor kepada polis supaya polis dapat pertolongan Interpol untuk dapat balik RM1 bilion duit 1MDB. Jika dakwaan DoJ Amerika Syarikat bahawa Jho Low mencuri duit 1MDB untuk beli kapal layar

bagi membersihkan duit yang dicuri, adalah tidak benar, maka Najib perlu protes kepada DoJ. Tetapi Najib tidak buat apa-apa.

Yang kita dengar ialah AG (Peguam Negara) menyatakan Najib tidak lakukan apa-apa kesalahan. Bolehkah Najib berdiam diri jika ada dakwaan bahawa duit 1MDB telah dicuri, sedangkan ia bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan 1MDB.

Di Singapura beberapa orang telah dituduh dan dipenjarakan kerana selewengkan duit 1MDB. Beberapa bank ditutup oleh Kerajaan Singapura kerana terlibat dengan kehilangan duit 1MDB. Di Switzerland dan di Luxembourg juga terdapat tindakan terhadap penyelewengan duit 1MDB.

Tetapi di Malaysia kehilan-

gan duit 1MDB, salah guna duit 1MDB, pengurusan yang tidak bertanggungjawab, pemindahan masalah dan pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan, penglibatan Perdana Menteri, laporan-laporan oleh Bank Negara, MACC dan PAC, kehilangan berbilion duit 1MDB, Jho Low, kapal Equanimity berharga RM1 bilion yang didakwa dicuri dengan duit 1MDB, tindakan polis Indonesia dan FBI Amerika merampas kapal yang dimiliki Jho Low secara haram, tidak ada tindakan yang diambil oleh polis atau Kerajaan Malaysia.

Kata AG tidak ada salah laku oleh Najib. Kes tutup. Empat buah negara dakwa duit 1MDB dicuri oleh Jho Low, AG Malaysia kata tiada apa-apa yang berlaku.

Semua okay.

Apa jenis kerajaan ini. Berbilion ringgit duit kerajaan lesap. Duit ini dipinjam. Kita kena bayar. Rakyat kena bayar. Kerajaan tak tahu apa.

Kerajaan bisu. Perdana Menteri bisu. Menteri bisu. Wakil rakyat kerajaan bisu.

Apakah mulut tersumbat terlalu banyak dedak yang mereka semua bisu.

Sudah sampai masanya Malaysia tukar kerajaan. Sudah sampai masanya kerajaan baru dipilih untuk siasat segala-gala yang tidak disiasat oleh Najib dan AG jinaknya. - chedet.cc

**Tun Mahathir Mohamad ialah Pengerusi Pakatan Harapan dan bekas Perdana Menteri Malaysia.**



# Ratusan juta disonglap, BN beri tangki biru



Setelah berpuluh tahun memerintah Sabah dan ratusan juta dibelanjakan untuk infrastruktur bekalan air, BN Sabah masih berbangga dengan tangki biru bagi menadah air hujan.

## Proses pendengaran awam jadi sesi buli SPR

**SHAH ALAM:** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) didakwa sengaja memberi tekanan kepada Pakatan Harapan (PH) semasa proses bantahan persempadanan semula kawasan pilihan raya ke-2, apabila mengendalikan 37 bantahan dibuat Keadilan, DAP dan AMANAH secara sekaligus pada 27 Feb lalu.

Sesi pendengaran awam yang berlangsung di Hotel Concorde dekat sini, hanya mengambil masa dua jam berbanding sehari suntuk diberikan kepada BN sehari sebelumnya.

Bantahan PH meliputi 9 kes di kawasan parlimen Gombak; 7 (Ampang); 1 (Kuala Langat); 9 (Pandan) dan 5 (Kuala Selangor).

Pengarah Jawatankuasa Sekuriti dan Perundangan Pilihan Raya Keadilan negeri Sangetha Jayakumar berkata, sekurang-kurangnya setiap sesi bantahan memerlukan lebih kurang 30 minit.

"Ini kerana setiap bantahan mewakili lebih daripada 100 orang sebagaimana pernah dilakukan pada syor pertama.

"Bagaimanapun SPR jelas mahu mempercepatkan proses dan menggabungkan bantahan dari setiap parlimen.

"Sebagai contoh, Gombak mempun-

ya 9 bantahan dengan 3 jurucakap untuk setiap bantahan, jadi mereka menyusun 27 jurucakap pada satu masa dan menyelesaikan proses itu dalam masa kira-kira 2 jam.

"Sedangkan jika mengikut proses biasa sebelum ini sepatutnya mengambil masa empat jam," katanya.

Sangetha kesal kerana proses pendengaran awam membabitkan BN diberi tempoh sehari suntuk walaupun hanya membabitkan 7 bantahan.

"Kenapa Umno-BN diberi masa sehari untuk mempersembahkan 7 bantahan mereka, sedangkan kita dari Pakatan Harapan telah diganggu dan ditekan untuk menyelesaikan 31 bantahan.

"Ini adalah satu penghinaan dalam proses pendengaran awam dan ia bertentangan perlembagaan," ujarnya.

BN Selangor pada 26 Feb mengemukakan bantahan terhadap cadangan ke-2 persempadanan semula bahagian pilihan raya melibatkan 7 kawasan Parlimen kepada SPR.

Kawasan Parlimen terbabit adalah Tanjung Karang, Kuala Selangor, Subang, Kuala Langat, Gombak, Ampang dan Serdang.

SPR memuktamadkan proses pendengaran awam bantahan syor kedua persempadanan bagi Selangor pada 1 Mac.

**KOTA KINABALU:** AMANAH Negeri Sabah menyifatkan pemberian tangki biru oleh kerajaan BN

kepada penduduk bagi mengatasi masalah bekalan air di negeri itu sebagai memperlekehkan rakyat.

Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud mempertikaikan tujuan tangki itu diberikan kepada rakyat sedangkan sudah ratusan juta ringgit dibelanjakan bagi menaik taraf infrastruktur bekalan air negeri.

"Adakah untuk menadah air hujan? Setelah tahun lepas negara digemparkan dengan jutaan wang rakyat disalahgunakan untuk kepentingan individu tertentu, menjelang pilihan raya masalah air dihadapi rakyat tidak diselesaikan tetapi tangki biru yang diberikan," ujarnya.

Jelas beliau, tindakan bermusim Umno-BN ini seolah-oleh mempermainkan kebijaksanaan rakyat negeri ini untuk menilai kerajaan yang mereka pilih.

"Berpuluh tahun memerintah negeri Sabah, masalah air di pulau terbesar iaitu Pulau Banggi pun tidak dapat diselesaikan," katanya dalam satu kenyataan.

Khairuddin menambah, Pemuda AMANAH dan Pakatan Harapan (PH) pernah menghantar petisyen kepada Ketua Menteri Tan Sri

Musa Aman berhubung isu bekalan air di Kota Belud namun sehingga kini ia gagal diselesaikan.

Lebih malang lagi, tambah beliau, RM117 juta peruntukan menguruskan kemudahan asas air di Sabah 'disonglap' bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah, sehingga menyebabkan berpuluh ribu rakyat menderita akibat ketiadaan air.

"Kini Umno-BN tampil memberikan tangki biru untuk rakyat Sabah menadah air hujan. Begitukah cara rakyat Sabah diperlekehkan Umno-BN?"

"Setelah satu dua orang kaya raya menghabiskan duit rakyat, ribuan rakyat menderita kerana ketiadaan air. Di manakah maruah rakyat Sabah di mata pemimpin Umno-BN?" soal beliau.

Menurut Khairuddin, dana awam yang diseleweng bekas timbalan pengarah Jabatan Air Sabah itu adalah yang tertinggi direkodkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Ternyata Umno-BN telah gagal menguruskan negeri Sabah dengan baik. Justeru, kami anak muda menggesa rakyat Sabah menolak Umno-BN menjelang PRU ini dan memilih PH," katanya.



**YEE SANG...** Para pemimpin Pakatan Harapan (PH) mengambil kesempatan menggaol Yee Sang pada majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Ahli Dewan Negeri (Adun) Bukit Lanjan yang juga Exco Kerajaan Negeri Elizabeth Wong. Sambutan peringkat Dun Bukit Lanjan dan Parlimen Subang itu dihadiri Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali, Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ahli Parlimen Subang Sivarasa Rasiah. Turut hadir Timbalan Ketua AMANAH Subang Ustazah Mariam Abdul Rashid dan Ketua PPBM Subang Datuk Zulkepli Hanafi. Hadir sama Ahli Parlimen Selangor William Leong dan Ahli Parlimen Batu Tjan Chua. Majlis berlangsung di Dataran Pasar Pagi Taman Desa Jaya, Kepong.



# Pakatan Harapan komited perjuang nasib Orang Asli

Oleh **AKMAL HAZIQ**

Foto **WAN ZAHARI WAN SALLEH**

**P**EKAN: Sempena lawatannya ke daerah ini bagi program Jelajah Pakatan Harapan (PH), Pengerusi PH Tun Mahathir Mohamad mengambil kesempatan menemui anggota masyarakat Orang Asli di Kampung Gumum serta meninjau persekitaran Tasik Chini yang kini teruk tercemar akibat pembinaan Empangan Tasik Chini serta projek perlombongan bauksit.

Pada pertemuan itu, Tun Mahathir memberi jaminan bahawa PH akan membela nasib kelompok berkenaan bukan sahaja di Tasik Chini malah di seluruh negara.

Kata Tun Mahathir, perkara berkaitan kebajikan masyarakat Orang Asli akan dimasukkan dalam manifesto PH untuk pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Beliau melahirkan kekesalan atas sikap tamak dan haloba kerajaan BN negeri yang begitu rakus mengaut keuntungan tanpa mempedulikan alam sekitar serta masyarakat Orang Asli yang rapat den-

gan dengan kesemua elemen itu.

Wakil Orang Asli, Khalid bin Leh menjelaskan masyarakat Orang Asli di sekitar Chini kehilangan punca pendapatan dan kehidupan tradisi akibat projek pembinaan Empangan Tasik Chini dan perlombongan bauksit di sekitar kawasan tasik tersebut.

Empangan yang dibina, katanya telah menjejaskan ekosistem Tasik Chini hingga mengakibatkan kehidupan air seperti ikan menjadi pupus dan air tasik pula tercemar teruk.

Lebih menyedihkan katanya, pelancong tidak lagi memilih untuk berkunjung ke tasik berkenaan terutama pelancong asing, malah diberitakan agensi pelancongan negara asing tidak lagi menggalakkan warga mereka berkunjung ke situ.

Masyarakat Orang Asli kata Khalid mendesak supaya projek empangan berkenaan dihentikan serta merta

Sewaktu pertemuan dengan pemimpin PH berlangsung, BN turut mengadakan program di lokasi berhampiran dengan menyediakan makanan, hamper dan menyampaikan bantuan persekolahan kepada masyarakat Orang Asli yang hadir.



Tun Mahathir memberi jaminan PH akan membela masyarakat Orang Asli.



Meninjau keadaan Tasik Chini yang terbiar dan menjadi runtuhan masyarakat Orang Asli.



Tasik Chini tidak lagi menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun asing.



Girang menerima kunjungan rombongan PH.



Khalid memberikan taklimat berhubung masyarakat Orang Asli ketika menyambut kunjungan Tun Mahathir.



# Kembara Harapan disambut hangat rakyat



Dr Mujahid menyampaikan barangan keperluan ketika menziarahi penduduk.

**P**ARIT BUNTAR: Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa gembira dengan sambutan baik penduduk yang ditemui semasa program Kembara Harapan di kawasan Dun Titi Serong.

"Aktiviti turun padang ini adalah amalan yang berterusan malah sebelum ini lebih berbentuk program mengutamakan kebajikan rakyat.

"Penduduk yang ditemui menyambut

kami dengan mesra malah berterima kasih kerana kesudian kami mengunjungi rumah mereka," katanya.

Beliau berkata, program Kembara Harapan secara konvoi ini melibatkan aktiviti mengedar risalah, ziarah pengundi dan penyampaian sumbangan kepada penduduk di samping semakan daftar pemilih.

"Menariknya program kali ini, sebuah pusat operasi di Daerah Mengundi Kedai Empat telah dibuka dan dilaksanakan majlis penyam-



Majlis penyampaian sumbangan di pusat operasi pilihan raya Kedai Empat.

paian sumbangan kepada penduduk di situ. "Pakatan Harapan Parit Buntar kini dalam proses membuka pusat operasi pilihan raya dan selepas ini kami akan membuka sebuah lagi pusat operasi di Daerah Mengundi Kampung Kedah," katanya.

Menurut beliau, amalan turun padang ini sudah menjadi rutin AMANAH Parit Buntar kerana melalui program ini banyak masalah rakyat dapat diketahui.

"Misalnya minggu lepas kami menyampai-

kan sumbangan kerusi roda kepada seorang penduduk yang dipotong sebahagian kakinya akibat diabetes.

"Dalam situasi kehidupan rakyat yang tertekan, sudah pasti rakyat sentiasa mengharapkan pembelaan, sokongan dan bantuan. Justeru kami akan cuba membantu sedaya upaya kami," katanya.

Beliau berharap akan bertemu lebih ramai penduduk dalam program-program yang diatur AMANAH kawasan.

## Gerai Peduli Rakyat tawar barangan murah



Orang ramai mendapatkan keperluan harian pada harga rendah di Gerai Peduli Rakyat AMANAH Tambun.

**IPOH:** Pusat Khidmat Peduli Rakyat (PKPR) Dun Manjoi menarik perhatian masyarakat setempat dengan Gerai Peduli Rakyat yang menawarkan pelbagai barangan dapur dengan potongan harga istimewa.

PKPR di bawah kendalian AMANAH Kawasan Tambun ini juga menjadi jambatan penghubung dengan masyarakat di Dun Manjoi.

Sebelum ini Gerai Peduli Rakyat diadakan di Manjoi, Sungai Kati dan Ulu Chepor. Ia turut diadakan di padang Taman Klebang Jaya pada 4 Mac bermula jam

9.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

"Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi menjadi penggerak utama program berkonsepkan kebajikan ini dengan sebahagian besar barangan dibiayai dan disumbangkan melalui beliau dan para dermawan.

"Haji Asmuni komited membantu masyarakat yang dihipit masalah ekonomi dan kenaikan harga barangan," kata Ketua AMANAH Tambun Ahmad Yahaya.

Beliau yakin komitmen tinggi para petugas PKPR yang mesra pengunjung, gerai harga rendah itu akan terus mendapat sambutan masyarakat di kawasan Manjoi.

## Bekas guru Kemas kecewa tidak dihargai Umno

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**PADANG TERAP:** Walaupun berkhidmat sebagai guru Kemas selama 31 tahun dan menjadi penyokong kuat Umno-BN sepanjang tempoh itu, khidmat Melor Noor seolah-olah tidak pernah dikenang setelah beliau terlantar diserang strok.

Melor kini mengharapkan kerusi roda untuk bergerak setelah diserang angin ahmar sejak tujuh tahun lalu.

Menurut beliau lagi, selama 31 tahun berkhidmat dengan Kemas setiap program berkaitan Umno menjadi satu kewajipan.

"Mereka arah ke mana sahaja, sukar untuk dibantah kerana telah begitu sehati dengan Umno.

"Selama 31 tahun berkhidmat bukannya satu tempoh yang singkat namun setelah huzur saya tidak dipedulikan hinggan kerusi roda pun terpaksa beli sendiri sedangkan pendapatan suami tidak tetap," ujarnya sayu.

Kata Melor lagi, suaminya Mansor Saad adalah penyokong Umno yang pernah menganggotai Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Namun begitu, beliau kesal khidmat suaminya juga tidak pernah dikenang. Penyelaras AMANAH Parlimen Padang Ter-



Mohd Khairizal ketika menziarahi Melor dan suami di kediaman mereka.

ap, Mohd Khairizal Khazali yang menziarahi Melor dan keluarga di Kampung Perik, Paya Terap, dekat sini bersimpati dengan nasib yang menimpa keluarga tersebut.

Khairizal turut menyampaikan sumbangan dan akan berusaha membantu keluarga terbabit.



# Pas tutup KPK, PH akan buka semula

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**G**UA MUSANG: Kilang papan Kompleks Perakayuan Kelantan (KPK) di Jelawang, Dabong akan kembali beroperasi jika kerajaan Pakatan Harapan (PH) mentadbir negeri Kelantan selepas pilihan raya umum (PRU) nanti.

Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa berkata kilang yang diasaskan oleh Tan Sri Mohamed Yacob itu perlu dihidupkan semula bagi memberi khidmat kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

"Sekarang tuan-tuan semua tahu, kilang papan milik KPK ini telah ditutup oleh kerajaan Pas.

"Insya Allah bila PH dipilih nanti, kilang ini akan beroperasi semula," katanya di majlis perasmian cawangan dan dialog rakyat di Jelawang, Dabong, 3 Mac lalu.

Menurutnya, pentadbiran KPK yang diketuai exco dan wakil rakyat Pas telah melakukan salah urus yang teruk hingga syarikat pembalakan itu akhirnya lumpuh sama sekali.

"Saya telah beberapa kali membangkitkan perkara ini di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri termasuk meminta kerajaan membenarkan laporan audit diumumkan," katanya.

KPK menurut Husam ditubuhkan bagi membantu rakyat yang kurang mampu memiliki rumah dengan membekalkan kayu pada harga murah.

"Walaupun kilang KPK telah tutup, balak

masih terus dikeluarkan. Ini bermakna balak itu dijual kepada orang lain dan tiada lagi manfaat untuk rakyat yang bekerja di situ.

"Bila PH mentadbir, kita akan memanfaatkan kilang ini dengan cara menyediakan kayu gergaji untuk membuat rumah yang boleh dijual dengan harga rendah kepada golongan rakyat yang tidak memiliki rumah kediaman.

"Kita akan beri tanah, beri tapak rumah, kayu balak kita mesin di KPK, kita buat saiz rumah rakyat dan jual dengan harga diskaun," katanya.

Beliau berkata Dabong memiliki sumber alam yang sangat bernilai tinggi untuk dimajukan dan dibangunkan.

"Di sini ada air terjun Stong yang merupakan air terjun tertinggi di Asia Tenggara.

"Sepatutnya direka bentuk laluan-laluan, denai-denai untuk pejalan kaki menikmati keindahan alam semulajadi di sepanjang air terjun ini.

"Telah ada banyak ekspedisi yang menemukan kekayaan pelbagai spesis dalam kawasan ini," ujarnya.

Menurut Husam, bunga reflesia iaitu bunga terbesar di dunia dan burung enggang yang hanya dianggap wujud di Sarawak juga ada di sekitar Dabong.

Beliau menambah, walaupun kawasan Nenggiri telah digazetkan sebagai 'taman negeri' namun ia tidak dimajukan bagi membolehkan pelancong-pelancong memasukinya dengan selesa dan selamat.

"Saya yakin sekiranya kawasan ini dima-

jukan, ia mampu menarik lebih dari 2 juta pelancong ke sini setiap tahun," katanya.

Menyentuh kejatuhan harga getah, beliau kesal kerana kerajaan negeri tidak mengambil apa-apa langkah untuk membantu rakyat.

"Gapo (Apakah) kerajaan Pas telah tolong Dabong dalam masa lima tahun ini," soalnya.

Pekebun-pekebun katanya patut dibantu dengan cara menyediakan sumber pendapatan kedua selain bergantung kepada getah dan kelapa sawit.

"Sepatutnya kerajaan secara sistematik membantu pekebun memodenkan kaedah penanaman mereka.

"Pokok-pokok yang menghasilkan buah bernilai tinggi perlu diperkenalkan

untuk diusahakan oleh rakyat.

"Kaedah pemasaran perlu diperkemas supaya hasil yang diperolehi oleh para pengusaha dapat ditingkatkan," katanya.

Dalam majlis itu, Haji Husam Musa disambut meriah oleh penduduk Dabong.

Sekitar 50 pemuda bermotosikal mengiringi beliau sebaik tiba di Dabong.

Husam kemudian menerima permohonan untuk menubuhkan 20 cawangan AMANAH di Dun Dabong.

Pengerusi AMANAH negeri Wan Abdul Rahim Abdullah, Naib pengerusi AMANAH negeri Ustaz Che Ibrahim Mohamed, ketua AMANAH Kuala Krai Roslan Abdul Rahman dan mantan Adun Dabong Arifabillah Ibrahim turut hadir.



Cikgu Wan Abdul Rahim menerima 20 permohonan menubuhkan cawangan AMANAH di Dabong.



Husam menyampaikan sumbangan dari seorang penderma untuk membaiki jalan kepada seorang penduduk Jelawang.



Sambutan meriah penduduk Dabong menyambut rombongan AMANAH negeri.

## Bicara pusaka tanah Wisma Tok Guru bermula

**KOTA BHARU:** Hasrat Pas Kelantan untuk mengambil alih Wisma Tok Guru dekat Salor terpaksa dipendamkan dahulu ekoran Mahkamah Tinggi Syariah, 28 Feb lalu menolak bantahan awal balu Allahyarham Datuk Rosli Ibarahim, Haripah Dollah berkaitan tuntutan pusaka termasuk tanah Wisma Tok Guru.

"Haripah memohon mahkamah menolak tuntutan pusaka oleh adik beradik arwah Datuk Rosli Ibrahim kerana harta

-harta berkenaan adalah atas namanya dan bukan nama arwah," kata peguam plaintiff, Hisham Fauzi.

Mahkamah katanya, keputusan pada perbicaraan itu menolak bantahan awal isteri arwah terhadap saman yang difailkan.

"Prosiding ini berkenaan permohonan bantahan awal defendan terhadap tuntutan plaintiff.

"Setelah mendengar hujah kedua belah

pihak, mahkamah menolak bantahan awal defendan atas alasan kes ini perlu melalui perbicaraan penuh kerana wujudnya fakta dan isu yang perlu diputuskan melalui pembuktian dan keterangan saksi-saksi," katanya.

Perbicaraan dijalankan di hadapan Hakim Datuk Abu Bakar Abdullah Kutty.

Plaintif-plaintif Bakori Ibrahim, Mohamad Ibrahim dan Hartini Ibrahim diwakili Firdaus & Partners, manakala defendan

Haripah Dollah dan An Nur Amaleen Ahmad Rusli diwakili Norshuhaida & Co.

Mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan penuh dan penyertaan saksi-saksi pada 27 Mac depan.

Pas membeli tanah yang dipertikaikan itu daripada Haripah semasa balu Allahyarham Rosli masih dalam tempoh edah.



# Apakah rakyat akan kebuluran?

**PADA** 3 Disember 1974 negara digemparkan oleh demonstrasi ribuan para pelajar di seluruh negara kerana menyokong bantahan rakyat di Sik dan Baling.

Bantahan para petani yang berdepan dengan kesempitan hidup akibat inflasi yang amat memburuk, keadaan ekonomi meleset kerana kejatuhan harga getah dan kenaikan mendadak harga gula.

Berita kematian seorang kanak-kanak akibat keracunan dari ubi gadung yang dimakan berpunca dari ketiadaan makanan berkhasiat milik keluarga tersebut turut menghangatkan suasana.

Perkhabaran ini bersambung dari mulut ke mulut menyebabkan kemarahan rakyat tak dapat dibendung lagi. Rakyat mula berhimpun dan berarak mengepung pejabat daerah, membawa ubi kayu dan pucuk ubi dan diserahkan secara simbolik kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menyatakan kemarahan mereka di atas kegagalan pemerintah mengurus ekonomi negara.

Peristiwa ini berlaku di zaman Perdana Menteri ke-2 Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein yang dianggap sebagai pentadbir dan bapa pembangunan negara.

Demonstrasi besar-besaran yang diadakan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Setar dan lain-lain tempat dianggap mencabar pemerintah pada waktu itu. Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Anwar Ibrahim dan rakan-rakannya, Mohd Nakhaie Haji Ahmad, Umar Jaafar, Ramli Ibrahim dan para pemimpin pelajar semasa termasuk Abdul Rahman Rukaini, Idris Jusri, Ibrahim Ali, Kamaruzzaman Yaakob dan puluhan yang lain ditahan di bawah Akta Keselamatan Negeri.

## Kajian Unicef

Hari ini saya dikejutkan oleh sebuah laporan yang dikeluarkan oleh Unicef Malaysia dalam satu kajian yang dijalankan pada Januari tahun ini terhadap rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di pangsapuri dan kawasan projek perumahan rakyat.

Kajian tersebut mendapati 97% dari keluarga miskin tidak mampu menyediakan makanan berkhasiat kepada anak-anak mereka kerana pendapatan yang kecil dan harga barang yang melambung tinggi sekarang. Rupa-rupanya keadaan seperti ini sudah berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Keluarga-keluarga miskin, ibu tunggal dan seumpunya mengeluh kerana tidak mampu membeli makanan-makanan berzat untuk mereka dan anak-anak.

Saya sering diberitahu sejak dulu lagi betapa para penggiat dan kader-kader parti pemerintah di desa dan pedalaman menakutkan rakyat kononnya jika Umno BN tumbang negara akan hilang kestabilan, huru-hara dan kembali ke zaman Jepun di mana makanan tidak mencukupi lalu terpaksa makan ubi kayu. Ini adalah antara proses pembo-



**Demonstrasi Baling 1974**

dohan yang dilakukan ke atas rakyat yang selamanya ditipu oleh ugutan dan temberang kader-kader Umno di desa dan luar bandar.

Hari ini ketika Umno dan BN memerintah negara, kalau dilihat pada laporan Unicef Malaysia menerusi kajian oleh sejumlah ahli-ahli akademik seperti Dr. Muhammad Abdul Khalid dan rakan-rakannya, menunjukkan tanda-tanda rakyat miskin yang berpendapatan rendah bakal mengalami 'kebuluran' dari makanan berkhasiat.

## Jaminan bekalan makanan

Ketika pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar punya kesempatan melancong, memperagakan aksesori mewah, makan di restoran-restoran elit, mengadakan parti hari jadi dan majlis resepsi perkahwinan dan belanja jutaan ringgit, pada masa yang sama rakyat berpendapatan rendah sudah hampir-hampir kebuluran.

Semua ini terjadi kerana keadaan ekonomi negara yang semakin memburuk. Pengurusan negara yang korup, tiris, tidak telus, lembam dengan penghapusan subsidi barangan asas dan bahan api, pemaksaan cukai barangan dan perkhidmatan GST antara punca kemelesetan ekonomi.

Kerajaan BN punya pemikir, think tank, pakar ekonomi yang hebat dari dalam dan luar negeri tetapi mana perlaksanaan dasar-dasar bekalan makanan (food security). Kedudukan ringgit begitu rendah sekali untuk mengimport bekalan makanan yang rata-ratanya dari luar negeri. Dasar negara tentang 'food security' atau jaminan bekalan makanan amat rendah sekali. Negara akan jadi tidak selamat.

Kalaupun negara ini menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi tetapi jika dasar menjamin bekalan makanan tidak diberi perhatian oleh kerajaan BN, kita bakal terjajah oleh negara adikuasa yang mengawal makanan dunia.

Saya pernah terhibur oleh sebuah lagu berjudul Serumpun Padi karya A.E. Wairata, sebuah lagu nasional yang menggambarkan kehidupan petani, padi, sawah dan harapan ibu pertiwi. Sebuah

lagu yang amat popular di Indonesia dan sering dinyanyikan oleh anak-anak di sekolah rendah lagi.

*Serumpun padi tumbuh di sawah,  
Hijau menguning daunnya  
Tumbuh di sawah penuh berlumpur.  
Di pangku ibu pertiwi  
Serumpun jiwa suci  
Hidupnya nista abadi  
Serumpun padi mengandung janji  
Harapan ibu pertiwi*

- A.E.Wairata

Pencipta lagu A.E.Wairata saat memandang hamparan sawah yang begitu luas dengan para petani bekerja keras. Kerja keras sebuah harapan bahawa dengan bercucuk tanam padi, kehidupan mereka akan menjadi lebih baik. Kehidupan yang lebih cerah, baik untuk dirinya, maupun tanah air tercinta negara Indonesia mereka.

"Serumpun padi mengandung janji, harapan Ibu Pertiwi." (Benih Kunci Sukses Agribisnis, Eddy Budiono, Jakarta 2008)

Bukankah dulunya kita puya falsafah kehidupan yang tinggi mengenai sumbangan pertanian kepada negara. Kita juga punya lagu-lagu dan syair yang menggambarkan pertanian penyumbang kehidupan di mana 'padi' ditautkan dengan 'budi'.

Sesudah Wawasan 2020 yang kini diganti semacam oleh TN50, namun tidak kelihatan di mana polisi mengenai 'food security', 'food safety' (keselamatan makanan) dan 'food healthy' (makanan sihat). Apa yang saya fahami badan dunia Food Agricultural Association berpendapat 70% bekalan makanan dunia sebenarnya datang dari ladang kecil sederhana milik keluarga petani.

Di mana dasar kerajaan Umno-BN dalam kaitan ini, apakah kerajaan Umno BN rasa cukup untuk bergantung dengan 'multi national cooperation' yang pada hakikatnya cuma membekalkan 30% makanan dunia, namun semua orang tahu mereka punya segala saluran dan wang untuk mengawal negara-



negara dunia.

Kegagalan pentadbiran dan pengurusan Umno-BN kerana pemimpin-pemimpin mereka tidak lagi mampu mengimplementasikan prinsip kepimpinan yang pernah digariskan oleh sang guru bangsa Ki Hadjar Dewantara yang begitu konkrit dan implitatif yakni:

"Ing ngarso sung tulodo, ing madyo mongun karso, tut wuri handayani."

Sebuah prinsip yang telah menjadi semacam 'leadership domain' bahawa di dalam organisasi mana pun para pemimpin, ketika sedang berdiri di depan harus memberi keteladanan, ketika di tengah mesti memberikan inspirasi dan di belakang memberi motivasi.

## Hilang idealisme

Bagi saya pemimpin Umno BN bermula dari Najib Tun Razak, timbalan-timbalannya dan anggota-anggota majlis tertinggi partinya dan para jemaah menteri-nya gagal menjadi teladan ikutan atau inspirator ataupun motivator bagi pemimpin rakyat dan negara. Mereka telah hilang idealisme, mereka semakin lemah daya kreativiti untuk mengungguli bangsa ini.

Negara memerlukan kerajaan rakyat yang baru dengan merealisasikan dasar ketiga yang termaktub di dalam Perlembagaan Parti Amanah Negara yang berbunyi:

"Melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan."

Pentadbiran baru perlu menggarap para pengeluar makanan sihat melalui agro ekologi yakni pertanian ekologi yang menghemat kebijaksanaan tradisi (tradisional wisdom) beserta kajian saintifik yang prihatin kepada rakyat.

Adalah diharapkan kerajaan baru nanti bakal mengadakan perhimpunan-perhimpunan konsultatif dan mengadakan kajian-kajian partisipasi bersama dengan para stake holder (pihak berkepentingan) termasuk apa yang saya senangi dipanggil CSO (Civil Society Organisation) walaupun sedang popular nama NGO (Non Government Organisation) untuk berunding dan bermuafakat bagi mengangkat mertabat rakyat menerusi pertanian.

Semua ini tidak akan dapat direalisasi tanpa perubahan rejim sesudah pilihan raya nanti.

■ **Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.**



# The factors, the scenarios and the comebacks

By **MANIVANAN GOWIN**

**THE** announcement of the Pakatan Harapan (PH) team of Tun Mahathir and Dato Seri Wan Azizah has created nightmares, real or imagined, for Prime Minister, Datuk Seri Najib Razak and his allies in Umno and BN, if at all they can find sleep.

With time running out, the scenario of what will happen when PH wins the coming election is becoming obvious. The terror of being held accountable for all past misdeeds is enough to drive any normal person insane, explaining much of what the sane would consider insane these past few months in Malaysia.

This time around however, the determining factors against BN would be different.

## 1. Cost of living and GST

The inflationary cost of living, directly bridged to the unjust burden of the GST, as well as the removal of much needed subsidies increasing the burden of living for a majority of the Malaysian public, is at its highest.

## 2. Greedy Leaders

What was planned for by our past leaders has been pushed aside to blanket the gaping shortcomings of greed. Greed for excess wealth, status and power, so very obvious in those at the helm today are causing a secular leadership.

The long suffering overburdened public are waiting impatiently to see these

villains being brought to justice.

## 3. Unemployment

Contrary to misrepresented statistics provided by the Prime Minister's Department, the reality is that unemployment is on the rise and those with a job can't earn a decent salary causing many, through no fault of their own, to compete with foreigners to maintain two jobs, neglecting their families, leading to a glaring raise in gangsterism in schools and recent fatal bullying cases.

## 4. Income crises

The powers that be supported by data and statistics realized by self-engaged international organisations, maintain that our Nation is, on paper, doing well. Our antics and "Joint Ventures" are second to none, often demanding prominence, not only for the antics of a few from our shores, but for mega projects, not always directly beneficial to the Rakyat, and yet our currency is not what it used to be.

Many would fall in cases of employment collapse, advancing to income crises. As announced, "one out of two Malaysians

**“BN has won all the past 13 elections since independence with every election holding its own determining factors and scenarios. Similarly, this coming election will be no different.”**

have no immediate liquid financial assets, making them vulnerable in the event of an income or employment shock."

## 5. Inequality

While in theory there are rules to protect all citizens equally, the very same rules have been conveniently misconstrued, followed by what we all have come to realise to be, a barrage of why's, and immediate implementation, much like a situation in our childhood when ownership of a football dictated the position played of its owner.

## The scenarios:

1. When PH wins the coming elections our virtues and values will NOT allow for a PM from a single party to maintain absolute control, allowing for a team win for all, unlike the BN leadership that is Umno. PH has demonstrated their scrutiny of all matters in leadership, maintaining a check and balance on each decision taken.

2. The leadership of PH will see rule of law and not a nation of nepotism. Our Leaders will redirect the misguided path

so obvious yet ignored, returning to the path intended, through sacrifices made by our Leaders, namely Datuk Seri Wan Azizah and her family.

3. The very Umno Baru initiated by Tun M, fears him, for his truths. The truth, of even greater challenges that we all face, remembering that we are Malaysians first, never separated by our ethnicity. I remember Tun saying, "If you can't be part of the solution, get out of the way, don't be part of the problem."

4. Today, a Malay without Umno will not die! We, The rakyat hold the opportunity for a fresh start, the occasion to create!

## The Comebacks:

The Team NOW that is Tun Mahathir and Dato Seri Anwar Ibrahim, will return us all to our glory days, paving the path through, ultimately from Tun M to DSAI, to a better Malaysia for all of us.

#Bina Semula Negara.

■ **Manivanan Gowin is MP for Kapar.**

## Razali Ibrahim should focus on his portfolio, not Equanimity

By **GOBIND SINGH DEO**

**IS** Dato Seri Razali Ibrahim involved in the 1MDB probe so much so that he is in a position to speak on its dealings and the purchase of the Equanimity? ([www.malaysiakini.com/news/414529](http://www.malaysiakini.com/news/414529))

He is the minister in charge of the MACC and its affairs.

On 17th June last year, MACC chief Tan Sri Dzulkifli Ahmad said MACC is not probing 1MDB and that was being done by other agencies, namely the police.

On 31st October last year, the Attorney General announced that he was reopening the 1MDB probe and directed the police to conduct further

investigations into the matter.

In a reply to Petaling Jaya Utara Member of Parliament Tony Pua on 2nd November last year, the Minister of Home Affairs, Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi said the police have carried out investigations as instructed by the Attorney General and have referred the investigation paper back to the Attorney General's chambers.

So how is Razali in a position to speak of the Equanimity and 1MDB's dealings with it if any, when the probe into it is conducted by the police and their finding's yet to be announced?

To my mind, Razali should focus on his portfolio and on matters related to the MACC. Perhaps he can tell us what has

become of the probe into video clips involving a senior MACC official in Bali which seems to have gone silent now.

Was there an internal probe carried out by the MACC and what became of it? And there was a police investigation into the matter. What happened to that?

He should also explain what has become of Ops Gopi which saw the press widely reporting raids, arrests and the recovery of monies by the MACC which reports gripped the nation. What has become of that probe? Why the silence?

Back to the Equanimity, I urge Razali to advise the Attorney General to take steps to work with the Indonesian police and other relevant authorities in

order to investigate the yacht because that may lend leads which may help our probe into 1MDB.

The Attorney General's position that we ought not to care because the yacht doesn't belong to Malaysia is most unreasonable. Such a stand defies logic as one would have expected the Attorney General to take great interest in the seizure and the contents of the yacht. This stand surely cannot augur well for the MACC if it wants to improve its ranks when it comes to the global fight against corruption.

■ **Gobind Singh Deo is DAP Deputy National Chairman and Puchong MP.**



# Adakah RoS diperalat untuk elak Umno diharamkan?

**P**ADA 28 Feb lalu, saya telah memberi pandangan tentang krisis perlembagaan Umno, yang muncul selepas tarikh 1 Mac 2018, di atas kegagalan cawangan Umno untuk mengadakan pemilihan pada atau sebelum 28 Feb 2018 dan kesan yang boleh

membawa kepada pengharaman Umno oleh pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia (RoS).

Pada 1 Mac 2018 The Malaysian Insight di bawah tajuk "RoS patut isytihar Umno haram 19 April, kata peguam Dr Mahathir" telah merujuk dan memetik kandungan penulisan saya di Siri: 1305 itu, sepertimana yang telah saya muat naik di Siri: 1307.

Selepas tempoh lima (5) hari, tanpa mana-mana pemimpin Umno ataupun Peguam Umno membuat apa-apa kenyataan berkaitan isu pengharaman Umno ini, tiba-tiba The Malaysian Insight pada 5 Mac 2018 di bawah tajuk "RoS sah lulus permohonan Umno tangguh pemilihan parti" telah melaporkan seperti berikut:

"Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) hari ini mengesahkan kelulusan permohonan parti Umno untuk perlanjutan mengadakan pemilihan di peringkat Majlis



**PENDAPAT**  
HANIF KHATRI

Tertinggi bagi 2017.

"RoS dalam kenyataan hari ini berkata ia adalah selaras dengan peruntukan perlembagaan pertubuhan Fasal 10.17, yang memperuntukkan penangguhan pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi, Bahagian dan Cawangan, yang tidak boleh melebihi

18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan.

"Menurut RoS, Umno telah menetapkan supaya pemilihan tersebut diadakan pada 19 April 2019.

"Adalah diingatkan bahawa setiap parti (dan pertubuhan) berdaftar hendaklah menjalankan urusan-urusannya mengikut peruntukan perlembagaan berdaftar serta Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335)," katanya. - Bernama, 5 Mac, 2018

Saya ingin menampilkan cabaran sah kepada pihak RoS untuk mendedahkan kepada orang awam seperti mana yang RoS sering suka lakukan bila berkaitan parti-parti politik lain selain Umno, akan perkara-perkara seperti berikut:

- a) Bilakah "permohonan untuk penangguhan pemilihan lanjut dari 19 April 2018 ke tarikh 19 April 2019" itu

**“ Atas peruntukan/fasal mana dalam Perlembagaan yang dikatakan RoS bahawa “permohonan untuk penangguhan pemilihan lanjut dari 19.04.2018 ke tarikh 19.04.2019” itu adalah kononnya sah dan terpakai?**

telah dibuat oleh Umno kepada RoS?

- b) Apakah tarikh sebenar kelulusan Usul Majlis Tertinggi Umno berkaitan keperluan "permohonan untuk penangguhan pemilihan lanjut dari 19.04.2018 ke tarikh 19.04.2019" itu dilakukan, seperti mana ianya sewajarnya dimaklumkan kepada RoS dalam permohonan itu?
- c) Atas peruntukan/fasal mana dalam Perlembagaan yang dikatakan RoS bahawa "permohonan untuk penangguhan pemilihan lanjut dari 19.04.2018 ke tarikh 19.04.2019" itu adalah kononnya sah dan terpakai?
- d) Jikapun, "permohonan untuk penangguhan pemilihan lanjut dari 19.04.2018 ke tarikh 19.04.2019" itu sebenar-benarnya wujud sebelum dari tarikh Kenyataan RoS pada hari

ini, maka kenapakah ianya tidak diumumkan oleh Umno mahupun dimaklumkan oleh RoS kepada orang awam sebelum daripada penulisan saya di Siri: 1305 pada 28.02.2018 ataupun sebelum Laporan The Malaysian Insight bertarikh 1 Mac 2018, yang merujuk dan memetik kandungan penulisan saya di Siri: 1305 itu diterbitkan, seperti di Siri: 1307?

Saya juga dengan ini mengumumkan: Bahawa sekiranya, RoS tidak membuat pendedahan perlu terhadap kesemua empat (4) soalan yang ditampilkan di perenggan 4(a) hingga 4(d) atas; Maka terbuktilah bahawa RoS adalah satu lagi agensi awam yang menjadi alat dan jentera salah guna kuasa Umno yang bertujuan semata-mata untuk menyelamatkan Kerajaan Najib Razak.

**Haniff Khatri ialah seorang peguam.**

## SOP murtad sudah sedia wujud, jangan main sentimen agama

**SAYA** dikirinkan dengan satu kenyataan daripada seorang Ahli Parlimen dan juga Ketua Penerangan Pas yang menulis darihal isu 'SOP Murtad' di Sarawak.

Sejujurnya saya menjangka hal ini akan berlaku, walau tetap berdoa ada sedikit kebijakan yang tersisa pada hati budi mereka dalam menghadapi isu rakyat (Sarawak) ini secara jujur dan berminda "kerajaan". Apalagi bagi yang mengidamkan sangat untuk membentuk "kerajaan teknokrat" untuk semua kaum dan agama!

Malangnya jangkakan saya tepat. Isu seperti ini sekali lagi diambil peluang untuk menjadi juara.

Juara menyerabutkan masyarakat dengan permainan sentimen agama yang berapi-api. Bukan itu sahaja, malahan dikaitkan pula dengan RUU 355 walau hakikatnya ia tiada kaitan langsung.

### APA YANG SEBENAR?

"SOP Murtad" telah sedia wujud



**PENDAPAT**  
AIMAN ATHIRAH ALJUNDI

dalam Enakmen Syariah Negeri Sembilan dan beberapa negeri lain termasuk Perak.

Lalu apa pendirian Pas sebelum ini? Adakah Pas baru terjaga daripada lena yang panjang? Atau sememangnya jenis parti oportunist yang akan sering mempergunakan agama (Islam) untuk dilihat sebagai juara?

Sama seperti kes Indira Gandhi, yang apabila disiasat rupanya peruntukan yang sama juga telah diluluskan oleh Kerajaan Terengganu semasa calon Pas menjadi MB dan membentuk kerajaan!

Dalam kes-kes murtad, Mahkamah Sivil telah

menyerahkan kuasa bicara dan membuat keputusan kepada Mahkamah Syariah. SOPnya ada pelbagai. Lalu tuntutan PH Sarawak adalah SOP mana yang perlu diikut. Dan yang mereka minta adalah SOP itu. Diminta juga bukan kepada pihak lain yang tiada autoriti tetapi kepada Majlis Agama Islam Sarawak. Bukan diminta kepada Pope John Paul atau Queen Of England!

Perlu diingat, yang timbul di sini adalah SOP bagi menyelesaikan pelbagai kes rakyat berbangkit darihal murtad yang berpunca juga daripada pelbagai faktor termasuk pendaftaran yang salah (nama kaum bumiputera serupa muslim dan ada yang guna "bin" dan "binti"), masuk Islam semata-mata kerana perkahwinan (bukan kefahaman), anak kepada saudara baru (muallaf) yang selepas ibu ayahnya meninggal dunia dipelihara oleh saudara mara yang bukan Islam berpuluh tahun dan kemudian hidup sebagai bukan Islam dan bermacam-macam kes

lagi yang sememangnya rumit.

Contohnya si anak itu tadi apabila besar dan ingin berkahwin maka barulah timbul semula persoalan akan status agamanya.

Lalu bagaimana ia harus diuruskan. Itu semua perlu kepada SOP yang jelas. Itu yang dituntut dan disarankan oleh PH Sarawak. PH bersiap mahu menjadi kerajaan bagi menangani dan menyelesaikan permasalahan rakyat yang bukan sahaja terkait ekonomi dan kos hidup rakyat, tetapi menyeluruh.

### BUKAN GALAK MURTAD

"SOP murtad" sama sekali bukan bertujuan bagi menggalakkan sesiapa sahaja murtad sesuka hati atau memudahkan seseorang itu murtad.

"SOP murtad" sebenarnya adalah satu kaedah terpimpin yang ditetapkan oleh cerdik pandai Islam dan pengamal syariah dan diluluskan oleh

kerajaan bagi mempermudah urusan hidup masyarakat.

Cuma cadangan saya ke hadapan, kita mungkin boleh berikan nama yang lebih baik, selain "SOP murtad" bagi mengelakkan salah faham dan ambil kesempatan khususnya oleh politik-politikus Islam yang oportunis.

Persoalan akhir saya sebagai respon kepada sikap Pas ini, berebut mahu bertanding dalam pilihan raya untuk jadi kerajaan yang bagaimana? Kerajaan kepada siapa? Kerajaan yang akan mengurus isu-isu rakyat yang pelbagai dengan sejujurnya dan adil atau kerajaan yang hanya menyerabutkan rakyat dengan pelbagai sentimen dan emosi tanpa berpijak di bumi nyata?

Kita semua sedang bergerak untuk memimpin "dunia yang masih ada, bukan yang sudah tiada".

**Penulis ialah Ketua Penerangan Wanita Pakatan Harapan.**





## Dihalang guna treler tidak jejas momentum PH Perak

**H**ujan sepanjang petang pada 3 Mac lalu tidak menghalang kira-kira 10,000 masyarakat setempat sekitar Taiping untuk hadir menyaksikan Ceramah Jelajah Pakatan Harapan pada sebelah malamnya di kaki Bukit Jana, Kamunting.

Lokasi Kelab Golf Taiping itu menyaksikan rakyat yang mahukan perubahan kerajaan tidak berganjak untuk terus mengikut program sempena Pelancaran Jentera Pilihan Raya Pakatan Harapan Perak.

Berbilang kaum dan terdiri daripada pelbagai lapisan usia, lagu Negaraku dinyanyikan bersama-sama sebelum diikuti bacaan doa dipimpin Timbalan Ketua AMANAH Taiping, Ir Dr Muhd Fadhil Nuruddin.

Meskipun pihak berkuasa menghalang pentas ceramah di atas treler yang tertera ungkapan 'Luaskan Harapan' daripada digunakan, momentum rakyat untuk sedia bertempur pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) tidak pudar.

Larangan yang tidak lebih menggambarkan tindakan terdesak kerajaan Umno-BN dilihat cuba untuk menafikan realiti sokongan luar biasa rakyat kepada Pakatan Harapan ketika PRU-14 semakin hampir.

Tidak dapat berceramah di atas treler berlatar belakang imej besar barisan wajah anak-anak Malaysia setinggi dua meter, pimpinan Pakatan Harapan masih boleh bersilih ganti berucap di atas kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux milik DAP kira-kira 100 meter dari treler itu.

Sukar bahkan sebahagian yang hadir gagal menyaksikan pimpinan berceramah secara lebih jelas, begitulah situasi rejim Umno-BN yang



Treler PH tidak dibenar digunakan sebagai pentas ceramah oleh polis.

hanya mahu terus membiarkan masa depan rakyat kabur dengan segala kepincangan urus tadbir.

Kemunculan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad

nampaknya memang dinanti-nantikan penduduk Taiping.

Tokoh negarawan yang pernah dikenali dengan sajaknya bertajuk, 'Perjuangan Belum Selesai' terus

berjuang dalam usaha menjatuhkan Najib Razak dan Umno-BN ketika usianya bakal menginjak 93 tahun pada 10 Julai depan.

Hampir 40 minit berucap, Tun Mahathir mendedahkan telah menemui lebih 60 kesalahan yang dilakukan Najib Razak. Walaupun pada minit ke-10, beliau batuk beberapa kali, tetapi ceramahnya diteruskan selepas meneguk air yang cepat-cepat dihulurkan kepadanya.

Bagi Tun Mahathir, 60 kesalahan Najib itu belum lagi termasuk beberapa lagi isu membabitkan hartawan hidup mewah yang juga rapat dengan keluarga Najib iaitu Jho Low.

"Akan lebih banyak lagi kalau dibenar orang ini (Najib) memimpin negara. Kita yang pilih dia. Sepatutnya,

dia berkhidmat untuk kebahagiaan hidup kita.

"Tetapi Najib tidak langsung berminat untuk menolong menjadikan kehidupan rakyat lebih bahagia di negara tercinta ini.

"Dia tak nak berkhidmat untuk rakyat. Sebaliknya, dia curi duit. Nak beli dedak, nak sumbat dalam mulut rakyat supaya jadi bisu," tegasnya.

Beliau yang ketika di kerusi Perdana Menteri dahulu menjadi sosok pemimpin Asia yang disegani dunia juga menyebut tentang isteri Najib iaitu Datin Seri Rosmah Mansor yang dikenali umum terpalit dengan gaya hidup luar biasa mewah.

Tun Mahathir menganggap Najib sama sekali tidak mewarisi kesungguhan politik dan kepimpinan ayahnya Tun Razak.

Semestinya isu penyelewengan dan salah guna duit rakyat yang menarik perhatian banyak negara lain iaitu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) turut beliau sentuh.

Kelebihan yang jelas ada pada Tun Mahathir, beliau mampu memberi pemahaman kepada rakyat tentang rompak duit rakyat berjumlah RM42 bilion itu dalam bahasa yang mudah difahami.

"Jangan kita bisu. Kita terus menjerit!" seru Mahathir lagi yang ucapannya ketika itu turut disiarkan secara langsung di pelbagai medium media sosial.

Program yang berakhir kira-kira jam 11.30 malam itu menyaksikan deretan kereta dan motosikal yang diparkir sepanjang lebih 500 meter dari tapak ceramah.

Mesejnya jelas. Meskipun dihalang menggunakan treler tetapi masih tidak mampu 'melanyak' momentum Pakatan Harapan Perak.



Tun Mahathir berucap di atas kenderaan pelbagai guna.





Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengambil giliran berucap.



Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin berucap penuh semangat.



Ketibaan Tun Mahathir disambut hangat penduduk Taiping.



Aksi rakyat pelbagai kaum yang hadir di program ceramah Jelajah PH.



Antara sebahagian daripada ribuan hadirin yang membanjiri Kelab Golf Taiping.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

**RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.



**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**

 **01132334322 (EN HAKIM)**



PP18978/03/2016(034450)



Ratusan juta disonglap, BN beri tangki biru

ms 23

**WAKTU SOLAT**  
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11.03.18	5:56	6:06	7:20	1:26	4:37	7:27	8:36
12.03.18	5:55	6:05	7:20	1:26	4:36	7:27	8:36
13.03.18	5:55	6:05	7:19	1:26	4:35	7:27	8:36
14.03.18	5:55	6:05	7:19	1:25	4:35	7:27	8:36
15.03.18	5:54	6:04	7:19	1:25	4:34	7:27	8:36
16.03.18	5:54	6:04	7:18	1:25	4:33	7:27	8:35
17.03.18	5:54	6:04	7:18	1:24	4:32	7:26	8:35

# Amanah

BIL 93 | 11 - 17 MAC 2018

## Soalan 1MDB taboo di Parlimen



Empat soalan Hanipa berkaitan 1MDB ditolak oleh Speaker Dewan Rakyat.

**PENGGAL** Keenam Majlis Parlimen yang ke-13 hari ini menyaksikan sekurang-kurangnya sembilan soalan daripada wakil rakyat Pakatan Harapan (PH) berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditolak.

Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin memberitahu, empat daripada lima pertanyaan jawab lisan beliau berhubung dengan skandal mega syarikat pelaburan negara sarat hutang itu ditolak.

Ke empat-empat soalan tersebut ditolak mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Nombor 23, antaranya dengan alasan, pertanyaan yang dibangkitkan sedang dalam proses mahkamah.

Selain itu, pertanyaan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad yang meminta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat menuntut harta-harta yang telah disita oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DOJ) yang dilaporkan bernilai lebih daripada RM14 bilion turut ditolak.

Empat soalan Tony Pua (DAP - Petaling Jaya Utara) mengenai isu 1MDB juga ditolak.

# EQUANIMITY: RAFIDAH SELAR KERAJAAN



RAFIDAH AZIZ

**BEKAS** menteri kabinet Tan Sri Rafidah Aziz mempertikaikan kegagalan pihak berkuasa kerajaan mengesan kapal mewah Equanimity milik Jho Low sedangkan beliau telah mengesannya sejak tahun lalu lagi.

Kenyataan itu ditulis beliau selepas kapal mewah milik rakan perdana menteri itu disita oleh pihak berkuasa Indonesia di Bali selepas bekerjasama dengan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat.

Rampasan itu dibuat sebahagian dari siasatan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika terhadap syarikat milik Malaysia, 1MDB.



➔ Laporan penuh muka 8

← Gambar kapal mewah Equanimity milik Jho Low yang diambil gambarnya oleh Rafidah berhampiran Phuket, Thailand tahun lalu.

**PROMOSI TERBARU!!**

DAPATKAN SEGERA

01132334322 untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

FAIZ FADZIL  
**KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT**



HANYA RM 30

**TEKAL BERJUANG**  
MEMOIR ANUAR TAHIR

HANYA RM 35

MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN

HANYA RM 39

SYURA & DEMOKRASI  
dari perspektif Maqasid al-Shari'ah

HANYA RM 49

Charles Allers  
**ANWAR IBRAHIM**  
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM